



# ARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN  
KEDUABELAS 2012

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan  
Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan  
Rakyat Daripada Kementerian**

HARI ISNIN : 18 JUN 2012

CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA.

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 5,  
8 HINGGA 104)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7  
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah  
CAWANGAN PERUNDANGAN  
PARLIMEN MALAYSIA

**18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SQALAN** :

Dato“ Seri Tengku Azlan Sbni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jeranlut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan yang wajar diambil terhadap pihak yang telah melanggari perintah mahkamah.

TARSKH

**JAWAPAN: PATO' SERi MOHAMED NAZRI ABDUL AZBZ**  
**MENTERI PI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang ds-Pertua,

1. Dalam konteks presiding sivil, tindakan melanggari perintah mahkamah atau keingkaran (*disobedience*) perintah mahkamah merupakan satu tindakan penghinaan mahkamah (*contempt of court*) yang mana mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan untuk mengenakan hukuman pemenjaraan atau denda.

NO. SOALAN: 5

2. Secara ringkasnya, prosiding komital (*committal proceedings*) untuk penghinaan mahkamah boleh dibahagikan kepada dua, iaitu presiding yang dimulakan oleh pihak yang berkepentingan dan prosiding yang dimulakan oleh mahkamah sendiri.
3. Prosiding yang dimulakan oleh pihak yang berkepentingan memerlukan kebenaran mahkamah bagi mengeluarkan satu Notis Usui (*notice of motion*) untuk disampaikan kepada pihak yang dikatakan melakukan penghinaan mahkamah. Pihak yang berkepentingan itu perlu membuktikan dua perkara iaitu Notis Usui telah disampaikan dan pihak yang dikatakan melakukan penghinaan mahkamah tersebut telah melakukan penghinaan mahkamah yang didakwa.
4. Bagi prosiding yang dimulakan oleh mahkamah sendiri, mahkamah akan memulakan prosiding terhadap pihak yang didapati melakukan penghinaan mahkamah yang dikatakan sebagai '*contempt in the face of the court*'. Mahkamah akan menerangkan kepada pihak yang didakwa kesan kesalahan yang dilakukannya dan pembelaan pihak yang berkenaan akan didengar oleh mahkamah. Sekiranya pihak yang berkenaan memohon maaf daripada mahkamah dan mahkamah menerima permohonan maaf tersebut, maka, tiada tindakan akan diambil oleh mahkamah.
5. Tatacara prosiding komital bagi penghinaan mahkamah bagi Mahkamah Tinggi diperuntukan dalam Aturan 52 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 manakala tatacara prosiding penghinaan
6. Kaedah-Kaedah SVialkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 memperuntukkan jenis keingkaran perintah

mahkamah yang membolehkan presiding komital dimulakan, antaranya seperti berikut:

- (a) Aturan 24 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1880/ Aturan 20 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 Keingkaran perintah berkenaan dengan penzahiran dan pemeriksaan.
- (h) Aturan 45 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980/ Aturan 30 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 Keingkaran perintah berkenaan dengan pembayaran wang, penyerahan harta, perintah untuk membuat atau tidak membuat sesuatu dan sebagainya.

7. Dalam konteks prosiding jenayah, tindakan keingkaran perintah mahkamah merupakan satu kesalahan jenayah yang diperuntukkan di bawah Bab X (Bab Sepuluh) Kanun Keseksaan [Akta 574]. Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan bagi keingkaran perintah, seperti berikut:

- (a) seksyen 173 memperuntukkan kesalahan keingkaran untuk menghadirkan din pada masa dan di tempat yang ditentukan dalam satu perintah oleh seorang pejawat awam; dan
- (b) seksyen 188 memperuntukkan kesalahan mengingkari perintah yang diistiharkan (*promulgated*) oleh seorang pegawai awam sehingga mendatangkan halangan, kegusaran atau kecederaan kepada mana-mana orang yang diberi kuasa oleh undang-undang atau mendatangkan bahaya kepada nyawa, kesihatan dan keselamatan manusia atau menyebabkan rusuhan atau perkelahian (*affray*).

NO. SOALAN: 5

Bagi tujuan seksyen 173 dan 188, istilah pejawat awam ditafsirkan sebagai termasuk hakim.

8. Akhir sekali, siasatan lengkap dengan keterangan yang mencukupi untuk membuktikan satu kesalahan perlu dilaksanakan sebelum pertuduhan dikemukakan di mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

**SOALAN NO**  
**PERTANYAAN                    LISAN**  
**DARIPADA                    PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT                    YB**  
**KAWASAN                    TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID**  
**TARIKH                    KUALA LANGAT 18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**YB. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID (KUALA LANGAT) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan bila projek menaik taraf jalan dari  
Banting ke Putrajaya melalui Bukit Changgang dapat dilaksanakan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya mempunyai perancangan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 31 (FT 031), iaitu dari Banting ke Dengkil melalui Kampung Bukit Changgang, Kuala Langat. Cadangan projek ini merupakan antara perancangan untuk meningkatkan akses jalan raya di daerah tersebut selain daripada projek-projek berskala besar lain, seperti Lebuh Raya Lembah Klang Selatan (SKVE) dan cadangan pembinaan Lebuh Raya Persisiran Pantai Barat (WCE).

Pada masa kini jalan FT 031 yang dibina dengan piawaian JKR R3, 2 lorong 2 hala (*single carriageway*) itu telah mencapai had kapasiti trafik maksimum, iaitu sekitar 30,000 kenderaan sehari. Ia berikutan daripada kesan pembangunan pesat di sepanjang koridor laluan akibat daripada kesan tumpahan pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan berhampiran, seperti Pusat Pentadbiran Putrajaya dan KLIA. Anggaran kos keseluruhan untuk menaik taraf jalan sepanjang 20 kilometer berkenaan kepada 4 lorong 2 hala dengan reka bentuk piawaian JKR R5 ialah sebanyak RM250 juta.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya sedang berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, jPM) untuk membolehkan kerja-kerja awalan dan reka bentuk projek ini

dilaksanakan terlebih dahulu dalam tempoh *Rolling Plan* ke-3, RMKe-10.  
(2013-2014).

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**  
**PERTANYAAN**                           **JAWAB LISAN**  
**DARIPADA**                           **DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**  
**TARIKH**                               **18 JUN 2012 (ISNIN)**  
**SOALAN**                              **NO. 9**

**Dato' Mohd Jidin bin Shafee** [ Setiu ] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah penuntut yang diambil tindakan atas pelbagai kesalahan mengikut pecahan universiti awam di negara ini dan sejauh manakah keberkesanan di sebalik tindakan yang telah diambil itu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data yang diperolehi daripada setiap 20 buah IPTA, bilangan pelajar yang dikenakan tindakan tatatertib bagi tahun 2011 ialah seramai 637 orang. Daripada jumlah tersebut, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil tindakan ke atas seramai 459 orang pelajarnya; Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) seramai 55 orang; Universiti Malaya (UM) seramai 40 orang; Universiti Malaysia Sabah (UMS) seramai 29 orang; dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) seramai 12 orang.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, jumlah tinggi yang direkod dalam UMP ialah berkaitan kesalahan jalan raya. Seramai 431 orang telah dikesan melakukan kesalahan lalulintas termasuk tidak membawa lesen memandu. Walau bagaimanapun, jenis kesalahan paling tinggi berlaku dalam IPTA ialah kecurangan akademik, iaitu membawa nota, meniru, cubaan meniru, menipu dalam peperiksaan dan sebagainya yang merekodkan sebanyak 113 kes.

Secara keseluruhannya jika dibandingkan dengan bilangan enrolmen pelajar di sesebuah IPTA, bilangan pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin adalah rendah dan terkawal. Berdasarkan maklumbalas daripada IPTA juga, kes-kes kesalahan berulang adalah rendah di mana pelajar yang telah dikenakan tindakan kebiasaannya tidak lagi mengulangi kesalahan tersebut. Pihak IPTA juga sentiasa mengadakan ceramah bagi memberi kesedaran kepada pelajar dalam mengurangkan masalah disiplin.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA            TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH**  
**[SUBANG]**

**SOALAN NO.11**

**TARIKH                    18 JUN 2012**

**SOALAN**

**Tuan Sivarasa a/l K.Rasiah [ Subang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:-**

jumlah teksi yang dikeluarkan di Lembah Klang, berapa atas nama syarikat dan berapa dalam nama pemandu individu.

**JAWAPAN:**      |  
YB DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

## **SOALAN NO.10**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini 37,712 permit telah dikeluarkan atas nama syarikat manakala 12,968 permit telah dikeluarkan atas nama individu di Lembah Klang. Jumlah kesesuaian permit yang telah dikeluarkan di Lembah Klang adalah sebanyak 50,680 permit.

Dalam pembentangan Bajet 2012, Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif kepada pemandu teksi seperti berikut:

- i. kerajaan mencadangkan pengecualian 100 peratus duti eksais dan cukai jualan ke atas pembelian teksi baru buatan tempatan;
- ii. Pengecualian bayaran balik duti eksais dan cukai jualan ke atas teksi yang berusia lebih dari tujuh tahun yang dijual atau ditukar milik;
- iii. Memansuhkan cukai jalan ke atas teksi bajet milik persendirian, pemberian subsidi kadar faedah dua peratus ke atas pinjaman penuh bagi golongan berkenaan untuk memiliki teksi baru buatan tempatan. Skim pinjaman itu yang diuruskan oleh BSN akan ditawarkan untuk tempoh dua tahun bermula 1 Januari depan.
- iv. pemberian bantuan RM3,000 ringgit bagi melupuskan teksi lama yang berusia melebihi tujuh tahun tetapi kurang daripada 10

## **SOALAN NO.10**

tahun.

3

Bagi teksi yang berusia 10 tahun dan ke atas, bantuan RM 1,000 akan diberikan. Bantuan ini ditawarkan bagi pembelian kereta baru buatan tempatan untuk tempoh dua tahun mulai 1 Januari 2012.

Kerajaan berharap dengan pemberian bantuan ini, pemandu teksi dapat memberi perkhidmatan lebih berkualiti, mesra pelanggan dan sekali gus menaikkan imej negara yang mesra pelancong.

Pemberian bantuan kepada pemilik teksi bajet ini juga dipanjangkan kepada pemilik kereta sewa persendirian di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS [2012]**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    YB DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED  
[SEKIJANG ]**

**TARIKH                    18 JUN 2012 [ISNIN]**

**SOALAN :**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [ Sekijang ] minta PERDANA NO. SOALAN : /  
MENTERI menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh  
Kerajaan untuk mengenal pasti dan menghalang kumpulan seks  
bebas dan kumpulan LGBT terus mendapat tempat di kalangan umat  
Islam di negara ini

**JAWAPAN :** ( Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL  
KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA M ENTERI)

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan memandang serius isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dan memberi perhatian untuk menangani isu ini dengan bersungguh-sungguh kerana penularan gejala LGBT adalah bertentangan

dengan prinsip perlembagaan yang meletakkan agama Islam adalah agama persekutuan.

Untuk membentras gejala buruk dan keji ini, Kerajaan melalui Jabatan Kermajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama-sama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah menyusun strategi untuk menghalang penularannya hingga ke akar umbi dengan dua pendekatan iaitu **pencegahan** dan **penguatkuasaan undang-undang**.

**Dalam aspek pencegahan**, JAKIM sejak awal lagi telah menjalankan program tarbiyyah dan dakwah di kalangan umat Islam melalui program KAFA untuk menanam kefahaman Islam kepada anak-anak seawal usia. Seterusnya pendidikan dan tarbiyyah di kalangan umat Islam diperkuatkuarkan melalui aktiviti-aktiviti dakwah seperti program takmir masjid dan surau seluruh negara, kursus pemantapan aqidah, kursus kefahaman Islam kepada semua peringkat usia dan golongan, program dakwah melalui media massa dan sesi dialog bersama kumpulan pakar.

Kesinambungan pelaksanaan pelbagai program tersebut, bagi meningkatkan kesedaran terhadap bahaya LGBT ini, JAKIM bersama JAIN memperhebatkan penyebaran kefahaman berkaitan isu ini melalui **Program Jelajah BEST! (Buat Elok Saja Tau!)**. Program ini memfokuskan terhadap kesedaran komuniti setempat khususnya remaja terhadap gejala sosial terutama penularan HIV AIDS melalui aktiviti Homoseksual.

Sekiranya terdapat masyarakat Islam yang terbabas dari prinsip dan norma masyarakat bertamadun, kumpulan ini akan diberi **pemulihan dan rawatan** ('illaj wa syifa') melalui kursus yang dijalankan dari semasa ke semasa. Sehingga kini, JAKIM bersama JAIN telah menjalankan program **Mukhayyam bersama Mak Nyah** kepada kumpulan transgender. JAKIM mendapat maklumbalas yang positif dari peserta yang mengikuti program ini dan untuk kembali ke pangkal jalan. Kumpulan gay agak sukar dikenali dan didekati, walaubagaimanapun JAKIM dan JAIN telah memulakan usaha mendekati mereka dan program terdekat bersama mereka pada 13 dan 14 Julai 2012 ini.

Dalam aspek **penguatkuasaan** pula, undang-undang telah pun memperuntukkan secara jelas dalam Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559], dan boleh dikuat kuasakan kepada orang Islam sahaja. Antara peruntukan-peruntukan yang berkaitan adalah seperti berikut:

- |  |          |
|--|----------|
| (i)  | <b>S</b> |
| <b>eksyen 21</b> - kesalahan <b>pelacuran</b> ;  |          |
| (ii) <b>Seksyen 22</b> - kesalahan <b>muncikari</b> , "ibu ayam"atau pun "bapa ayam";                    |          |
| (iii)  | <b>S</b> |
| <b>eksyen 25</b> - kesalahan <b>liwat</b> ;  |          |
| (iv) <b>Seksyen 26</b> - kesalahan <b>musahaqah</b> atau perhubungan sejenis sesama perempuan (lesbian); |          |
| (v)  | <b>S</b> |
| <b>eksyen 28</b> - lelaki berlagak perempuan; dan  |          |

- (vi) **Seksyen 29 - perbuatan tidak sopan** di tempat awam, di mana perkataan tidak sopan ini membawa maksud mana-mana orang yang bertindak atau berkelakuan tidak sopan bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat awam.

Sehubungan itu, Kerajaan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa agama negeri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak terbabit sekiranya didapati telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang sedang berkuatkuasa di negeri-negeri. Tambahan pula, tiada peruntukan undang-undang, malah mana-mana agama di negara ini vang membenarkan hubungan seienis, seks bebas dan perkahwinan seienis. Bagi mencapai matlamat ini, **JAKIM telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan Penguatkuasaan Undang- undang** bagi membolehkan apa-apa isu yang bertentangan dengan prinsip Islam ditangani secara menyeluruh dan bersepada. Isu terbaru yang ditangani oleh Jakim bersama JAWI dan agensi berkaitan ialah bantahan terhadap buku tulisan Irsyad Manji bertajuk 'Allah, Kebebasan dan Cinta'

Segala usaha ini tidak akan bermakna, jika tidak sama-sama didokong oleh kementerian/ jabatan/agensi Kerajaan serta pelbagai pihak yang lain bagi memastikan usaha ini mendapat impak yang maksima.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan	<b>PERTANYAAN LISAN</b>
Daripada	Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
	Abdullah [ Kota Bharu ]
Tarikh Menjawab	18Jun2012 [ Isnin ]
Soalan	No. 12

PR-1252-L50364

**Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [ Kota Bharu ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**

menyatakan bentuk kerjasama yang diwujudkan di antara negara-negara pengeluar getah asli dan kelapa sawit untuk menjamin prospek masa depan kedua-dua komoditi tersebut.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi industri getah, Malaysia menganggotai dua pertubuhan antarabangsa iaitu *International Tripartite Rubber Council (ITRC)* dan *Association of Natural Rubber Producing Countries (ANRPC)*.

ITRC merupakan kerjasama di antara tiga negara pengeluar getah asli utama dunia iaitu Thailand, Indonesia dan Malaysia yang merangkumi lebih kurang 70% syer pengeluaran getah asli di pasaran dunia. Kerjasama ini telah dimeterai sejak tahun 2001 yang bertujuan bagi menentukan negara-negara pengeluar getah asli menikmati harga getah yang adil dan menguntungkan (*fair and remunerative price*). Melalui

kerjasama ini negara-negara terlibat mengambil langkah bagi memastikan keseimbangan bekalan dan pengeluaran getah di pasaran global yang akan menentukan kestabilan harga getah. Melalui ITRC, usaha-usaha pemantauan berterusan dilaksanakan dengan objektif penstabilan harga getah asli di pasaran dunia.

Jalinan kerjasama melalui ITRC juga telah membolehkan ketiga-ketiga negara mengenalpasti strategi jangkamasa panjang dalam pengawalan harga getah seperti cadangan mengujudkan pasaran getah serantau dan penentuan kos pengeluaran di kalangan negara-negara Ahli.

Manakala ANRPC pula terdiri daripada 11 negara ahli pengeluar getah asli dunia iaitu Thailand, Malaysia, Indonesia, India, Sri Lanka, Vietnam, Papua New Guinea, China, Cambodia, Filipina dan juga Singapura. Pertubuhan ini merupakan satu platform untuk bertukar-tukar pendapat dan maklumat mengenai pengeluaran dan penggunaan getah asli. Selain itu, ANRPC juga mengadakan beberapa siri dialog dengan pihak yang berkaitan dengan industri getah seperti syarikat-syarikat pembeli getah dan pengilang tayar bagi mendapatkan pandangan pihak terlibat dalam menentukan strategi penawaran dan penggunaan getah asli.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian sentiasa berusaha bagi mengekalkan hubungan dagangan dengan negara-negara pengeluar sawit bagi memperkuatkan kedudukan industri sawit negara. Selain daripada sentiasa mengadakan misi-misi perdagangan ke negara-negara luar, Kementerian turut menjalin kerjasama dengan Indonesia, di mana kedua-dua negara

mengeluarkan hampir 90% minyak sawit dunia.

Malaysia dan Indonesia bekerjasama di bawah mesyuarat Kerjasama Dua Hala dalam bidang komoditi sejak tahun 2006. Rangka kerjasama ini merangumi industri sawit di mana, perbincangan tertumpu kepada pengumpulan germplasma sawit, penganjuran seminar secara bersama, promosi minyak sawit dan menangani Kempen Anti Minyak Sawit melalui beberapa siri lawatan bersama di peringkat Menteri.

MPIC akan sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan kedua-dua komoditi ini mendapat pasaran dan menikmati harga yang stabil. Ini termasuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti

penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan produk-produk baru di samping aktiviti promosi bagi memperluaskan pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**DARI PAD A**

**JAWAB LISAN**

**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN**

**[ KINABATANGAN ]**

**TARIKH**

**18 JUN 2012**

**SOALAN**

Datuk Bung Moktar Bin Radin [ Kinabatangan ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kriteria serta garis panduan dalam menganugerahkan award atau kemenangan di sebarang festival kalangan penggiat seni tempatan dan luar negara;

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Dalam usaha memartabatkan penggiat seni di negara ini, Kementerian ini telah menganjurkan pelbagai majlis anugerah untuk memberi pengiktirafan yang sewajarnya untuk penggiat seni tempatan mahupun luar negara. Kementerian ini melalui RTM telah menganjurkan anugerah berprestij yang dikenali sebagai Anugerah Seri Angkasa (ASA) yang mula diperkenalkan pada tahun 1972. ASA bertujuan untuk menyuntik semangat para karyawan dan penyiar tempatan untuk terus berjuang di persada industri penyiaran dan seni tanah air.

Kriteria serta garis panduan penganugerahan ini adalah bergantung

## **SOALAN NO: 2\$**

kepada kategori anugerah yang dipertandingkan bertujuan menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan penyiar dan karyawan agar dapat menerbit dan menghasilkan rancangan TV dan radio yang lebih kreatif, berkesan dan bermutu untuk menarik lebih ramai penonton dan pendengar. ASA juga telah membuka pintu persaingan kepada stesen dan syarikat-syarikat swasta tempatan bagi melahirkan persaingan yang sihat demi kemajuan industri penerbitan kreatif negara khususnya bagi kegunaan penyiaran radio dan televisyen.

Kementerian juga tutur menganjurkan Anggerah Seniman Negara (ASN) setiap 2 tahun bagi mengiltiraf ketokohan penggiat seni tempatan dalam bidang kepakaran masing-masing. ASN dianugerahkan berdasarkan kepada beberapa kriteria serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Selain itu, bagi setiap festival kesenian yang diadakan (termasuk festival filem tempatan dan antarabangsa), pihak pengajur akan menetapkan tema-tema yang tertentu dan memilih pihak juri yang berwibawa dan berkecuali seperti pengajuran siri Festival Filem Malaysia. Jawatankuasa juri akan dibentuk berdasarkan komposisi tertentu merangkumi pelbagai aspek seperti teknikal, lakonan dan sebagainya. Keputusan juri akan diaudit dan disemak sebelum diumumkan sebagai keputusan rasmi.

Untuk makluman, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sehingga Fasa 3A telah memperuntukkan sebanyak 5,187 unit netbook 1 Malaysia kepada parlimen Kinabatangan. Sehingga kini, 4,539 unit telah berjaya diagihkan dan baki 648 unit lagi akan terus diagihkan dari semasa ke semasa.

**Soalan No : 14**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** LISAN  
**DARIPADA** Y.B. Dr. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
[ BATU KAWAN ]

**TARIKH**

**SOALAN:**

Y.B. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan mengapakah ramai guru besar dan guru-guru sekolah enggan memberi kebenaran alternatif untuk penggunaan Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik walaupun Kementerian telah menetapkan polisi sedemikian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 11/2011 bertarikh 4 November 2011 sekolah kebangsaan dan sekolah menengah boleh menggunakan bahasa Inggeris dan/atau bahasa Malaysia bagi pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains mengikut kemampuan guru dan murid. Manakala sekolah jenis kebangsaan Cina/Tamil (SJKC/T) boleh menggunakan bahasa Inggeris atau bahasa Cina/ Tamil mengikut kemampuan guru dan murid. Prinsip pemilihan bahasa pengantar ini adalah terpakai bagi murid sekolah rendah dan menengah yang telah mengikuti pengajaran dan pembelajaran (p&p) Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pada atau sebelum tahun 2010. Kemampuan guru dan murid akan dikenalpasti oleh pihak sekolah berdasarkan prestasi murid tahun sebelumnya.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan *task force* di peringkat Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan KPM untuk memantau dan menangani isu-isu yang berkaitan dengan pemilihan bahasa pengantar Sains dan Matematik di sekolah. Kebanyakan isu yang timbul berpunca

daripada salah faham terhadap dasar tersebut dan perkara ini diselesaikan dengan penerangan langsung oleh pegawai KPM kepada ibu bapa terlibat. Setakat ini task force tersebut telah berjaya memastikan pihak sekolah mematuhi dasar yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang dilaksanakan mulai tahun 2011 menetapkan bahasa pengantar mata pelajaran Sains dan Matematik Murid Tahun 1 adalah bahasa Malaysia di Sekolah Kebangsaan, bahasa Cina di SJKC dan bahasa Tamil di SJKT. Oleh itu, pada tahun ini murid Tahun 1 dan Tahun 2 merupakan kohort murid yang telah mengikuti Dasar MBMMBI sepenuhnya.

Rjm 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA                    TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA  
[ PARIT - BN ]**

**TARIKH                    18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 15**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) jumlah peruntukan geran kewangan yang diberikan kepada persatuan-persatuan sukan bagi tahun 2010, 2011 dan enam bulan pertama tahun 2012; dan

- (b) berapa jumlah peruntukan disalurkan kepada Persatuan Sukan Berprestasi Tinggi.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan tidak menyediakan geran tahunan kepada persatuan-persatuan sukan yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan (PJS). Walau bagaimanapun, Kementerian ada memberi bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan yang memohon bagi melaksanakan aktiviti dan program sukan. Jumlah bantuan yang diberikan pada tahun 2010 hingga 2012 adalah sebanyak RM7.9 juta.
  
2. Manakala bagi Sukan Prestasi Tinggi, untuk tempoh 2010 hingga enam bulan pertama 2012, sebanyak RM112.3 juta telah diperuntukkan oleh Kementerian melalui Majlis Sukan Negara. Peruntukan tersebut disalurkan kepada 45 buah Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) berdasarkan program yang dirancang dan dipersetujui bersama khususnya dalam persediaan ke arah Sukan SEA, Sukan Komanwel, Sukan Asia dan Sukan Olimpik 2012.

## **Soalan 16**

# **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** **TUAN TONY PUA KIAM WEE**  
**( PETALING JAYA UTARA)**

## **PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH** **18.6.2012**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee ( Petaling Jaya Utara ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:**

- (a) Jumlah pinjaman korporat merentasi kumpulan syarikat yang dikawal milik Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan sama ada Bank Negara mengambil kira sisiko sistematik disebabkan pinjaman tersebut; dan
  - (b) Institusi kewangan yang terdedah kepada pinjaman beliau dan nilai kepada satiap satu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti perbankan institusi kewangan adalah tertakluk kepada ‘Garis Panduan Had Kredit ke atas Seseorang Pelanggan’ yang mengehadkan kemudahan kredit kepada

seseorang pelanggan secara individu tidak melebihi 10 peratus daripada modal asas institusi kewangan, manakala kemudahan kredit kepada seseorang pelanggan secara agregat (merangkumi semua kumpulan syarikat yang dikawal milik oleh pelanggan tersebut serta mana-mana individu atau syarikat yang bergantung kewangan kepada pelanggan tersebut) dihadkan di paras 25 peratus daripada modal asas institusi kewangan. Garis Panduan ini bertujuan memastikan pemberian kredit sesebuah institusi kewangan tidak tertumpu kepada beberapa peminjam sahaja (sama ada secara individu atau secara agregat) sekaligus mengelak penumpuan risiko dan risiko sistemik akibat daripada pendedahan kredit yang keterlaluan kepada seseorang pelanggan. Institusi kewangan lazimnya menetapkan had kredit dalaman yang lebih rendah dan konservatif berbanding had yang ditetapkan di dalam Garis Panduan di atas.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, maklumat sesuatu akaun, peminjam atau institusi kewangan tertakluk kepada peruntukan kerahsiaan di bawah undang-undang perbankan dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

**Soalan No : 17**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PAD A</b>	<b>Y.B. DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>18 JUN 2012</b>
<b>SOALAN:</b>	

Y.B. Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan langkah-langkah untuk mempercepatkan proses penstruktur semula pejabat pelajaran daerah di Negeri Sarawak. Sila jelaskan mengapa walaupun semua tugas dan tanggungjawab sudah dipisahkan akan tetapi masalah kekurangan kakitangan masih membantutkan kecekapan penyampaian perkhidmatan PPD yang terlibat

#### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengemukakan permohonan penstruktur Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) kepada Agensi Pusat pada 19 Mei 2011. Walau bagaimanapun, KPM tertakluk dan mematuhi keputusan agensi pusat mengenai pewujudan jawatan baru melalui kaedah penempatan semula dalam usaha mengawai perbelanjaan kerajaan di mana semua pewujudan jawatan baru dalam perkhidmatan awam adalah dibekukan di samping ke arah perkhidmatan awam yang kejat.

Dalam usaha untuk memperkuuh peranan dan mempertingkatkan kecekapan penyampaian, tindakan sedang diambil untuk mengkaji struktur keseluruhan KPM yang melibatkan penyusunan semula fungsi semua peringkat meliputi Bahagian, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) seluruh Malaysia. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pembahagian fungsi yang jelas di antara Bahagian, JPN dan PPD di mana setiap fungsi Bahagian di KPM akan dilihat secara terperinci bagi menentukan fungsi penggubal dan pemantauan dasar dikekalkan di peringkat Bahagian manakala fungsi pelaksanaan dan penguatkuasaan operasi diperturunkan kepada JPN dan PPD bersekali dengan perjawatan yang terlibat selaras dengan hasrat untuk memperkuuh JPN dan PPD.



	PEMBERITAHUAN	NO SOALAN :■?«
DARIPADA	PERTANYAAN DEWAN	
	RAKYAT, MALAYSIA	
	Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB	
PERTANYAAN	(KUBANG KERIAN)	
	LISAN	
TARIKH	18.06.2012	

**Y.B. TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB [ KUBANG KERIAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kajian kemungkinan dari segenap aspek yang dibuat sebelum ahli lembaga pengarah Khazanah Nasional Berhad yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri mempersetujui penggabungan MAS dan Air Asia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, \_\_\_\_\_

Untuk makluman Yang Berhormat, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) telah menggunakan khidmat sebuah firma perunding pengurusan strategik untuk menjalankan kajian tentang perubahan dalam persekitaran industri penerbangan di rantau ini dan implikasinya kepada Malaysian Airline System Bhd (MAS). Kajian pertama telah dilaksanakan pada sekitar tahun 2009 dan kajian susulan dalam tahun 2011.

2. Berdasarkan kepada maklumat awam yang diperoleh pada masa itu, firma tersebut telah menganggarkan bahawa faedah sinergi hasil daripada usaha sama kolaborasi antara MAS dan AirAsia Bhd (AirAsia) adalah kira-kira RM1.2 bilion. Lanjutan daripada itu, pengurusan Khazanah telah membentangkan

penemuan berkenaan bersama beberapa penyelesaian pilihan dalam usaha untuk memulihkan kedudukan MAS kepada Jawatankuasa Eksekutif dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah Khazanah untuk pertimbangan dan kelulusan.

3. Lembaga Pengarah Khazanah pada 29 Julai 2011 telah memutuskan supaya satu kolaborasi MAS dan AirAsia diadakan dan pada masa yang sama, Khazanah dan Tune Air Sdn Bhd selaku pemegang saham utama kedua-dua syarikat penerbangan tersebut melaksanakan pertukaran saham bagi menyelaras kepentingan masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 JUN 2012 (ISNIN)**

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR  
ALBAR  
[KOTA TINGGI]**

**SOALAN**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA TINGGI]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan telah melaksanakan pemeriksaan rutin di kawasan perumahan di tanah-tanah cerun untuk mengurangkan kejadian tanah runtuh yang berpunca dari kejadian bencana alam dan cuaca kini yang tidak menentu.



## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah selesai menjalankan kaji selidik bangunan-bangunan yang berada berhampiran cerun dan lereng-lereng bukit. Kaji selidik ini juga termasuk kawasan perumahan di semua kawasan-kawasan PBT yang dikenal pasti berisiko tinggi terhadap kejadian tanah runtuh dan memaklumkan kepada PBT berkenaan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan keselamatan penduduk yang menghuni kawasan yang berkenaan.

Antara langkah-langkah lain yang diambil oleh Kementerian adalah:

- (i) melaksanakan kajian semula terhadap Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133] bersama-sama jabatan dan agensi-agensi teknikal yang lain untuk mensyaratkan semua pembangunan di kawasan yang mempunyai cerun berisiko iaitu kelas III dan IV perlu

disahkan selamat oleh perunding yang berdaftar dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) selain daripada jurutera perunding yang dilantik oleh pemaju.

Kementerian juga ada menyalurkan peruntukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah peruntukan Belanja Pembangunan (BP) untuk pembaikan-pembaikan kecil cerun.

Kementerian juga telah menghantar surat peringatan kepada semua PBT untuk menjalankan pemeriksaan dan penyenggaraan sistem perparitan cerun sebagaimana "*Guidelines of Slope Maintenance*" yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Setiap tahun, KPKT juga menganjurkan kursus keselamatan cerun kepada pegawai teknikal PBT untuk memberi pendedahan mengenai aspek pemantauan dan penyenggaraan cerun.

Selain daripada itu, semua permohonan kelulusan pembinaan di lereng bukit perlu melalui Pusat Setempat (OSC) yang ditubuhkan di setiap PBT di mana ahli jawatankuasa OSC terdiri daripada 11 agensi teknikal berkaitan

di dalam memberi kelulusan pembinaan tersebut.

- (vi) Pihak PBT juga diingatkan untuk mematuhi langkah-langkah kawalan pembangunan yang dinyatakan dalam Garis Panduan Perancangan Di Kawasan Tanah Tinggi yang telah diedarkan melalui Pekeliling Ketua Setiausaha KPKT Bilangan 6 Tahun 2009.

Kementerian  
Perumahan Dan  
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

**T-£5^ Al/VW**

**NO SOALAN : 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA DATUK CHUA SOON BUI  
TARIKH 18 JUN 2012**

**SOALAN**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) Apakah bilangan keluarga FELDA di Sabah dan berapakah jumlah wang setiapnya bermanfaat daripada penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH); dan
- b) Apakah faedah-faedah lain untuk Sabah daripada ladang-ladang FELDA Sabah selepas penyenaraian FGVH.

**JAWAPAN DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN  
MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini jumlah peneroka di Sabah ialah 1,647 orang yang ditempatkan di sembilan (9) buah rancangan. FELDA memperuntukkan sejumlah RM15,000 dan diberikan mengikut fasa kepada peneroka, isteri peneroka dan anak peneroka yang mana masing-masing diberikan RM5,000 bagi setiap fasa. Secara keseluruhannya, FELDA memperuntukkan RM8.2juta bagi setiap fasa.
- b) Kerajaan Negeri Sabah telah diperuntukan sebanyak 5 peratus (%) saham di dalam FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) selepas penyenaraian. Melalui pemilikan saham ini, Kerajaan Negeri Sabah berpeluang menikmati pulangan dividen tahunan yang baik daripada pegangan saham tersebut atau meraih keuntungan sekiranya menjual saham tersebut pada harga yang lebih tinggi kelak. Pulangan kewangan ini dapat membantu Kerajaan Negeri untuk membiayai keperluan kewangannya demi manfaat rakyat negeri Sabah.

Selain daripada itu, FGVH mempunyai perancangan yang agresif untuk membangunkan dan meningkatkan produktiviti ladang dan aset yang berkaitan di kompleks perladangan bersepadunya yang terletak di Felda Sahabat dengan menggunakan perolehan daripada penyenaraian, sekiranya perlu. Ini dapat merancakkan lagi kegiatan ekonomi di kawasan tersebut yang boleh meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri di samping dapat memberi peluang kepada rakyat setempat untuk melibatkan diri sama ada secara langsung atau tidak langsung.

oooooooooooooooooooo

NO-&ALA\*J •  
/  
~~NO--AUM-:13-~~  
~~-NO. AUP-:~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                    LISAN**

**DARIPADA    TAN SRI DATUK SERI DR. FONG CHAN ONN [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH        18 JUN 2012**

**RUJUKAN    4814**

**SOALAN:**

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan pendirian Kementerian terhadap pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri dan bolehkah Kementerian memastikan bahawa Akta tersebut tidak akan diperkenalkan semula.**

**JAWAPAN:**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Alor Gajah yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Keputusan kerajaan memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 merupakan hasrat kerajaan menjayakan Program Transformasi Politik (PTP) yang mengambil kira aspirasi nasional ke arah sebuah negara Malaysia yang moden, demokratik, progresif lagi maju dan memiliki demokrasi yang berfungsi namun tidak melupakan keperluan keselamatan nasional dan kebebasan individu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan telah memutuskan untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau ISA dan digantikan dengan satu Akta baru iaitu Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 bagi menangani sebarang ancaman terhadap keselamatan negara.

Setakat ini Kementerian tidak bercadang untuk memperkenalkan semula Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau ISA seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat.

DARIPADA

YB DATO\* NGEH KOO HAW [BERUAS]

SOALAN :

Date<sup>9</sup> Ngeh Koo Ham [BERUAS] minfa PERDANA MEMTERI menyatakan rasional tidak memberi bidang kuasa kepada Menteri Pengangkutan ke atas hal-hal pengangkutan udara, air dan darat.

**JAWAPAN : DATO<sup>s</sup> SER! MOAHAMED MAZRI ABDUL AZSZ  
WTERI DS JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan mempunyai kuasa dan tanggungjawab sepenuhnya dalam hal-hal pengangkutan, kecuali urusan pengangkutan awam darat yang berada dibawah kawalselia Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang melapor terus kepada Perdana Menteri. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan penubuhan sebuah badan khas bagi mengawal selia sektor Pengangkutan Awam Darat memandangkan ianya merupakan sektor yang membawa kesan besar kepada kesejahteraan rakyat, kepada pembangunan ekonomi dan merupakan salah sebuah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) kearah usaha menzahirkan transformasi nasional. Bagi memastikan sektor ini dipertingkatkan kualitinya, menjadi dinamik dan segala isu-isu tindanan bidangkuasa (cross-jurisdictional issues) antara agensi-agensi dan Kementerian- Kementerian da pat diselesaikan dengan segera demi menghasilkan sistem pengangkutan terbaik untuk rakyat, maka semua bidangkuasa-bidangkuasa berkaitan Pengangkutan Awam diletakkan dibawah satu badan iaitu SPAD yang ditubuhkan pada tahun 2010 di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Selain daripada pengangkutan awam darat yang memerlukan fokus khas supaya dapat di transformasikan menjadi lebih baik pada kadar yang pantas, hal-hal dasar pengangkutan yang lain terus kekal dibawah bidangkuasa penuh Kementerian Pengangkutan.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 23**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

DARIPADA

LISAN Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]

TARIKH

18 JUN 2012

**SOALAN:**

Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan bolehkah dikaji semula elaun guru-guru di antara guru-guru di Sabah dan guru-guru di Semenanjung supaya lebih adil dan saksama

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, guru-guru telah diberikan pelbagai elaun dan insentif demi memartabatkan profesion keguruan serta menghargai sumbangan mereka. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) membayar pelbagai elaun untuk guru berdasarkan kadar dan syarat yang ditetapkan oleh agensi pusat iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang melaksanakan kajian elaun-elaun penjawat awam secara menyeluruh sejajar dengan semakan mengenai Sistem Saraan Malaysia.

NO. SOALAN:24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ONG TEE KEAT [ PANDAN ]**

**TARIKH : 18JUN2012**

**SOALAN**

Dato' Sri Ong Tee Keat [ Panclan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bidang kuasa dan tugas bagi Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan masing-masing dalam pelaksanaan Projek Lebuh Raya SUKE. Nyatakan juga jadual pembinaan dan pendengaran awamnya. Berapa kes bantahan telah diterima dan berapa pula diambil kira dalam pindaan lingkarannya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Pembinaan Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (SUKE) secara penswastaan telah dipersetujui secara prinsip oleh Kerajaan Persekutuan. Pada masa kini, kajian terperinci dan rundingan dengan syarikat konsesi sedang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Kajian terperinci yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Persekutuan termasuklah perincian jajaran, keperluan pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan dan sebagainya. Dalam hubungan ini, cadangan pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan.

Dalam proses pindaan pelan struktur negeri dan pelan struktur tempatan ini, proses pendengaran awam perlu dilaksanakan. Dalam hubungan ini, dengan mengambil kira komen-komen termasuk bantahan awam, Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia bersama-sama dengan syarikat konsesi akan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya termasuk membuat pindaan jajaran, sekiranya perlu untuk diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa negeri. Jadual pembinaan pula hanya akan ditentukan setelah rundingan perjanjian konsesi dimuktamadkan.

ho • so/h-Ak/  
**'NO: AUM :4-**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]  
TARIKH 18 JUN 2012  
RUJUKAN 4813

SOALAN:

Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) nama syarikat-syarikat yang diberi kuasa untuk mengeluarkan kad pengenalan dan pasport bagi Malaysia daripada 1 Januari 2008 sehingga kini; dan
- (b) ciri-ciri keselamatan untuk memastikan bahawa kad-kad pengenalan palsu dan pasport palsu tidak dikeluarkan.

**JAWAPAN :**  
Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Selayang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, kad pengenalan dan Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) adalah suatu dokumen keselamatan dan kawalan. Hanya Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen Malaysia sahaja yang dibenarkan untuk mengeluarkan dokumen pengenalan diri ini. IRIS Technologies Sdn. Bhd hanya mencetak kad mentah (*raw card*) bagi JPN manakala data-data direkodkan sendiri oleh JPN untuk memastikan keselamatan data dan maklumat tersebut terpelihara. Selain itu, Percetakan Keselamatan Nasional Sdn. Bhd. hanya dibenarkan untuk mencetak buku PMA yang kosong sahaja.

Tuan Yang DiPertua,

Merujuk kepada soalan (b), sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah memperkenalkan MyKad Struktur Baru bermula pada 3 Januari 2012. MyKad baru ini diperbuat daripada bahan polikarbonat sepenuhnya dan telah diuji ketahanannya di makmal yang diiktiraf di mana kualitinya adalah lebih tinggi dan lebih berdaya tahan berbanding dengan MyKad lama yang digunakan sebelum ini.

Cip pada MyKad baru ini juga telah diuji di peringkat pengeluar dan telah melalui beberapa peringkat pengujian iaitu sebelum proses memasukkan cip ke dalam MyKad. JPN juga telah melaksanakan peringkat pengujian

semasa proses terakhir percetakan MyKad. Bagi mengelakkan kes pemalsuan, JPN telah memperkenalkan beberapa ciri-ciri keselamatan baru seperti berikut:

- i) Turisan laser pada nama, nombor kad pengenalan dan gambar kecil (ghost image);
- ii) *Microtext* nombor kad pengenalan di bawah gambar berwarna; dan
- iii) Perubahan reka bentuk lapisan keselamatan (*secureguard hologram*).

Tuan Yang Dipertua,

PMA mempunyai banyak ciri-ciri keselamatan yang unik seperti kawalan pencegahan data tidak dapat dipindah. Namun demikian, Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengkaji untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada PMA bagi meningkatkan kualiti dan mencegah pemalsuannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERIHAJI AZMI BINKHALID  
(PADANG BESAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. DATO<sup>1</sup> SERI HAJI AZMI BIN KHALID [PADANG NO BESAR 1 minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah strategi dan dasar yang telah  
dirancangkan untuk membendung inflasi setelah Kerajaan melaksanakan dasar  
gaji minima bagi seluruh negara.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Padang Besar yang dijadualkan pada hari ini bersama pertanyaan Yang Berhormat Jasin yang dijadualkan pada 19 Jun 2012, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Salah satu rasional utama pelaksanaan gaji minimum adalah untuk memperbaiki herotan dalam pasaran buruh (*labour market distortion*) di mana Kajian Bank Dunia menunjukkan bahawa pada amnya, kuasa rundingan (*bargaining power*) antara pihak pekerja dan majikan tidak setara dan kurang memihak kepada pekerja dalam suasana "*imperfect information*". Keadaan ini telah mengekang peningkatan paras upah sedangkan produktiviti dan kos sara

hidup meningkat lebih pantas.

2. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan gaji minimum akan mewujudkan satu platform yang lebih setara dan adil di mana kriteria-kriteria yang digunakan bagi menentukan kadar gaji minimum telah mengambil kira keperluan pekerja dan majikan. Ini secara langsung akan membantu menyediakan pasaran buruh yang lebih cekap dan berkesan serta lebih harmoni yang akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang Di-pertua,

penggunaan domestik. Berhubung dengan inflasi, Bank Negara Malaysia menganggarkan kadar inflasi akan kekal dalam lingkungan dua hingga tiga peratus (2%-3%) walaupun gaji minimum dilaksanakan. Ini kerana kos buruh adalah komponen kecil dalam keseluruhan kos pengeluaran dan operasi di mana gaji minimum dijangka meningkatkan kos hanya sebanyak satu hingga lima peratus (1%-5%).

4. Dalam senario pasaran buruh yang lebih cekap, perbelanjaan penggunaan domestik yang meningkat dan kadar inflasi yang terkawal impak keseluruhan pelaksanaan gaji minimum akan menyumbang secara positif kepada pertumbuhan GDP dan GNI.

Tuan Yang Di-pertua,

5. Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Padang Besar, Kerajaan sentiasa menitik berat kesejahteraan rakyat dengan memantau rapi kesan dasar yang bakal dilaksanakan terhadap ekonomi dan inflasi negara. Dasar Gaji Minimum yang akan dilaksanakan kelak dijangka akan meningkatkan kuasa beli rakyat untuk menampung perbelanjaan keperluan harian. Sekiranya berlaku tekanan inflasi, Kerajaan akan memastikan rakyat sentiasa dibantu dengan menggembung khidmat seramai 1300 pegawai pemantau harga untuk memantau dan mengemas kini harga barang semasa di portal interaktif

"IMalaysia Pengguna Bijak" agar rakyat dapat mengikuti perkembangan dan membuat perbandingan harga terbaik. Kerajaan juga telah menguatkuaskan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2010 mulai 1 April 2011 bagi mengekang syarikat atau individu menjual harga barang atau menawarkan perkhidmatan dengan harga yang tidak munasabah.

6. Di samping itu, melalui akta yang sama Kerajaan juga menyenaraikan beberapa jenis barang keperluan pengguna sebagai barang yang dikawal harga agar tidak berlaku kenaikan harga yang boleh menjaskan kuasa beli rakyat. Ini termasuklah Skim Kawalan Harga Barang Keperluan yang dilaksanakan seminggu sebelum dan selepas musim perayaan agar rakyat terlindung daripada aktiviti pencatutan oleh peniaga yang mengambil kesempatan daripada permintaan yang tinggi. Kerajaan juga meneruskan Akta Bekalan 1961 bagi mengawal bekalan barang-barang yang telah diisyiharkan sebagai barang kawalan seperti gula, minyak masak dan tepung gandum. Harga barang kawalan ini adalah wajib dipatuhi oleh semua peniaga dan Kerajaan sentiasa menjalankan penguatkuasaan agar kesejahteraan rakyat tidak terjejas akibat harga yang naik.

7. Bagi menangani kesan Inflasi tarikan permintaan, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah bersepada bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran makanan seperti beras, daging, sayur-sayuran dan buah-buahan melalui Dasar Agro Makanan Negara 2011 hingga 2020. Dalam Bajet 2012, Kerajaan turut memperbanyakkan lagi bilangan Kedai Rakyat IMalaysia, Agro Bazar Kedai Rakyat dan memperluas Menu Rakyat IMalaysia khususnya agar rakyat terus dapat menikmati alternatif pilihan pembelian yang lebih murah berbanding di pasaran. Kerajaan juga daripada masa ke semasa akan mengambil tindakan yang bersesuaian bagi memastikan golongan berpendapatan rendah ini tidak terjejas dan terbeban oleh kenaikan harga barang.

Tuan Yang Di-pertua,

Dengan pelaksanaan gaji minimum serta langkah-langkah bagi menangani kesan yang timbul termasuk tekanan inflasi, Kerajaan yakin ekonomi negara akan berkembang ke arah negara berpendapatan tinggi

dengan tingkat pendapatan rakyat yang baik.

**no.soalan :** ^  
**•NO.AUM :15-**  
**NO7AUP+.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]	LISAN
DARIPADA		18 JUN 2012
TARIKH		4815
RUJUKAN	SOALAN:	

Datuk Wee Jeck Seng [ Tanjong Piai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sebab-sebab warga asing boleh melibatkan dalam perniagaan menjaja barang dengan menggunakan motosikal atau berjalan kaki sehingga pihak berkuasa seolah-olah tidak nampak sedangkan rakyat biasa melihat keadaan ini begitu ketara.

**JAWAPAN:**  
Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tanjong Piai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah menimbang atau meluluskan mana-mana warganegara asing untuk menjalankan perniagaan atau menjaja barang. Kuasa meluluskan lesen perniagaan adalah di bawah bidang tugas Pihak Berkuasa Tempatan. Begitu juga aspek penguatkuasaan terhadap peniaga dan penjaja barang samada dari kalangan rakyat tempatan atau warganegara asing.

Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia hanya mengeluarkan Pas-Pas kepada warganegara asing untuk bekerja secara sah di Malaysia. Pas-pas ini mempunyai syarat-syarat tertentu dan sekiranya syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi, tindakan boleh diambil di bawah Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

SOALAN NO : 28

**PARLIMEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA :PUAN TEO NIE CHING [ SERDANG ]  
TARIKH :18 JUN 2012 (ISNIN)  
SOALAN :Puan Teo Nie Ching [ Serdang ]  
minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan senarai pemegang-pemegang permit  
import (AP) daging babi.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Sehingga Mei 2012, sejumlah 27 syarikat telah diberi kelulusan untuk import keratan daging babi dan 4 syarikat diberi kelulusan untuk import karkas *suckling piglet* daripada abatoir luar negara yang telah diluluskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD

[SIPITANG]

TARIKH 18 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN 29

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sejauh mana pengkuatkuasaan dan tindakan dilaksana terhadap peraturan yang mewajibkan penumpang di bahagian tempat duduk belakang memakai tali pinggang keselamatan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, peraturan pemakaian tali pinggang keledar belakang telah berkuatkuasa mulai 1 Januari 2009 selaras dengan peruntukan di bawah Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Tali Pinggang Keledar) (Pindaan) 2008. Mana-mana orang yang gagal mematuhi peraturan ini akan dikenakan hukuman seperti berikut:

- (i) bagi kesalahan pertama, pesalah akan dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan; dan

- (ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya, pesalah akan dikenakan denda tidak melebihi RM4.000 atau penjara tidak melebihi 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil pendekatan melalui aktiviti penguatkuasaan dan advokasi bagi meningkatkan kadar pematuhan terhadap peraturan pemakaian tali pinggang keledar belakang dalam usaha mengurangkan kecederaan dan kematian apabila berlaku kemalangan jalan raya. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan operasi penguatkuasaan di mana tindakan saman akan dikenakan terhadap penumpang dan pemandu yang tidak memakai tali pinggang keledar.

Selain itu, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) sedang giat menjalankan kempen-kempen berkaitan dengan kepentingan dan keutamaan pemakaian tali pinggang keledar melalui program advokasi dan hebahan media termasuk media sosial seperti *Facebook*, *email blast* dan laman web JKJR sendiri. Melalui program advokasi berkenaan, pelekat kereta dengan mesej “*Buckle Up, It Is The Law*” untuk versi Bahasa Inggeris dan “*Salah...Kalau Tak Pakai*” untuk versi Bahasa Malaysia akan diedarkan bagi tujuan peringatan (*reminder*) dan kesedaran kepada pemandu dan penumpang kenderaan.

NO. SOALAN:

**30 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR [ JERAI ]  
TARIKH : 18JUN2012

**SOALAN**

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [ Jerai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci sembilan projek bernilai RM4.06 juta yang diperuntukkan kepada Kedah ketika lawatan Perdana Menteri dan timbalannya ke negeri itu seperti jawapan pertanyaan lisan pada sidang Dewan Rakyat lepas.

**JAWAPAN**

Sembilan projek/sumbangan bernilai RM4.06 juta yang diperuntukkan kepada Kedah ketika lawatan YAB Perdana Menteri pada 14 dan 25 Februari 2012 adalah seperti berikut:

BIL	TAJUK PROJEK	KOS (RM)
1	Membina kantin baru di Sekolah Kebangsaan Telok Jama	300,000.00
BIL	TAJUK PROJEK	KOS (RM)
2	Membina masjid baru di Kampung Nawa, Mukim Lesong, Pokok Sena	1,800,000.00
3	Membaik pulih Sek. Keb. Kampung Bukit, Pokok Sena	300,000.00
4	Membaik pulih Bangunan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Barathi) Batu 11, Mukim Jabi, Pokok Sena	30,000.00
5	Membaik pulih Masjid Kampung Panchor, Mukim Derang	200,000.00

<b>6</b>	Membaik Pulih Surau Kampung Lanchok Tok Leed, Mukim Gajah Mati	<b>100,000.00</b>
<b>7</b>	Peruntukan Tambahan Untuk Pembinaan Dewan Orang Ramai Di Watt Nanai, Kampung Tok Set	<b>400,000.00</b>
<b>8</b>	Sumbangan Peruntukan Berjumlah RM9 Ribu Untuk 48 Buah Watt Di Negeri Kedah	<b>432,000.00</b>
<b>9</b>	Sumbangan Untuk Sekolah Bahasa Siam	<b>500,000.00</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>4,062,000.00</b>

### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18 JUN 2012 (ISNIN)**

**DARIPADA : Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN  
[HULU SELANGOR]**

### **SOALAN**

**Y.B. TUAN KAMALANATHAN A/L PANCHANATHAN [HULU SELANGOR]  
minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan**

- (a) projek-projek perumahan terbengkalai dan terbiar di Kawasan Parlimen Hulu Selangor, siapakah pemaju projek-projek tersebut; dan
- (b) apakah perancangan Kerajaan untuk menyelamatkan projek-projek tersebut.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua projek perumahan swasta terbengkalai bagi kawasan Parlimen Hulu Selangor iaitu projek Desa Beruntung (Prospell Devt Sdn.Bhd), Ulu Yam dan projek Lembah Beringin (Lembah Beringin Sdn.Bhd) yang terdiri dari empat fasa iaitu Flora, Heart, Iris dan Jasmin.

Bagi projek Desa Beruntung, tuan tanah berhasrat untuk memulangkan wang kemajuan kepada pembeli rumah. Buat masa ini, Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) dengan kerjasama pelikuidasi dan tuan tanah sedang berusaha untuk mendapatkan senarai lengkap pembeli rumah bagi tujuan pemulangan wang kemajuan.

Manakala, bagi projek Lembah Beringin, pelikuidasi projek telah mengenalpasti pemaju penyelamat untuk mengambil alih projek tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat pihak yang mencabar pelantikan ini di mahkamah. Keputusan mahkamah mengenai perkara ini dijangka dapat diketahui pada akhir tahun 2012.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Jun 2012

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM 18  
TARIKH JUN 2012 (ISNIN)  
SOALAN

NO. 32  
Tuan Haji Ahmad bin Kasim [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah tujuan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) diminta menandatangani kontrak yang mengandungi apa yang 'patut' dibuat dan 'larangan' di kampus, untuk kemasukan sesi akan datang. Sila jelaskan apakah terma-terma kontrak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) untuk membenarkan pelajar terlibat dalam politik di luar kampus telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 19 April 2012 dan di Dewan Negara pada 10 Mei 2012. Selaras dengan pindaan AUKU, bagi mengawal selia penglibatan pelajar dan persatuan pelajar dalam aktiviti politik kepartian di dalam kampus, satu mekanisme melalui perjanjian antara pelajar dan IPT akan dilaksanakan. Dalam hal ini, satu perjanjian akan digubal selari dengan prinsip "*natural justice*" dalam menangani isu pecah kontrak yang tertakluk kepada tindakan tatatertib. Instrumen kontrak ini digubal untuk mengekalkan kebercualian dalam

kampus melalui pengawalan penglibatan pelajar dalam aktiviti politik kepartian di dalam kampus. Walau bagaimanapun, terma-terma berhubung pengawalan tersebut sedang dalam perincian pihak jawatankuasa. Kontrak tersebut akan melibatkan pelajar sedia ada dan juga pelajar baru yang bakal mendaftar di IPT.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

<b>DARIPADA</b>	<b>: Y.B. TUAN ER TECK</b>	<b>HWA</b>
	<b>(BAKRI)</b>	
<b>PERTANYAAN</b>	<b>: LISAN</b>	
<b>TARIKH</b>	<b>: 18.06.2012</b>	

**Y.B. TUAN ERTECK HWA [ BAKRI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan semenjak kemerdekaan sehingga kini berapakah syarikat atau individu yang layak dikenakan cukai tetapi dilepaskan oleh Kementerian. Apakah syarat-syarat sehingga perlepasan ini diberikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan syarikat yang diberi pelepasan atau pengecualian cukai pendapatan secara kumulatif bagi tahun taksiran 2001 hingga 2011 adalah sebanyak 62,628.

2. Secara amnya, pemberian pelepasan atau pengecualian cukai di Malaysia adalah untuk menggalakkan pelaburan tempatan dan asing dalam pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan yang digalakkan serta membantu mengekalkan daya saing negara dalam menarik pelaburan.

**NO SOALAN :■?«**

Pelepasan atau pengecualian cukai tersebut diperuntukkan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968, Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 selaras dengan matlamat pembangunan ekonomi negara yang mampan dan memastikan kesejahteraan rakyat. Bagi memastikan matlamat pembangunan negara dapat direalisasikan dalam jangka masa yang



ditetapkan, pelepasan atau pengecualian cukai disediakan untuk tempoh dan kadar tertentu supaya aktiviti ekonomi dapat menjana sumber kewangan bagi membiayai program pembangunan Negara.

3. Sungguhpun pelepasan atau pengecualian cukai mengakibatkan kehilangan hasil kepada Negara, tetapi hakikatnya Negara mendapat pelbagai faedah dalam jangka panjang, antaranya:

- a) Mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 363,355 dalam pelbagai sektor terutamanya sektor berasaskan pembuatan dan perkhidmatan bagi tempoh 2008 hingga 2011;
- b) Penerokaan dalam industri baru yang berteknologi tinggi seperti industri solar, aeroangkasa, bioteknologi dan teknologi hijau;
- c) Pengukuhan aktiviti R&D di Malaysia;
- d) Merangsang pembangunan vendor/komponen tempatan di samping menyokong pembangunan subsektor perkhidmatan seperti penyedia logistik tempatan; dan
- e) Menjadikan Malaysia sebagai Hub Operasi Global di mana syarikat yang telah diluluskan galakan turut menjadikan Malaysia sebagai Hub Pengeluaran Global mereka. Ini akan menggalakkan pertumbuhan penyediaan perkhidmatan tempatan termasuk logistik dan penggunaan bahan mentah tempatan.

4. Dalam konteks penyediaan pelepasan atau pengecualian cukai kepada syarikat, tumpuan adalah diberikan kepada peranannya dalam memajukan Negara daripada ekonomi berasaskan sumber asli dan pertanian semasa era kemerdekaan kepada ekonomi berasaskan perindustrian dan kini terus maju kepada industri berasaskan perkhidmatan.

5. Manakala bagi pemberian pelepasan atau pengecualian cukai pendapatan kepada individu pula, secara amnya ia disediakan secara terhad dan bertujuan untuk mengurangkan beban pembayar cukai serta menggalakkan penyertaan individu ke dalam sesuatu aktiviti. Lazimnya pengecualian cukai pendapatan individu diberikan ke atas pendapatan tertentu sebagai contoh pendapatan pencen. Apabila pengecualian cukai ke atas pendapatan individu diberikan dan individu tersebut tidak mempunyai pendapatan yang lain, kemudahan telah diberikan supaya pendapatan yang dikecualikan tersebut tidak diisyiharkan kepada Lembaga Hasil Dalam

Negeri. Oleh itu, tiada rekod bilangan individu yang terlibat.  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Dr. Ramasamy a/l Palanisamy
TARIKH	18 JUN 2012
SOALAN	Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan kadar penjawatan daripada calon masyarakat India di kesemua peringkat jawatan dalam sektor awam memandangkan kadar penjawatan masyarakat India adalah sangat rendah di kesemua gred jawatan pada masa kini.

**JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) merupakan Pihak Berkuasa Melantik yang utama untuk pelantikan penjawat memasuki perkhidmatan awam, yang lain ialah Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis, Majlis Angkatan Tentera, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri bagi pelantikan pegawainya di agensi masing-masing.

Pada dasarnya, SPA mengamalkan pertimbangan merit dan keperluan, bukanlah faktor kaum, sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga, melalui proses penyenaraian pendek berdasarkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan keperluan Kementerian atau agensi bagi peringkat diploma dan ijazah, berdasarkan kekosongan jawatan yang dilaporkan kepada SPA.

Selain daripada kelayakan akademik, SPA juga sentiasa menitik beratkan aspek kualitatif seseorang melalui peperiksaan khas, misalnya,

untuk menilai

sahsiah dan minat bakal calon bagi memilih calon-calon yang akan menjalani latihan separa perubatan (termasuk Jururawat); atau Ujian Fizikal bagi Pegawai Penguatkuasa, Penguasa Penjara, Pegawai Keselamatan, Penguasa Bomba dan Leftenan Maritim.

Bagi memohon jawatan Pegawai Tadbir Diplomatik (PTD), calon yang telah lulus peperiksaan khas yang berkenaan dikehendaki pula menjalani penilaian melalui *Program Assessment Centre* bagi melihat kesesuaian calon menjawat jawatan PTD sebelum dipanggil temu duga.

SPA memang sedar terhadap bilangan dan peratusan penyertaan kaum Bukan Melayu dalam Perkhidmatan Awam adalah sangat kecil. SPA telah dan akan terus mempergiatkan usaha-usaha promosi dan mendekati golongan pencari pekerjaan terutamanya bagi Kaum Cina dan India sebagaimana yang telah diarahkan oleh YAB PM. Antaranya, SPA telah menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam portal SPA ([www.spa.aov.mv](http://www.spa.aov.mv)) dan menyiaran crawlers mengenai urusan pengambilan jawatan semasa berita Mandarin dan Tamil dalam televisyen.

SPA akan terus menyertai Kamival Kerjaya anjuran pihak swasta atau kerajaan, mengadakan pertemuan dengan para pemimpin dan belia Kaum Cina dan India untuk memberi penerangan berkaitan dengan peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam dan juga penjelasan berhubung kriteria dan kaedah pengambilan.

Hasil daripada usaha gigih ini dan peningkatan minat kerana gaji

perkhidmatan awam telah dinaikkan pada 2007, permohonan kaum India telah meningkat dari 9,826 pada 2005 ke 58,002 pada 2010 dan kaum Cina dari 6,599 ke 37,997 dalam tempoh yang sama, walaupun peratus (%) permohonan masih

kecil bagi kaum India dan Cina, iaitu 3.49% dan 2.29% pada 2010 berbanding dengan 2.40% dan 1.61% pada 2005. Bagi tahun 2011, jumlah permohonan pada keseluruhannya telah menurun ke 1,106,736 dari 1,661,687 pada 2010, maka, bilangan pemohon India dan Cina juga telah menurun ke 35,653 dan 21,938 masing-masing.

Bagi tahun 2011, angka dan peratusan dari segi bilangan permohonan, bilangan yang layak dan menghadiri temuduga, dan tawaran pelantikan adalah seperti berikut:

KAUM	Permohonan (a)	Layak (b)	Temuduga (c)	Tawaran (d)	% Layak (b)/(a)	% Lantik (d)/(c)
CINA	21,938	5,819	3,958	2,365	26.5 %	49.07%
INDIA	35,653	4,666	3,242	1,581	13.1%	35.82%
JUMLAH	1.106.736	133.203	95.038	29.547	12.0%	31.09%

Statistik tersebut menunjukkan bahawa walaupun bilangan permohonan adalah kecil, tetapi peratusan individu yang layak dari jumlah permohonan adalah lebih tinggi bagi kaum Cina (26.5%) dan India (13.1%) berbanding dengan purata dari jumlah (12.0%). Di samping itu, kadar kejayaan pelantikan dari mereka yang menghadiri temuduga adalah lebih tinggi bagi pemohon kaum Cina (49.07%) dan kaum India (35.82%) berbanding dengan purata keseluruhannya (31.09%) begitulah juga keadaan bagi tahun 2010 dan 2009.

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>TUAN MASIR ANAK KUJAT [SRI AMAN]</b>
<b>TARIKH</b>	
<b>SOALAN</b>	<b>18 JUN 2012</b>

**Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Umum Baru Sri Aman akan mula dibina sepenuhnya memandangkan kelulusan telah diumumkan pada bulan April 2011.

**Tuan Yang di-Pertua**

Projek pembinaan Hospital Sri Aman dengan kapasiti 108 katil telah diluluskan untuk dilaksanakan dalam *Rolling Plan* ke-2 Rancangan Malaysia Ke-10. Pembinaan Hospital Sri Aman akan dilaksanakan dalam 2 fasa iaitu:

- i. Fasa 1 melibatkan kerja-kerja tanah, di mana tender telah dibuat dan sedang dalam peringkat penilaian tender. Surat Setuju Terima dijangka dikeluarkan pada 29 Jun 2012 dengan anggaran kos projek sebanyak RM11.615 juta.

- ii. Fasa 2 ialah melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan hospital. Buat masa ini, rekabentuk pelan hospital sedang dibangunkan. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada bulan Mac 2013.

Hospital Sri Aman yang baru akan meningkatkan taraf dan mutu perkhidmatan serta kemudahan hospital dengan menjadikannya sebuah hospital berpakar dengan jumlah katil 108 yang boleh dinaiktaraf kemudian kepada 256 katil.

Perkhidmatan yang akan disediakan merangkumi perkhidmatan pakar perubatan am, pakar kanak-kanak, pakar obstetrik dan sakit puan, pakar pembedahan am, pakar orthopedik, anestesiologi, dan psikiatrik, di samping perkhidmatan lawatan pakar ENT, ophthalmologi dan sebagainya.

Ia akan memberikan perkhidmatan pakar kepada masyarakat di Sri Aman dan Lubok Antu serta rujukan dari bahagian Betong serta daerah berhampiran lain seperti Simunjan. Ini selaras dengan polisi KKM untuk menyediakan perkhidmatan hampir/dekat pelanggan.

#### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**JAWAPAN :**

DARIPADA                    YB DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.

MUTTALIB (MARAN)

TARIKH                    18 JUN 2012 (ISNIN)

**SOALAN**

YB Dato' Haji Ismail Bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

menyatakan apakah ada rancangan dan peruntukan khas pihak Kementerian dalam menggalakkan agensi-agensi di bawah Kementerian untuk menubuhkan kolej atau pusat pendidikan sendiri yang bersesuaian dengan bidang masing-masing bagi manfaat semua terutama anak-anak peserta.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa mengalu-alukan cadangan dan pandangan daripada semua pihak khususnya Ahli-Ahli Yang Berhormat yang boleh memberi manfaat

**JAWAPAN :**

kepada kumpulan sasar Kementerian ini.

Berhubung kolej atau pusat pendidikan sendiri, KPWKM mempunyai 2 agensi khusus, iaitu Institut Sosial Malaysia (ISM) dan Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW).

Institut Sosial Malaysia (ISM) menyediakan kemudahan latihan ikhtisas dan separa ikhtisas dalam bidang dasar serta pembangunan sosial khususnya kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu, kementerian telah menubuhkan NIEW bagi memperkasakan wanita dari negara-negara Berkecuali (NAM). Institut ini berperanan untuk menjalankan latihan dan



penyelidikan melalui kerjasama rapat dengan pihak kedutaan, pertubuhan antarabangsa, sektor swasta, ahli akademik dan masyarakat.

Sehubungan itu, KPWKM tidak bercadang untuk menubuhkan kolej atau pusat pendidikan sendiri. Walau bagaimanapun, selaras dengan Strategi Lautan Biru yang menekankan supaya agensi / kementerian mengoptimakan kemudahan dan kepakaran sedia ada yang dimiliki oleh pihak lain, KPWKM telah mengadakan kerjasama strategik dengan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk menubuhkan Kursi Kepimpinan Wanita pada tahun 2012. Objektif penubuhan Kursi ini ialah untuk:

- (i) menjalankan penyelidikan berkaitan dengan kepimpinan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa;
- (ii) memberi input dasar kepada Kerajaan berkenaan kepimpinan wanita;
- (iii) menjalankan latihan kepimpinan kepada golongan wanita; dan
- (iv) meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat melalui program advokasi berhubung isu-isu wanita masa kini

dan masa hadapan dari semasa ke semasa.

Sebagai kesimpulan, pendekatan Strategi Lautan Biru akan turut digunakan untuk tujuan latihan dan memperkasakan kumpulan sasar KPWKM yang lain sekiranya timbul keperluan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>18 JUN 2012</b>

**SOALAN:**

**Y.B. Tuan Lim Kit Siang [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sebab mengapa kursus matrikulasi tidak dandardkan kepada semua pelajar dan diberi secara percuma, tidak mengira kaum atau agama bagi pelajar kelulusan SPM agar ianya menjadi "entrance requirement" untuk melanjutkan pengajian tinggi di IPTA selain daripada STPM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 2003 kolej matrikulasi bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera kerana kuota 10% telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera. Kemasukan ke program ini menggunakan sistem meritokrasi. Pelajar-pelajar yang layak berdasarkan**

merit [gabungan 90% pencapaian akademik dan 10% kokurikulum] akan diberi tawaran berdasarkan tempat yang diperuntukkan. Proses pemilihan semua pelajar menggunakan sistem komputer sepenuhnya.

Program Matrikulasi dilaksanakan sebagai salah satu saluran bagi menyediakan pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi selain daripada Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) juga telah menyamaratakan silibus Matrikulasi dan STPM berdasarkan subjek yang sama bagi kedua-dua program dan peringkat tersebut. Dari segi silibus dan mutu adalah setara. Namun demikian, perbezaan di antara kedua program tersebut adalah melalui kaedah pelaksanaan dan tempoh program. Program Matrikulasi dijalankan dalam dua (2) semester atau satu tahun dan peperiksaan akhir diadakan pada setiap akhir semester. Manakala STPM dikendalikan dalam tiga (3) penggal atau satu setengah tahun dan peperiksaan dijalankan pada setiap penggal.



NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**DARIPADA**

**TARIKH**

**LISAN**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE**

**[TENGGARA]**

**18.06.2012 (ISNIN)**

**DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [ TENGGARA ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan bilangan koperasi yang terbabit dalam perniagaan perhotelan dan adakah Kerajaan bercadang untuk menggalakkan lebih banyak koperasi menceburi bidang ini memandangkan potensi dan perkembangan sektor peiancongan sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah koperasi yang terbabit dalam bidang perhotelan ialah sebanyak sebelas (11) buah koperasi.

Memandangkan potensi dan perkembangan sektor peiancongan sekarang, Kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) memang menggalakkan lebih banyak koperasi menceburi bidang perhotelan dan apa juar bidang yang berkaitan dengan penyediaan kemudahan penginapan untuk pelancong dalam dan luar negara seperti chalet, rumah rehat dan homestay.

Koperasi juga digalakkan terlibat dalam aktiviti hiliran dan huluan sektor peiancongan dengan menawarkan produk eko-pelancongan seperti penyediaan aktiviti mendaki gunung, menyusuri sungai dan merentasi hutan, menyediakan perkhidmatan pemandu pelancong, pertunjukkan kebudayaan, penyediaan makanan dan minuman, pengangkutan dan cenderamata.

**Font : Verdana (16)**

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    YB TUAN MOHD. NASIR BIN  
                                  ZAKARIA**

**(PADANG TERAP)**

**TARIKH                    :    18.06.2012 (ISNIN)**

**SOALAN                    39**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan jumlah pinjaman MARA yang diluluskan di Padang  
Terap mengikut jenis projek dan kadar kutipan semula.

**Jawapan:**

Tuan Yang di-Pertua,

MARA amat berterima kasih dan menghargai keperihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap komitmen MARA kepada pembangunan ekonomi Bumiputera.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh dua tahun ini iaitu dari Januari 2011 sehingga 31 Mei 2012, MARA telah mengeluarkan pembiayaan perniagaan sebanyak RM1,865,200 kepada 42 orang usahawan daerah Padang Terap dengan jumlah kutipan RM981,403.

Pembiayaan tersebut adalah untuk membantu usahawan-usahawan di dalam sektor ekonomi seperti pertanian, pertanian, perkilangan, pemborongan dan perdagangan. MARA memberi keutamaan kepada usahawan kecil Bumiputera yang tidak mampu untuk memulakan perniagaan serta mengalami kesulitan untuk mendapat pinjaman dari institusi perbankan. Selain itu, MARA juga memberi pembiayaan kepada lepasan pelatih-pelatih institusi kemahiran MARA seperti GIATMARA, IKM dan KKTM yang berminat untuk menjadi usahawan tetapi

menghadapi masalah kekurangan modal.

Tuan Yang Di Pertua,

MARA adalah sebuah agensi perubahan sosioekonomi yang amat komited kepada pembangunan modal insan ke tahap global. Oleh itu bantuan MARA dalam bentuk pembiayaan kepada usahawan-usahawan kecil dan baru untuk menjana kekayaan dan adalah salah satu strategi untuk membangun agenda bangsa.

NO. SOALAN : 40

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

LISAN

**TUAN HAJI NASHARUDIN MAT ISA [ BACHOK] 18 JUN 2012**

## **SOALAN**

**Minta PERDANA MENTERI menyatakan sehingga 31 Mei 2012, berapa peratuskah dan nilainya sekali, perbelanjaan yang telah digunakan di bawah peruntukan pembangunan di bawah RMK-10.**

# **PERTANYAAN DARIPADA TARIKH**

JAWAPAN

Berdasarkan maklumat daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), sehingga 31 Disember 2011, sebanyak RM46.42 bilion iaitu 93.91% telah dibelanjakan daripada peruntukan pembangunan tahun 2011 di bawah *Rolling Plan Pertama (RP-1)* RMK-10 yang berjumlah RM49.42 bilion. Manakala sehingga 31 Mei 2012, sebanyak RM14.68 bilion iaitu 29.9% telah dibelanjakan daripada peruntukan pembangunan tahun 2012 di bawah *Rolling Plan Kedua (RP-2)* RMK-10 yang berjumlah RM49.16 billion.

**SOALAN NO. 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

RAKYAT PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH 18 JUN 2012 (ISNIN)

**SOALAN**

YB Dato<sup>1</sup> Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan pihak Kementerian mempunyai rancangan yang bermanfaat atau bantuan kaunseling kepada ahli keluarga tunggal termasuk ibu bapa

---

**1 Perkhidmatan Kaunseling oleh Agensi KPWKM**

KPWKM menyediakan perkhidmatan kaunseling menerusi 182 orang kaunselor di Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2 orang kaunselor tetap serta 15 orang pegawai pembangunan masyarakat di Jabatan

**JAWAPAN:**

tunggal atau anak-anak supaya mereka boleh menghadapi kesulitan dan mengharungi tekanan hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius isu-isu sosial yang dihadapi oleh ahli keluarga terutama ibu atau bapa tunggal dan anak-anak mereka yang menghadapi tekanan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Dalam konteks ini, agensi-agensi di bawah KPWKM seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menyediakan beberapa perkhidmatan bagi membantu anggota masyarakat, termasuk ibu atau bapa tunggal dan anak-anak. Antaranya ialah:

Pembangunan Wanita dan 15 orang kaunselor tetap serta 67 orang kaunselor panel di Pusat Keluarga LPPKN di seluruh negara.

Perkhidmatan kaunseling ini telah dimanfaatkan oleh seramai 2,018 orang pada tahun 2010 dan 2,391 orang pada tahun 2011.

Daripada jumlah di atas sebanyak 241 kes kaunseling keluarga telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2010 hingga 2011;

**2. Kaunseling Talian Nur 15999 dan *ChildLine***

Kementerian turut menyediakan perkhidmatan kaunseling menerusi Talian Nur 15999 dan *ChildLine* yang beroperasi selama 24 jam sehari dan 365 hari setahun sebagai saluran alternatif kepada masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Kaunselor yang menerima rujukan kes daripada Talian Nur dan *ChildLine* akan menjalankan sesi kaunseling bagi membantu mereka yang menghadapi masalah. Intervensi krisis akan dijalankan sekiranya kaunselor mendapati klien menghadapi masalah kritikal seperti cubaan membunuh diri;

**3. Pengurusan Stres**

Kementerian melalui JPW dan JKM telah melaksanakan program Pengurusan Stres bagi menangani isu tekanan dalam kehidupan. Program ini menggunakan pendekatan kaunseling keluarga bertujuan memberi pendedahan mengenai aspek humanistik, kemahiran asas kaunseling, psikologi pengurusan keluarga dan teknik pengurusan stres yang berkesan. Seramai 11,039 peserta

telah menghadiri program ini sejak diperkenalkan dari tahun 2009 hingga 2011 di seluruh negara. Program ini dapat memberi kesedaran kepada keluarga agar sentiasa berkongsi masalah dan tidak membuat tindakan negatif;

**4. SMARTbelanja@LPPKN**

Program pengurusan kewangan keluarga SMARTbelanja@LPPKN dijalankan bagi mendidik dan memberi panduan kepada ahli keluarga khususnya bapa dalam menguruskan perbelanjaan keluarga. Sebanyak 144 program SMARTbelanja@LPPKN telah diadakan di seluruh negara sejak tahun 2008 sehingga bulan April 2012 dengan penyertaan seramai 8,259 orang ahli keluarga.

Program ini

dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK);

**5. Kursus ‘Ilmu Keluarga@LPPKN’**

Siri kursus Ilmu Keluarga@LPPKN diadakan setiap bulan di setiap negeri untuk memantapkan kemahiran ibu bapa dalam mendidik anak remaja dan seterusnya mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan. Sejak tahun 2006 hingga bulan April 2012, sejumlah

7,360 kursus telah diadakan di seluruh negara, melibatkan penyertaan seramai 790,968 orang peserta. Pelaksanaan kursus ini berasaskan kepada Pakej Modul KASIH yang mengandungi tiga aspek keibubapaan iaitu:

- keibubapaan anak kecil;
- keibubapaan anak remaja; dan
- kebapaan (*fatherhood*);

## **6. Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*)**

Program Keluarga@Kerja (*Parenting@Work*) khusus untuk ibu bapa yang bekerja di sektor awam atau swasta telah diperkenalkan sejak tahun 2007 bagi membantu ibu bapa bekerja mengimbangi tuntutan kerja dan keluarga (*work life balance*). Antara aspek yang diliputi ialah cara gaya keibubapaan kreatif, pengurusan konflik khususnya masalah *interpersonal* yang mana diharap dapat meningkatkan kemahiran keibubapaan dalam mengendalikan anak remaja. Sejak tahun 2007 hingga bulan April 2012, sejumlah 475 program telah dilaksanakan oleh LPPKN di pejabat Kerajaan, sektor swasta dan NGO, melibatkan penyertaan 20,662 orang ibu bapa; dan

## **7. Pusat Remaja Kafe@TEEN**

Pusat Remaja Kafe@TEEN menyediakan khidmat sokongan untuk remaja yang menghadapi masalah dan memerlukan bantuan menerusi Pusat Remaja kafe@TEEN. Sebanyak 6 pusat remaja kafe@TEEN iaitu di Ibu Pejabat LPPKN (Kuala Lumpur), Bertam (Pulau Pinang), Jalan Burmah (Pulau Pinang), Lembah Pantai (Kuala Lumpur), Seremban 2 (Negeri Sembilan) dan Kota Bharu (Kelantan) telah diwujudkan. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. Program *outreach* kafe@TEEN di sekolah-sekolah dan komuniti setempat ini telah berjaya mendekati seramai 427,677 orang remaja melalui 5,765 program/aktiviti dari bulan November 2005 hingga bulan April 2012.

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA AHMADBIN HAMZAH  
(JASIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14.06.2012**

**Y.B. DATUK WIRA AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan penemuan utama Forensic Audit Report mengenai kerugian besar syarikat Sime Darby dan bilakah ianya akan dibentangkan di Parlimen/diumumkan sepatimana yang telah dijanjikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Sime Darby telah memfailkan saman sivil di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 23 dan 24 Disember 2010 terhadap bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Y.Bhg. Dato' Seri Ahmad Zubir Murshid dan empat (4) individu lain atas kerugian yang dialami oleh Projek Petroleum Qatar, Projek Minyak Maersk Qatar, Projek Pembinaan Kapal Marin dan Projek Hidroelektrik Bakun.

Perlu dijelaskan di sini bahawa memandangkan kes saman sivil tersebut masih dalam proses undang-undang, Sime Darby telah dinasihatkan oleh peguam-pegawai yang mewakilinya bahawa laporan audit forensik tersebut adalah dokumen terlindung (*privileged document*) menurut undang-undang dan tidak boleh didedahkan kepada umum.

Laporan audit forensik berkenaan yang telah dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Sime Darby pada 20 September 2010, telah diserahkan kepada pihak berkuasa berkaitan termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Sekuriti. Hasil daripada laporan tersebut, SPRM telah pun mendakwa tiga (3) pekerja / bekas pekerja Sime Darby bermula Ogos hingga Disember 2010 atas tuduhan salah laku rasuah. Berikutkan dakwaan

**NO. SOALAN:**

tersebut, ketiga-tiga individu telah menjalani proses undang-undang dan keputusan mahkamah telah pun diumumkan.

Sebagai langkah tambahan untuk mengelakkan isu kelemahan pentadbiran atau kecuaian daripada berulang, Sime Darby juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif ke arah memperkasakan struktur tadbir urus melalui pengukuhan pemantauan kewangan dan membudayakan amalan pengurusan risiko.

Pada 9 Jun 2011, Sime Darby telah menandatangani ikrar integriti korporat dan menyerahkannya kepada SPRM, sekaligus menjadikan Sime Darby sebagai Syarikat Berkaitan Kerajaan pertama untuk berbuat demikian. Ini mencerminkan komitmen dan kesungguhan Sime Darby terhadap usaha memerangi rasuah.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEDUA BELAS** \_\_\_\_\_ **(2012)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA**           **YB TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI           SAMSURI**  
**[BAGAN SERAI ]**

**TARIKH**           **18 JUN 2012(ISNIN)**

**SOALAN**

**Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah bantuan diberikan kepada sekolah tahfiz. Berapakah bilangannya mengikut negeri dan bentuk bantuannya.

**JAWAPAN:** **(Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa semua Maahad Tahfiz adalah dibawah pentadbiran dan kawalan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri. Walau bagaimanapun Kerajaan telah memperuntukan bantuan kewangan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) termasuk Maahad Tahfiz melalui program Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).

ft

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memberi bantuan dari segi khidmat nasihat dan kepakaran akademik. Bagi menjaga kebajikan pelajar-pelajar huffaz di institusi Tahfiz Negeri, Kerajaan negeri masing-masing telah memperuntukkan elaun khas bagi para pelajar ini. Bagi pelajar Darul Quran, JAKIM menyediakan elaun khas termasuk penyediaan kemudahan makan minum dan penginapan bagi pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di sini.

Setakat ini terdapat 287 buah maahad tahfiz swasta berdaftar dan 38 buah maahad tahfiz di bawah Kerajaan negeri diseluruh Negara. JAKIM telah mewujudkan kerjasama dengan 14 Maahad Tahfiz al-Quran Negeri yang menggunakan kurikulum Darul Quran JAKIM bagi program pengajian diploma tahfiz. Kerjasama antara JAKIM kepada maahad tahfiz berkenaan adalah seperti berikut:

- i. menggunakan kurikulum yang selaras ;
- ii. menjalankan penaziran akademik sekurang-kurangnya 2 kali setahun;
- iii. pemantauan peperiksaan;

- iv. penganugerahan diploma Darul Quran Jakim kepada para pelajar;
- v. penyediaan tenaga pakar dan latihan yang berterusan bagi membantu tenaga pengajar di Maahad Tahfiz al-Quran Negeri;
- vi. mengadakan persidangan pengetua 2 kali setahun; dan
- vii. mengadakan Konvensyen Pensyarah Tahfiz yang diadakan sekali setahun untuk para pensyarah bertukar pandangan dan memikirkan halatuju pengajian tahfiz di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :401**

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM**

**(KAPAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDARAM [ KAPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pinjaman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada syarikat-syarikat milik Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri serta apakah faktor utama yang diambil kira oleh KWSP dalam pemberian pinjaman tersebut dan tahap pembayaran balik pinjaman tersebut mengikut syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pendedahan portfolio pinjaman KWSP kepada Kerajaan setakat 31 Mei 2012 adalah sebanyak RM79.12 bilion. Pendedahan pelaburan KWSP kepada Kerajaan adalah dalam bentuk pinjaman berkadar tetap dengan sebahagian besarnya dijamin oleh Kerajaan. Setakat 31 Mei 2012 jumlah keseluruhan pemberian pinjaman adalah sebanyak RM83.39 bilion iaitu RM79.12 bilion kepada Kerajaan dan RM4.27 bilion kepada institusi korporat.

2. Pendedahan risiko pelaburan adalah rendah (*risk free*) memandangkan sebahagian pinjaman KWSP adalah kepada Kerajaan dan fasiliti-fasiliti yang mempunyai jaminan Kerajaan Persekutuan. Sehubungan dengan itu, kadar faedah yang dikenakan juga adalah berpandukan kepada kadar pulangan Sekuriti Kerajaan Malaysia sebagai penanda aras.
3. Berdasarkan rekod pinjaman KWSP, kualiti aset portfolio pinjaman

adalah memuaskan. Ini berikutan, prestasi pembayaran balik Kerajaan serta agensi-agensi adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan sepetimana yang termaktub dalam perjanjian pinjaman. Untuk makluman, pendedahan pinjaman kepada Kerajaan mahupun agensi Kerajaan tidak pernah mengalami sebarang keingkaran pembayaran dan tiada pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar atau *Non-Performing Loan* (NPL).

**SOALAN NO: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**JAWAB LISAN**

**DARIPADA**

**DATO' SHAMSUL ANUAR BIN  
NASARAH[LENGGONG]**

**TARIKH**

**18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI  
PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) perancangan dan kedudukan pencalonan Lenggong Tapak Warisan Dunia; dan
- (b) keuntungan yang bakal diperolehi oleh negara, negeri dan kawasan Lenggong jika usaha ini berjaya.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sedang berusaha mendapatkan pengiktirafan ke atas Lembah Lenggong sebagai Warisan Dunia UNESCO yang mana keputusan dijangka diperolehi pada penghujung Jun atau awal bulan Julai 2012.



### **SOALAN NO: 45**

Antara keuntungan bakal diperolehi sekiranya Lembah Lenggong berjaya mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Dunia adalah kelebihan dari segi promosi yang akan menonjolkan Lembah Lenggong di peta pelancongan dunia serta terpapar dalam laman sesawang UNESCO. Pada kebiasaannya, tapak-tapak yang mendapat pengiktirafan dunia akan menerima kedatangan pelancong yang lebih ramai dari dalam dan luar negara dan memberikan manfaat kepada para pengusaha hotel, pengangkutan, makanan dan industri-industri berkaitan.

Secara langsungnya, akan menjadikan tapak tersebut lebih berprestij dan nilai harta tanah termasuk di kawasan berhampiran akan mendapat pasaran yang lebih tinggi seperti yang berlaku di Melaka dan George Town. Penyenaraian Lembah Lenggong sebagai Warisan Dunia UNESCO juga akan dapat menonjolkan serta meningkatkan visibiliti negara di peringkat antarabangsa. Ini kerana, UNESCO merupakan badan dunia kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).



**SOALAN 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>Y.B. TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>18 JUN 2012</b>
<b>SOALAN</b>	<b>Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:</b>

Berapakah replika penyu yang telah dibeli oleh Kementerian semasa PATA Annual Conference 2012, kegunaan replika tersebut, jumlah kos yang terlibat dan siapakah pembekalnya.

**JAWAPAN** di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada persidangan Persidangan Pacific Asia Travel Association (PATA) sebanyak empat kali mulai tahun 1972, 1986, 2001 dan 2010. Pada tahun 2012, PATA sekali lagi memilih Kuala Lumpur sebagai destinasi persidangan tahunannya dengan bertemakan "*Building The Business Beyond Profits*". Persidangan ini telah dihadiri lebih daripada 600 delegasi tempatan dan luar negeri yang terdiri daripada pengusaha pelancongan, hotel, syarikat penerbangan, wakil media dan penggerak-penggerak industri pelancongan yang lain.

Antara negara yang telah menganjurkan persidangan berprestij antarabangsa ini adalah seperti Indonesia, Republik Korea, Macau, Thailand dan China. Antara aktiviti semasa persidangan sepanjang 4 hari ini, selain menghadiri mesyuarat dan seminar, para delegasi juga ditawarkan lawatan pra dan pasca lawatan ke destinasi-destinasi menarik di Malaysia.

Penyu adalah logo yang digunakan semasa Malaysia menjadi tuan rumah PATA pada 1986 di Kuala Lumpur sebagai simbol usaha negara dalam memelihara hidupan liar yang terancam. Oleh itu, berdasarkan kesan mendalam logo penyu pada PATA 1986, sekali lagi logo penyu tersebut digunakan dengan sedikit pembaharuan dibuat dengan lambang Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar Petronas diletakkan.

Bagi memeriahkan lagi acara Persidangan PATA 2012 pada kali ini, **4 replika** ditempah khas (*custom made replica*) logo penyu tersebut yang bersaiz **1.9 meter (Tinggi), 1.5 meter (Lebar)** dan **40 kilogram (berat)** setiap satu. Replika tempahan khas tersebut adalah simbolik bagi menyambut ketibaan para delegasi dan telah mendapat sambutan hangat daripada para peserta persidangan terutama untuk peluang bergambar bersama sebagai momento PATA 2012.

Selain daripada para peserta, replika tempahan khas tersebut juga telah berjaya menggamit memori dan sangat popular di kalangan rakyat Malaysia dan pelancong asing. Oleh itu, replika tempahan khas tersebut kini diperagakan di Pusat Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC) di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, Galeri Kementerian Pelancongan di lobi Kementerian Pelancongan dan di acara-acara anjuran Kementerian Pelancongan. Pameran replika penyu ini melambangkan bahawa Malaysia pernah menjadi hos kepada persidangan berprestij itu dan telah

menjadi tumpuan para pengunjung.

Replika penyu tempahan khas tersebut berharga **RM12,375.00** seunit telah dibekalkan oleh **Syarikat RLMG Rayyan Enterprise** mengikut peraturan dan prosedur perolehan kerajaan sedia ada.

**SOALAN NO: 47**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B.  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[SUNGAI SIPUT]  
TARIKH 18 JUN 2012  
SOALAN

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilangan Pembantu Makmal yang sedang berkhidmat di Malaysia pada tahun 2011 dengan memberi pecahan sektor Kerajaan dan sektor Swasta.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, jawatan Pembantu Makmal tidak terdapat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Walau bagaimanapun, pegawai yang menjalankan tugas makmal di fasiliti kesihatan KKM adalah Juruteknologi Makmal Perubatan. Pada tahun 2011, terdapat seramai 5,261 orang Juruteknologi Makmal Perubatan yang sedang berkhidmat di KKM dengan peratus pengisian adalah sebanyak 92 peratus. Seramai 593 orang di Kementerian Pengajian Tinggi dan 2,500 orang di sektor swasta. Pengeluaran Juruteknologi Makmal Perubatan pada tahun 2010 ialah seramai 1,609 orang iaitu 1,161 dari Institusi Pengajian Tinggi Swasta, 131 orang dari Institusi Pengajian Tinggi Awam dan 317 dari Kolej Kementerian Kesihatan Malaysia.

SOALAN NO : 48

**PART1MEN MALAYSIA PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

: LISAN  
:DR. PERTANYAAN LEE BOON CHYE [ GOPENG ]  
:18 DARIPADA JUN 2012 (ISNIN)  
:Dr. TARIKH Lee Boon Chye [ Gopeng ]  
SOALAN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan senaraikan syarikat-syarikat yang diberi permit eksklusif untuk eksport sarang burung walit ke Negeri China.

**JAWAPAN OLEH :Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak pernah mengeluarkan permit eksklusif untuk mengeksport sarang burung walit ke Republik Rakyat China. Pengeluaran permit eksport sarang burung walit adalah terbuka kepada mana-mana syarikat atau individu yang memenuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam pengeluaran permit eksport.

**SOALAN 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN  
DARIPADA**

**LISAN  
Y. B. TUAN CHOW KON  
YEOW [TANJONG]**

**TARIKH**

**18 JUN 2012**

**SOALAN**

**Meminta MENTERI PELANCONGAN  
menyatakan:**

Apakah projek-projek pelancongan yang telah dilaksanakan dari tahun 2008 hingga 2012 di negeri Pulau Pinang dan apakah perancangan dan matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian bagi negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2015.

TUAN YANG di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Tanjong, semenjak tahun 2008 hingga 2012, sebanyak 44 projek infrastruktur pelancongan telah dilaksanakan dengan kos sebanyak RM124.7 juta. Projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- a) Projek Penyediaan/ Peningkatan Kemudahan Pelancongan: 15 Projek (**RM79.8 juta**) seperti Projek Menaiktaraf Keretapi di Bukit Bendera, Projek Pembinaan Bangunan Tempat Letak Kereta di Bawah Bukit Bendera dan Projek Pembangunan Pelancongan di Taman Kebun Bunga;
- b) Projek Eko-Tourism: **1 Projek (RM2.0 juta)**
- c) Projek Naiktaraf/ Penyelenggaraan: **19 projek (RM7.0 juta)**
- d) Projek Homestay: **8 Projek (RM 0.9 juta)**
- e) Hotel Seri Malaysia Kepala Batas Pulau Pinang (**RM35.0 juta**)

Tuan Yang di-Pertua,

Di antara projek-projek infrastruktur pelancongan yang dilaksanakan adalah:

- i) Projek Menaiktaraf Keretapi di Bukit Bendera dengan siling peruntukkan berjumlah **RM68,800.00** (Projek telah dilaksanakan pada 28 Oktober 2009 dan telah siap pada 31 Januari 2011. Projek ini telah diserahkan kepada *Penang Hill Corporation* pada 21 Mac 2011);

- ii) Projek Pembinaan Bangunan Tempat Letak Kereta di Bawah Bukit Bendera dengan jumlah siling peruntukan sebanyak RM 5.0 juta. Projek ini telah dilaksanakan oleh *Penang Development Corporation* (PDC) pada 10 Ogos 2009 dan telah siap pada 30 Mac 2011. Walau bagaimanapun, dukacita dimaklumkan projek ini tidak dapat digunakan kerana kesilapan pihak PDC di dalam rekabentuk. Ini menyebabkan kenderaan tidak dapat masuk kerana terdapat kelemahan pada struktur bangunan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengakui kesilapan dan Kerajaan Negeri memutuskan untuk merobohkan bangunan tersebut dan membina semula dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri; dan
- iii) Projek Pembangunan Peiancongan di Taman Kebun Bunga (*Botanical Garden*) dengan siling peruntukan berjumlah **RM7,791,525** (Projek telah dilaksanakan pada 10 Julai 2008 dan telah siap pada 11 Jun 2011. Projek ini telah diserahkan kepada Jabatan Taman Botani Pulau Pinang pada 11 Jun 2011).

Bagi perancangan yang telah ditetapkan untuk Negeri Pulau Pinang menjelang tahun 2015, Kementerian telah menerima 2 permohonan projek daripada Kerajaan Negeri iaitu Projek Kemudahan Peiancongan di Taman Negara Pulau Pinang dan Projek Pengawalan Air Kumbahan Ke Laut di Batu Ferringgi untuk dilaksanakan di bawah *Rolling Plan* ke-3 Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh.

NO  
SOAL  
AN :

4150

PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT, MALAYSIA  
DARIPADA Y.B. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI  
HARON (TANGGA BATU)  
PERTANYAAN LISAN

TARIKH 18.06.2012

Y.B. DATUK IR. HAJI IDRIS BIN HAJI HARON [ TANGGA BATU ] minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang  
diambil oleh Bank Negara bagi memastikan pelaburan emas yang  
ditawarkan oleh syarikat-syarikat berlesen ini sah dan melindungi pelabur-  
pelabur serta menilai semula mengenai transaksi kemasukan wang  
kepada akaun 3rd party yang didapati telah menipu pelanggan bank.

#### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia mengawal  
selia pelaburan emas yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat kewangan  
yang diberikan lesen di bawah Akta-Akta yang dikuatkuasakan oleh Bank  
Negara Malaysia seperti Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989,  
Akta Bank Islam 1983, Akta Insurans 1996 dan Akta Takaful 1984.  
Transaksi-transaksi yang melibatkan pembelian, pegangan, peminjaman,  
pemberian, penjualan atau pengeksportan emas tidak memerlukan  
kelulusan Bank Negara Malaysia selagi mana ianya tidak bercanggah  
dengan seksyen 25 BAFIA 1989 yang berkaitan dengan menerima,  
mengambil dan bersetuju menerima deposit secara tidak sah.

2. Bagi institusi-institusi perbankan di Malaysia yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia, akaun-akaun pelaburan emas yang ditawarkan perlu dikendalikan secara telus serta disokong oleh pemberian maklumat yang tepat dan mencukupi kepada pelabur-pelabur bagi mereka membuat keputusan yang sewajarnya. Penawaran produk-produk perbankan dan perkhidmatan oleh institusi-institusi kewangan, termasuk akaun pelaburan emas ini adalah tertakluk kepada garis panduan Bank Negara Malaysia, yang antara lain memerlukan institusi-institusi kewangan untuk memaklumkan pelanggan mengenai terma dan syarat produk yang ditawarkan serta fi dan caj yang terlibat.

3. Institusi perbankan secara berterusan memastikan keselamatan dan keutuhan perkhidmatan dan sistem yang disediakan kepada para pelanggan mereka. Selain itu, perkhidmatan perbankan elektronik yang disediakan mempunyai ciri-ciri keselamatan yang kukuh dan sistem amaran penipuan yang mampu mengesan dan melaporkan tentang transaksi yang mencurigakan. Antaranya langkah yang diambil termasuklah:

- (i) menjalankan ujian ke atas sistem perbankan yang digunakan secara tetap untuk memastikan sistem tersebut sentiasa boleh dipercayai;
- (ii) menyediakan pengaturan bagi keselamatan Internet untuk memastikan infrastruktur yang dijamin selamat;
- (iii) menggunakan pelbagai teknologi keselamatan seperti penyulitan utuh (*strong encryption*), dinding keselamatan, log keluar automatik dan alat pantau;
- (iv) memasang sistem untuk mengesan dan menyekat serangan penceroboh (*hacker*); dan
- (v) menjalankan pemeriksaan berkala untuk menilai tahap risiko yang mungkin wujud dan mengesan kelemahan yang mungkin terdapat pada sistem pengurusan risiko institusi perbankan.

4. Bagi mengelakkan pelanggan perbankan menjadi mangsa kes-kes penipuan di mana pelanggan bank diarahkan untuk memindahkan sejumlah

wang ke akaun pihak ketiga (*3rd party*), pelanggan juga perlu mengambil langkah bijak untuk memastikan keselamatan transaksi perbankan yang dibuat. Antara tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh pengguna ialah:

- (i) merahsiakan ID, kata laluan atau nombor PIN;
- (ii) menukar kata laluan atau nombor PIN dengan serta-merta dan menghubungi institusi perbankan sekiranya mengesyaki adanya pihak lain yang mungkin mengetahui kata laluan atau nombor PIN;
- (iii) memastikan berada di laman web yang betul dan bercirikan keselamatan ketika melakukan perbankan internet;
- (iv) memastikan bahawa program Anti-virus adalah yang terkini dan sentiasa berfungsi;
- (v) memadam peti ingatan dan sejarah transaksi selepas log keluar daripada laman web untuk menghapuskan sebarang maklumat tentang akaun peribadi; dan
- (vi) menghubungi institusi perbankan sekiranya wujud kebimbangan tentang keselamatan akaun dan cara penyelesaiannya.

5. Bank Negara Malaysia juga telah mengambil pelbagai langkah untuk mengingatkan orang ramai agar tidak mendedahkan maklumat perbankan peribadi serta membuat sebarang pemindahan wang di akaun yang tidak dikenali. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- (i) menyiaran amaran penipuan dalam semua akhbar tempatan seluruh negara, melalui siaran televisyen dan melalui laman web Bank Negara Malaysia serta media dalam talian (*online media*) yang lain;
- (ii) menghantar 'SMS blasts' kepada pengguna telefon bimbit;
- (iii) mengadakan kerjasama program kesedaran pengguna serta perkongsian maklumat dengan persatuan pengguna dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; dan
- (iv) mengedarkan buku "Awas Penipuan Kewangan" yang

mengandungi maklumat serta modus operandi penipuan kewangan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' ISMAIL KASIM</b>
<b>KAWASAN</b>	<b>ARAU</b>
<b>18.6.2012 (ISNIN)</b>	
<b>TARIKH</b>	
	<b>51</b>
<b>NO. SOALAN</b>	

Y.B. DATO' ISMAIL KASIM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian agar dasar automotif negara terus berdaya saing dan lebih kompetitif selari dengan perkembangan industri automotif di dunia.

**Jawapan**

Tuan Yang Di Pertua,

Dasar Automotif Nasional (NAP) telah diperkenalkan pada 22 Mac 2006 bertujuan untuk membantu usaha transformasi dan integrasi industri automotif tempatan ke dalam jaringan industri serantau dan global dalam persekitaran yang semakin liberal dan kompetitif.

Kajian semula ke atas NAP telah diumumkan pada 28 Oktober 2009 di mana beberapa dasar dan langkah-langkah baru diperkenalkan bertujuan memastikan pembangunan industri automotif tempatan yang terancang dan tersusun serta meningkatkan keupayaan dan daya saing industri dalam jangka panjang.

**Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan industri automotif tempatan yang berdaya saing dengan mengambil kira perkembangan terkini di peringkat serantau dan global, Mesyuarat Majlis Ekonomi pada 18 April 2011 telah bersetuju supaya MITI mengkaji semula NAP 2009.**

**Selain dari memperkenalkan langkah-langkah baru yang selari dengan perubahan teknologi dan perkembangan terkini industri automotif serantau dan global, kajian semula ini mensasarkan Malaysia untuk menjadi hab kenderaan bertenaga efisien (energy efficient vehicles - EEV) menjelang tahun 2015 dan ke arah tahun 2020.**

**Kajian semula NAP ini turut merangkumi pembangunan pelan tindakan ke arah penghijauan (greening) industri automotif yang merangkumi:**

- **rantaian bekalan keseluruhan (produk, proses, pengilang dan pengguna);**
- **standard (pembuatan dan, lepas jualan dan perkhidmatan);**  
dan
- **infrastruktur (ekosistem).**

**Secara keseluruhannya, kajian semula ini menggariskan beberapa inisiatif penting ke arah penambahbaikan ekosistem industri automotif termasuk pembangunan modal insan, rantaian bekalan, pembangunan teknologi dan peluasan pasaran yang dijangka akan memastikan kemampanan berterusan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan industri automotif di peringkat serantau dan global.**

LISAN

^0^2. NO.AUM:

40

-NO. AUP-

TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [ SEREMBAN ]

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT

18 JUN 2012

4817

PERTANYAAN

DARIPADA                    SOALAN:

TARIKH

Tuan John a/l Fernandez [ Seremban ] minta

RUJUKAN

MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berdasarkan kepada kejadian pergaduhan yang dipercayai berlaku pada sekitar bulan Mei 2012 di antara anak orang kenamaan dengan Peninju Negara Muhamad Farkhan Mohd Haron di Taman Molek, Johor menyatakan seperti berikut:-

(a) adakah terdapat sebarang tangkapan dibuat; dan

(b) apakah status siasatan terkini oleh pihak polis dan adakah terdapat sesiapa yang dituduh di Mahkamah setakat ini.



Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Seremban yang telah mengemukakan pertanyaan.

**JAWAPAN:**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pihak polis telah selesai menjalankan siasatan berhubung kes ini dan kes ini telah disiasat di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mendatangkan cedera parah dan juga Seksyen 149 Kanun Keseksaan. Berdasarkan siasatan yang dijalankan, buat masa kini tiada sebarang tangkapan dibuat ataupun dituduh di Mahkamah. Kertas siasatan berkenaan kes ini telah pun di rujuk kepada Pejabat Jabatan Peguam Negara bagi membolehkan pihak polis untuk mendapatkan arahan dan nasihat perundangan.



**NO. SOALAN :**

**PERTANYAAN**                   **53 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**DARIPADA**                   **LISAN**  
**TARIKH**                   **TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD YUSOFF [ BALIK PULAU ]**  
                                 **18 JUN 2012**

**SOALAN**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff [Balik Pulau] minta PERDANA MENTERI menyatakan dengan terperinci apa, bagaimana, bila, siapa yang terlibat di dalam penggunaan dan pengurusan Peruntukan Khas Parlimen Balik Pulau semenjak 2008 sehingga sekarang.**

**JAWAPAN**

Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri bagi kawasan Parlimen Balik Pulau diuruskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang. Kelulusan program/projek/sumbangan/perbekalan di bawah peruntukan ini adalah berdasarkan permohonan yang diterima daripada pelbagai pihak seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pihak sekolah dan lain-lain. Pertimbangan dan pelaksanaan program/projek yang dipohon dibuat oleh Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang mengikut peraturan semasa yang berkaitan. Bagi tahun 2008 hingga 6 Jun 2012, sebanyak 169 program/projek bernilai RM 1.286 juta telah diluluskan bagi kawasan Parlimen Balik Pulau melibatkan kategori seperti berikut:

- i. Projek-projek kecil fizikal seperti menaik taraf jalan, masjid, surau dan sebagainya;
- ii. Sumbangan sebahagian kos penganjuran program bercorak sosial, sukan dan kebudayaan;

- iii. Perbekalan barang seperti penghawa dingin, karpet, meja, alat siaraya dan lain-lain; dan
- iv. Bantuan/sumbangan kepada NGO bagi melaksanakan program/aktiviti masing-masing.

RINGKASAN MENGIKUT KATEGORI PROJEK/PROGRAM BAGI KAWASAN PARLIMEN BALIK PULAU TAHUN 2008 SEHINGGA 6 JUN)

BI L	KATEGORI	■IBBHIHIB						2011		2012		JU M BIL	JUM KOS (RM)
		Bit	KOS(RM)	Bit	KOS(RM)	BIL	KOS (RM)	BI L	KOS(RM)	BIL	KOS(RM)		
<b>1. PROJEK FIZIKAL</b>													
a. <del>IIMXIV 1 rMxMI JMLMIM</del> * Jalan Tar Di Kampung Permatang Pasir * Jalan Tar Di Halaman, Masjid At-Taqwa Kongsi	2	13,345.00	0	-	0	-	0	-	0	-	2	13,345.00	
b. NAIKTARAF MASJID * Masjid Al-Qahhar Permatang Damar Laut	1	20,000.00	0	-	0	-	0	-	0	-	1	20,000.00	
c. <del>iiMirI MrvAi ourv-wriML&gt;rMOAM i</del> * Madrasah Raiyyah Islamiah Sungai Pinang * Surau Al-Furqan	1	20,000.00	0	-	1	4,000.00	0	-	0	-	2	24,000.00	
d. NAIKTARAF TADIKA * Tadika Sungai Rusa	1	6,180.00	0	-	0	-	0	-	0	-	1	6,180.00	
e. MEMBINA LONGKANG • Longkang Di Kampung Sungai Pinang	1	10,000.00	0	-	0	-	0	-	0	-	1	10,000.00	
f. MEMBAIKI DEWAN • Dewan Masyarakat Kampung Perlis	0	-	1	7,000.00	0	-	0	-	0	-	1	7,000.00	
g. BEKALAN AIR • Pam Air Di Taman Emas	0	-	0	-	0	-	1	15,000.00	0	-	1	15,000.00	
<b>2. PROGRAM SOSIAL/SUKAN/KEBUDAYAAN</b>	22	117,940.00	6	16,700.00	38	224,331.00	46	207,234.00	20	101,000.00	132	667,205.00	
<del>f-iuyidin rvdimvd ndi i rxeludiyd</del> • Aktiviti Persatuan Penduduk • Program Lawatan/Seminar • Program Sambutan Perayaan • Program Tadarus Perdana • Karnival Sukaneka													
<b>3. PEMBEKALAN BARANGAN</b> (penghawa dingin, karpet, meja, alat siaraya, peralatan kenduri, kipas angin, khemah)	6	84,150.00	4	38,550.00	2	25,750.00	1	5,400.00	0	-	13	153,850.00	
<b>4. BANTUAN/SUMBANGAN NGO</b>	6	99,000.00	2	52,200.00	6	45,919.00	1	172,366.00	0	-	15	369,485.00	
• Madrasah Tahfiz Al-Quran Masjid Bengali • Kelab Siswa Pulau Pinang Universiti Malaya • Tabika Kemas Sungai Rusa • Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Daerah Barat Daya													
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>40</b>	<b>370/6X5.00</b>	<b>13</b>	<b>114,450*00</b>	<b>47</b>	<b>300/000.00</b>	<b>49</b>	<b>400/000*00</b>	<b>20</b>	<b>101,000.00</b>	<b>16</b>	<b>1,286,065,00</b>	

NO. SOALAN:

54 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [BATU KAWAN]**

**TARIKH : 18 JUN 2012**

**SOALAN**

Dr. Ramasamy A/L Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah konkret yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi kaum orang asli dan kaum pribumi di Sabah dan Sarawak dimana taraf sosio-ekonomi kaum-kaum ini adalah agak ketinggalan berbanding kaum-kaum lain di negara ini.

**JAWAPAN**

Kerajaan sememangnya sentiasa prihatin mengenai pelbagai isu yang sering dibangkitkan berkaitan ketidakseimbangan sosio-ekonomi pelbagai kaum di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, Kerajaan pada tahun 2009 telah memperkenalkan enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan rakyat termasuk kaum Bumiputera di Sabah dan Sarawak khususnya menerusi NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) dan Low Income Household(LIH).

Di bawah NKRA RBI, Kerajaan mensasarkan untuk menyediakan 50,000 buah rumah baru dan dibaikpulih untuk penduduk miskin dan miskin tegar luar bandar menjelang 2012 yang mana dua pertiga daripadanya adalah di Sabah dan Sarawak, membina lebih daripada 7,000 km jalan baru dan dinaik taraf menjelang 2012 yang mana 1,900km daripadanya adalah di Sabah dan Sarawak. Selain itu, NKRA ini juga akan memastikan akses kepada air bersih atau air yang dirawat kepada 360,000 isi rumah tambahan termasuk di Sabah dan Sarawak dan menyediakan akses kepada bekalan elektrik 24 jam untuk lebih 140,000 isi rumah tambahan pada 2012. Manakala di bawah NKRA LIH pula, Kerajaan mensasarkan seramai 19,500 orang peserta yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah menyertai Program 1Azam Sabah dan

**18,400 orang peserta menyertai Program 1Azam Sarawak yang bertujuan untuk mempertingkatkan pendapatan peserta.**

**Selain daripada itu, untuk memantapkan lagi sistem penyampaian kepada penduduk Bumiputera Sabah dan Sarawak, termasuklah kaum Bumiputera minoriti dikedua-dua negeri berkenaan, kerajaan pada 14 Oktober 2009 telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Jawatankuasa Kabinet Bumiputera Sabah dan Sarawak bertujuan untuk memantau dan menilai dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan Bumiputera di Sabah dan Sarawak, memastikan sistem penyampaian yang lebih efektif dan berkesan serta menyelesaikan sebarang isu yang melibatkan dasar atau jentera kerajaan.**

**Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bumiputera Sabah dan Sarawak turut dibantu oleh Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh YB Tan Sri Bernard Giluk Dompok, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi. Kedua-dua Jawatankuasa telah membincangkan pelbagai isu dan cadangan penyelesaian yang melibatkan kepentingan kaum Bumiputera Sabah dan Sarawak dalam bidang-bidang pendidikan, pembangunan modal insan, kesihatan dan pembangunan ekonomi.**

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA                    YB DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**JAWAPAN:**  
**[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH** **18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

**YB Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan apakah Kerajaan bercadang memberikan insentif atau bantuan tertentu kepada pihak yang ingin mengadakan TASKA/TADIKA di ruang bangunan yang ada di kawasan mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan taman asuhan kanak-kanak (TASKA) adalah penting bagi membolehkan keluarga dwi-kerjaya mempunyai pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan anak yang berkualiti. Pembukaan TASKA turut membolehkan lebih ramai wanita untuk keluar bekerja bagi menyumbang kepada pembangunan negara selain mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Tambahan pula, kerajaan telah mensasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan daripada 46.1% pada tahun 2010 kepada 55% pada penghujung tahun 2015.

**JAWAPAN**

Bagi menggalakkan sektor swasta mewujudkan TASKA di premis kerja masing-masing, Kerajaan menyediakan insentif semenjak tahun cukai taksiran 1994. Perenggan 42(2) Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967, membolehkan majikan yang menggunakan bangunan untuk pengasuhan kanak-kanak layak diberi elauan bangunan perindustrian selama 10 tahun terhadap perbelanjaan pembinaan atau pembelian bangunan.



Bagi menggiatkan lagi sektor korporat dan majikan swasta membuka TASKA di premis kerja sebagai satu tanggungjawab sosial korporat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan UNICEF untuk menghasilkan *Best Business Practice Circular 1/2010: Establishment of a Child Care Centre at the Work Place by Corporate and Business Employers*. Pekeliling SSM ini menggalakkan penubuhan TASKA di premis kerja, memberi garis panduan penubuhan TASKA di tempat kerja dan menyenaraikan faedah penubuhan TASKA kepada pekerja dan majikan serta insentif yang diberi oleh Kerajaan. Pekeliling SSM ini telah dilancarkan pada 1 Februari 2010 untuk semua majikan yang berdaftar dengan SSM.

Selain itu, Jawatankuasa Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Penubuhan TASKA Di Tempat Kerja telah diwujudkan pada pertengahan tahun 2011. Jawatankuasa Kerja ini bertujuan untuk mempromosi dan membantu penubuhan TASKA tempat kerja oleh majikan swasta. Jawatankuasa ini dipengerusikan bersama oleh Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Presiden Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (*ECCE Council*). Ahli-ahli jawatankuasa ini terdiri dari wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia (PPBM), Majlis Pengasuhan dan Pendidikan

Awal Kanak-kanak (*ECCE Council*), Kesatuan Kebangsaan Pekerja Bank (NUBE) dan beberapa individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak. Jawatankuasa ini bekerjasama dengan sektor korporat khususnya dalam usaha menubuhkan TASKA tempat kerja.

Sebagai usaha terbaru, KPWKM melalui agensinya iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan mempromosikan penubuhan TASKA di tempat kerja ketika melaksanakan Kursus *Parenting@Work* di sektor korporat, swasta dan agensi Kerajaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan April 2012, sebanyak 15 buah TASKA di tempat kerja sektor swasta telah ditubuhkan dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

**SOALAN NO.: 56**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** DATIN LINDA TSEN THAU LIN

[ BATU SAPI ]

**TARIKH :** 18 JUN 2012

**SOALAN**

Datin Linda Tsen Thau Lin [ Batu Sapi ] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memperolehi manfaat daripada kepelbagaian biologi yang kaya, terutamanya di Sabah.



**JAWAPAN:**  
Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebagai salah satu daripada 12 buah negara *megadiverse* di dunia. Sehingga kini, rekod menunjukkan bahawa gedung-mega ini menjadi tempat perlindungan kepada lebih kurang 15,000 spesies tumbuhan berbunga, 3,000 Orkid, 536 Palma, 2,012 Paku-pakis, 700 Kulat dan 832 Lumut serta spesies fauna yang meliputi 306 Mamalia, 742 Burung, 242 Amfibia, 567 Reptilia, 449 Ikan air tawar, dan 4,000 ikan marin. Kepelbagaian biologi membawa manfaat dari segi faedah ekonomi, sekuriti, kestabilan alam sekitar, warisan biologi negara, nilai-nilai saintifik, pendidikan dan rekreasi.

Antara usaha dan langkah proaktif yang telah diambil oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk memperoleh manfaat daripada kepelbagaian biologi yang kaya di negara kita adalah:-

- i. Memperkenalkan kawasan Hutan Simpanan Kekal yang kaya dengan kepelbagaian biologi sebagai produk ekopelancongan seperti Hutan Lipur, Taman Negeri dan Taman Herba;
- ii. Menubuhkan petak kajian dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan seperti *High Conservation Value Forest (HCVF)*, *Virgin Jungle Reserves (VJR's)*, *Seed Production Area (SPA)* dan *Genetic Resources Area (GRA)*;
- iii. Pengekalan Hutan Simpanan Kekal yang menjadi habitat kepada kepelbagaian biologi;
- iv. Pengajuran siri ekspedisi saintifik kepelbagaian biologi hutan sebagai usaha pengumpulan maklumat dan mendokumentasikan

kepelbagaian biologi hutan di Semenanjung Malaysia;

- v. Pewartaan 42 buah pulau sebagai kawasan Taman Laut yang meliputi sebahagian pulau-pulau Negeri Johor, Negeri Pahang, Negeri Terengganu dan Negeri Kedah di Semenanjung Malaysia serta Wilayah Persekutuan Labuan bagi memelihara biodiversiti marin secara berterusan serta mengekalkan biodiversiti yang disokong olehnya; dan
- vi. Pewartaan sebanyak 6 kawasan tapak Ramsar di Malaysia termasuk satu (1) tapak di Sabah iaitu tapak Ramsar Hilir Kinabatangan - Segama. Pengisytiharan tapak Ramsar adalah penting bagi pengekalan kekayaan biodiversiti di tapak tersebut dan secara tidak langsung menyumbang kepada industri ekopelancongan dan menyokong sara hidup dan ekonomi penduduk setempat.

Usaha yang selari dengan langkah yang dijalankan di Semenanjung Malaysia turut dijalankan di Sabah menerusi Jabatan Perhutanan Sabah, Taman - Taman Sabah, Jabatan Hidupan Liar Sabah dan agensi-agensi yang berkaitan untuk mengurus biodiversiti negeri. Sebagai contoh, sebanyak 23 pulau di Sabah telah diwartakan di dalam Kawasan Perlindungan Marin (MPA) di bawah enakmen negeri Sabah.

Memandangkan destinasi ekopelancongan di Malaysia termasuk Sabah yang semakin popular di kalangan pelancong dalam dan luar negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan bantuan Kementerian Pelancongan Malaysia telah menyediakan peruntukan pembangunan tambahan di bawah program *Malaysian Mega-*

*Biodiversity Hub* (MMBH). Tujuannya ialah bagi meningkatkan taraf kemudahan di beberapa destinasi ekopelancongan seperti Taman Kinabalu dan Sepilok.

Sekian, terima kasih.

TARIKH : 18 JUN 2012

SOALAN:

DATO<sup>9</sup> ZULKIFLS BIN MOORDIN minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakanapakai kaedah penamaan calon sesuatu pilihanraya seperti yang diamalkan di Myanmar iaitu mereka yang berminat bertanding sebagai calon di sesuatu kawasan termasuk individu atau mana-mana parti politik hanya perlu menghantar senarai nama terus kepada Suruhanjaya Pilihan raya dalam tempoh tertentu tanpa perlu kepada hari penamaan calon dan perarakan/perhimpunan seperti yang diamalkan di Malaysia sekarang.

JAWAPAW: YB DATO<sup>9</sup> SER8 iiOHAMED NAZR1 ABDUL AZBZ  
MENTERI Di JABATAN PERDANA MEMTER8

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang menggunakanapakai kaedah penamaan calon sesuatu pilihan raya seperti yang diamalkan di Myanmar sebaliknya menggunakanapakai kaedah yang sedia ada seperti yang termaktub dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan 4 hingga Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya

**NO. SOALAN : II**

(Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

Sekian, terima kasih.

DARIPADA : DATO<sup>5</sup> ZULK1FLIBSN  
NOORDIN  
[KULIM BANDAR BARU]

SOALAN: : 18JUW2012

DATO' ZULKIFLS BIN NOORDIN minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggunakanapai kaedah penamaan calon sesuatu pilihanraya seperti yang diamalkan di Myanmar iaitu mereka yang berminat bertanding sebagai calon di sesuatu kawasan termasuk individu atau mana-mana parti politik hanya perlu menghantar senarai nama terus kepada Suruhanjaya Pilihan raya dalam tempoh tertentu tanpa perlu kepada hari penamaan calon dan perarakan/perhimpunan seperti yang diamalkan di Malaysia sekarang.



JAWAPAN: YB DATO<sup>8</sup>SERB MOHABiBD UAZR1 ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDAMA MENTERB

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum bercadang menggunakan kaedah penamaan calon sesuatu pilihan raya seperti yang diamalkan di Myanmar sebaliknya menggunakan kaedah yang sedia ada seperti yang termaktub dalam Akta Pilihan Raya 1958 dan Peraturan 4 ■ hingga Peraturan 8, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

Sekian, terima kasih.

SIDANG DEWAN RAKYAT MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT  
KEDUA (2012)

**PERINTAHAN  
DARIPADA**

**TBT SANTUARY**  
**KUAN [ BATU GAJAH ]**  
**18 JUN 2012 58**

**TARIKH** minta MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI  
**SOALAN** menyatakan apakah tapak penstoran jangka panjang sisa bahan tercemar ARE akan diserah untuk diurus dan dipantau oleh Kementerian atau Kerajaan Negeri pada masa depan. Apakah satu perjanjian berkenaan telah dibuat di antara pihak terlibat, jika ya, nyatakan terma-termanya.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Tapak Penstoran Jangka Panjang (Long Term Storage Facility - LTSF) milik Syarikat Asian Rare Earth (ARE) sedang dalam proses pembubaran dan perlupusan, dan kemudahan LTSF ini diambilalih oleh kemudahan pelupusan tetap (repositori) yang sedang disiapkan. Kedua kemudahan ini diselia dan diuruskan oleh pihak syarikat ARE dari segi pemantauan radiologi, proses pembubaran dan perlupusan serta keselamatannya dibawah kawalseliaan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB).

MOSTI difahamkan bahawa satu Perjanjian antara Kerajaan Negeri Perak dengan Syarikat ARE dinamakan *New Repository Agreement* (NRA) telah ditandatangani pada 31 Januari 2003, di mana pihak Syarikat ARE bercadang menyerahkan tapak repositori tersebut kepada Kerajaan Negeri Perak setelah aktiviti perlupusan tersebut selesai.

Dalam hal ini, perjanjian tersebut melibatkan Syarikat ARE dan Kerajaan Negeri Perak sahaja. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pula adalah bukan pihak (*party*) dalam perjanjian ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Walau apa pun, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah menetapkan syarat supaya tapak repositori ini perlu diurus dan dipantau selama tempoh 300 tahun. Aktiviti ini akan terus dikawal dan masih tertakluk kepada syarat-syarat dan pengawasan AELB dan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 [Akta 304].

Selain daripada AELB, projek ini turut dikawalselia oleh agensi-agensi lain seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) daripada aspek kejuruteraan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dari aspek permonitoran parameter bukan radioaktif. Ini bagi memastikan kawasan berkenaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dari segi alam sekitar dan kesihatan awam.

**NO SOALAN : 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN                            LISAN**

**DARIPADA                            DATUK ERIC ENCHIN MAJIBUN**

**TARIKH                            18 JUN 2012**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kluasan ladang kelapa sawit FELDA yang telah diusahakan di Sabah secara berperingkat sejak dimulakan. Berapa ramai yang dilibatkan sebagai peneroka dan jumlah pengeluaran yang dihasilkan serta nilai setiap tahun sejak 10 tahun yang lalu.

**JAWAPAN**                            **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN**  
-----                                    **TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan rancangan tanah FELDA di Sabah dimulakan pada tahun 1980 dengan FELDA Sahabat 1 menjadi tanah rancangan pertama yang telah dimajukan. Sehingga kini, FELDA mempunyai seluas 114,489 hektar tanah yang telah dimajukan untuk tanaman sawit dengan pecahan 9,669 hektar merupakan kawasan

kebun milik peneroka, 593 hektar adalah kawasan blok FELDA dan seluas 104,227 hektar kawasan yang diuruskan oleh FELDA Plantations Sdn. Bhd. (FPSB).

Sehingga kini seramai 1,647 peneroka ditempatkan di rancangan FELDA di Negeri Sabah membabitkan sembilan (9) buah rancangan. Seramai 235 orang kaum Murut ditempatkan di Kalabakan Tengah 1 dan memperoleh pendapatan secara perkongsian keuntungan dan dianggap sebagai peserta rancangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil pengeluaran dan nilai pengeluaran sejak 10 tahun lalu di Sabah adalah 21.75 juta tan metrik dengan nilai sebanyak RM8.06 bilion. Pecahan mengikut tahun adalah seperti di bawah:

2002	NILAI HASIL 2.44	—
2003	2.33	642.96
2004	2.18	650.73
2005	2.35	568.72
2006	2.29	577.58
2007	2.11	915.06
2008	2.10	1101.48
2009	1.98	787.72
2010	1.89	986.93
2011	2.08	1220.33
JUMLAH	21.75	8,064.53

NO. SOALAN: 60

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN LISAN  
DARIPADA TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO [KLANG]

**TARIKH**

**18 JUN 2012**

**SOALAN**

Tuan Charles Anthony a/l R.Santiago [ Klang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status kini dalam merealisasikan pembinaan dua loji tenaga nuklear. Adakah pihak Kerajaan yang telah mengenal pasti pelbagai lokasi dan adakah Kementerian merancang untuk mengadakan perundingan awam di kawasan- kawasan ini.

**JAWAPAN**

Pada masa ini, Kerajaan belum membuat sebarang keputusan mengenai pelaksanaan projek pembinaan loji janakuasa nuklear dan sedang melaksanakan satu siri kajian terperinci untuk mengenalpasti pelbagai keperluan dan persediaan awal negara, sekiranya projek loji janakuasa nuklear dilaksanakan. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa, sekiranya loji janakuasa nuklear diperlukan bagi memenuhi permintaan tenaga negara pada masa hadapan, semua aspek persediaan telah diambilkira secara terperinci dan komprehensif lebih awal.

Butiran siri kajian mengenai penjanaan kuasa nuklear tersebut adalah:

1. Kajian menyeluruh tentang kesediaan perundingan dan kawalselian nuklear negara sedang dilaksanakan oleh *Malaysia Nuclear Power Corporation (MNPC)*.
2. Kajian Kemungkinan (*Feasibility Study*), termasuk penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear (*Nuclear Power Infrastructure Development Plan (NPIDP)*) dan kajian pemilihan tapak loji janakuasa nuklear oleh MNPC di peringkat persediaan.
3. Program penyebaran maklumat mengenai penjanaan kuasa nuklear untuk kesemua pihak berkepentingan (*stakeholders*), termasuk tinjauan pendapat umum yang komprehensif mengenainya, belum dimulakan.
4. Usaha untuk mengenalpasti atau menubuhkan satu entiti tujuan khas (*Special Purpose Vehicle (SPV)*) bagi memiliki dan mengendalikan loji janakuasa nuklear sedang diteliti secara amnya.

Pada masa ini, kajian pemilihan tapak cadangan untuk loji berkenaan adalah hanya berdasarkan peta-peta digital bagi Semenanjung, tanpa sebarang aktiviti di tapak yang berpotensi. Apabila kajian “in-situ” dan persekitaran di tapak yang dicadangkan telah dilaksanakan, perundingan awam akan dilaksanakan berdasarkan kepada perundangan dan peraturan sedia ada berkaitan dengan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment (EIA)*), Penilaian Impak Radiologi (*Radiological Impact Assessment (RIA)*), dan Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment (RIA)*).

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN                    LISAN

DARIPADA                    : TUAN TAN TEE BENG [ NIBONG TEBAL ]

TARIKH                    18 JUN 2012

SOALAN :

Tuan Tan Tee Beng [ Nibong Tebal ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah kesannya kepada pelabuhan Pulau Pinang jika laluan ketiga (3rd Link) iaitu laluan terowong dibina. Adakah ianya memerlukan Laporan E.I.A Pusat.  
Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan laluan ketiga (3rd Link) di Pulau Pinang, iaitu laluan terowong yang menghubungkan kawasan Gurney Drive ke Butterworth adalah merupakan aktiviti yang ditetapkan di bawah Aktiviti 9(C), Perintah

**JAWAPAN:** Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling) 1987, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Cadangan projek tersebut menghendaki Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA - Environmental Impact Assessment) disediakan dan diluluskan terlebih dahulu sebelum projek tersebut boleh dimulakan. Buat masa ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) belum menerima apapun permohonan cadangan projek secara rasmi daripada pihak penggerak projek.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DARIPADA DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS 18  
TARIKH JUN 2012 (ISNIN)  
SOALAN NO. 62  
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) jumlah hutang pendidikan yang ditanggung oleh mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) secara berasingan yang meminjam daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sehingga kini; dan
- (b) berapakah jumlah mahasiswa IPTA dan IPTS secara berasingan yang sedang membayar hutang tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 April 2012, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah meluluskan pinjaman/pembentangan pendidikan kepada seramai 1.97 juta peminjam dengan amoun sebanyak RM44.01 bilion sehingga

pelajar tamat pengajian. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 1.36 juta (69.0%) peminjam adalah terdiri daripada pelajar IPTA melibatkan jumlah pinjaman/pembayaran sebanyak RM23.6 bilion dan sebanyak 0.61 juta pelajar (31.0%) terdiri daripada pelajar IPTS yang melibatkan jumlah pinjaman/pembayaran RM20.4 bilion.

Bagi tempoh yang sama, jumlah yang perlu dibayar balik oleh peminjam PTPTN ialah sebanyak RM6.70 billion melibatkan 1.02 juta peminjam. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM3.24 bilion telah berjaya dikutip melibatkan seramai 763,488 peminjam.

Tuan Jeff Oos Chuan Aon [ Jeiutong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status terkini mengenai pelaksanaan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCi) tentang Pendatang Asing Tanpa Izin (PAT1) di Sabah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menangkis kekhawiran kaum peribumi, termasuk yang bukan Islam, bahawa ada PAT1 yang diberi MyKad serta didaftarkan sebagai pengundi yang layak memilih kerajaan akan datang menerusi Pilihan Raya Umum.

JAWAPAN:    DATO<sup>8</sup> SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZ8Z  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menujuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja bagi menyiasat masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah pada 8 Februari 2012. Berikut daripada itu, Kerajaan telah memulakan proses bagi menyediakan terma rujukan (*terms*

*of reference) Suruhanjaya Siasatan tersebut dan sekarang ini di peringkat akhir penggubalan.*

2. Bagi memastikan tujuan Suruhanjaya ini ditubuhkan tercapai dengan sepenuhnya, maka Kerajaan perlu memastikan terma rujukan yang ditetapkan adalah menyeluruh supaya masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini

dapat diselesaikan secara komprehensif. Ini termasuklah menyiasat sama ada terdapat warga asing yang diberikan kad pengenalan secara salah didaftarkan dalam daftar permilih.

3. Selain itu, anggota Suruhanjaya ini juga akan dipilih daripada kalangan mereka yang berpengalaman luas dan mempunyai kefahaman yang mendalam berhubung dengan masalah pendatang asing di Sabah untuk memastikan syor-syor yang dikemukakan boleh dilaksanakan dengan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN :64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PAD A : Y.B. TUAN RAIME UNGGI  
(TENOM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. TUAN RAIME UNGGI [ TENOM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan duit syiling Malaysia siri baru yang dikeluarkan lebih kecil dan ringan mengundang beberapa masalah seperti tidak boleh digunakan pada mesin bayaran tempat letak kereta, mesin tambang bagi tiket LRT dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mula mengedarkan duit syiling siri baharu untuk kegunaan umum pada 16 Januari 2012. Pengenalan duit syiling siri baharu ini adalah perlu dan merupakan satu usaha berkala Bank Negara Malaysia bagi mempertingkatkan lagi spesifikasi teknikal dan ciri-ciri keselamatan dan pada masa yang sama menggantikan duit syiling siri terdahulu yang telah berada di dalam edaran sejak 1989.

2. Proses perancangan bagi memperkenalkan duit syiling siri baharu ini telah bermula sejak tahun 2007 dan sepanjang proses pengenalan duit syiling siri baharu ini, Bank Negara Malaysia telah mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada orang ramai, peniaga dan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Antara maklum balas yang diterima oleh Bank Negara Malaysia termasuklah cadangan supaya saiz duit syiling

dijadikan lebih kecil dan ringan berbanding siri terdahulu.

3. Untuk melicinkan proses pengenalan duit syiling baharu, Bank Negara Malaysia telah berkerjasama secara rapat dengan pihak vendor, pemilik dan operator mesin-mesin pengendali wang tunai bagi membolehkan mereka membuat penyesuaian mesin untuk menerima duit syiling siri baharu ini. Proses penyesuaian mesin ini telah bermula sejak enam bulan sebelum duit syiling baharu ini diedarkan untuk kegunaan umum. Tempoh enam bulan ini adalah jangka masa yang dicadangkan oleh industri bagi membolehkan mereka membuat perancangan dan selanjutnya melaksanakan program pengubahsuaian ke atas mesin-mesin pengendali wang tunai mereka.
4. Walau bagaimanapun, beberapa masalah kecil telah berlaku di peringkat awal pengenalan duit syiling baru ini. Dalam hal ini, pihak vendor, pemilik dan operator sedang aktif menyesuaikan mesin-mesin pengendali wang tunai secara berperingkat-peringkat, memandangkan mereka berhadapan dengan kekangan perkakasan, tenaga kerja dan kuantiti mesin yang banyak. Dalam tempoh proses penyesuaian tersebut, pemilik dan operator mesin telah dinasihatkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan alternatif bagi memudahkan urusan harian orang ramai seperti menyediakan khidmat kaunter untuk pertukaran duit syiling, pembayaran parkir dan pembelian tiket.
5. Bank Negara Malaysia akan terus memantau proses penyesuaian ini dan mempertingkatkan usaha melalui kerjasama teknikal dengan vendor, pemilik dan operator bagi memastikan lebih banyak mesin pengendali wang tunai diubahsuai untuk menerima duit syiling siri baharu. Dalam masa yang sama, Bank Negara Malaysia juga akan meneruskan program

**NO SOALAN :66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

pendidikan mata wang untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai berkenaan duit syiling siri baharu ini di samping duit kertas siri baharu yang akan diedarkan bermula 16 Julai 2012.

**DARIPADA : Y.B. PUAN TAN AH ENG**

**(GELANG PATAH)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. PUAN TAN AH ENG [ GELANG PATAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak "RUMAH MESRA RAKYAT" di kawasan Gelang Patah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, semenjak diperkenalkan pada tahun 2002 hingga Mei 2012, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah membina 17,790 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) di seluruh negara. Bagi Negeri Johor, SPNB telah berjaya menyiapkan sebanyak 2,198 unit RMR manakala 2,181 unit masih di dalam pembinaan.

Berdasarkan Bajet 2012, SPNB telah diberi tanggungjawab untuk membina 10,000 unit RMR di seluruh negara termasuk di kawasan Gelang Patah. Pelaksanaan program ini adalah bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima dari kawasan-kawasan parlimen tersebut. Sehingga Mei 2012, SPNB

**NO SOALAN :66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**  
telah menerima 19 permohonan dari kawasan Gelang Patah. Daripada jumlah ini, 11 permohonan telah diluluskan di mana 5 unit telah siap dibina dan 6 unit lagi dalam proses pembinaan.



**SOALAN NO. 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PADA YB DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)**

**TARIKH 18 JUN (ISNIN)**

**SOALAN**

YB Dato' Rashid Bin Din (Merbok) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sebab-sebab peningkatan penerima bantuan kebijakan masyarakat meningkat dengan mendadak sejak tahun 2008. Nyatakan peningkatan yang dicapai dalam Kementerian membasi kemiskinan di kalangan rakyat.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan pelbagai skim bantuan kebijakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga

miskin, orang kurang upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak dan mangsa bencana supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.

Sebagai makluman, bilangan penerima bantuan kebajikan di bawah JKM telah meningkat daripada 207,828 orang pada tahun 2007 kepada 221,602 orang pada tahun 2008, 353,889 orang pada tahun 2009, 424,526 orang pada tahun 2010 dan 473,928 orang pada tahun 2011.

Peningkatan bilangan penerima bantuan ini adalah disebabkan oleh:

- a) Kerajaan telah menaikkan kadar kelayakan permohonan bantuan daripada RM400 kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa pada ketika itu iaitu RM720 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM830 di Sarawak dan RM960 di Sabah mulai tahun 2008;
- b) KPWKM menerusi JKM telah melaksanakan Projek Cari dari bulan Julai 2008 hingga Julai 2009 bagi mencari anggota masyarakat dari kalangan miskin dan mereka yang memerlukan bantuan kebajikan;
- c) Syarat pertimbangan kelayakan siling pendapatan OKU yang bekerja juga telah dinaikkan daripada RM750 kepada RM 1,200 mulai tahun 2008. Dengan kenaikan ini, lebih ramai OKU yang bekerja layak menikmati Elaun Pekerja Cacat (EPC). Memperkenalkan skim bantuan baru iaitu Bantuan

Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka juga mulai tahun 2008;

- d) Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah diperkenalkan pada bulan Januari 2009 di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM150 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja; dan
- e) Pada tahun 2008, bilangan penerima bantuan kebajikan masyarakat turut meningkat kerana JKM telah memperluaskan pemberian skim bantuan persekutuan ke negeri Sabah dan Sarawak.

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18 JUN 2012 (ISNIN)

DARI PADA : Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM  
[BAYAN BARU]

SOALAN

Y.B. DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sama ada Kementerian bersedia menggubal undang-undang supaya pemilik-pemilik binatang seperti anjing yang menyerang dan membunuh orang awam dikenakan hukuman lebih berat.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian telah menyediakan panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung kawalan ke atas anjing sahaja melalui Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing. UUK ini dengan jelas telah menetapkan tatacara pemeliharaan anjing yang perlu dipatuhi oleh setiap pemilik, termasuk jenis-jenis anjing yang tidak dibenarkan untuk dipelihara dan juga telah menetapkan tindakan yang boleh diambil terhadap pemunya atau mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan di bawah UUK ini.

Kementerian pada masa ini sedang melaksanakan kajian semula terhadap UUK berkenaan untuk tujuan penambahbaikan.

Kementerian  
Perumahan Dan  
Kerajaan Tempatan

Jun 2012

PEMBERITAHU DEWAN RAKYAT	PERTANYAAN LISAN	PERTANYAAN
Pertanyaan Daripada	Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ]	
Tarikh Menjawab Soalan	18Jun2012 [ Isnin ]	
PR-1252-L50656	No. 68	
		Dr. Tan Seng Giaw [ Kepong ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bilangan pekerja tempatan dan pekerja asing di sektor perladangan sawit. Dengan dasar gaji minima, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memelihara sektor ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2011, bilangan pekerja di dalam sektor perladangan adalah seramai 918,334 orang. Pecahan mengikut komoditi adalah seperti berikut:

Komoditi	Pekerja Tempatan Sedia Ada (2011)	Pekerja Asing Sedia Ada (2011)	Kelulusan Pekerja Asing Diberi Sehingga 1 Jun 2012
Sawit	83,915	371,564	Program 6P: 33,578 orang PATI sektor perladangan yang telah diputihkan.
Getah	213,734	53,273	
Kayu Kayan	27,446	25,334	
Koko	3,378	3,878	Jawatankuasa Rayuan Pekerja Asing, KDN (JARPAK): 24,374 orang pekerja asing sektor perladangan yang telah diluluskan.
Lada	67,510	68,302	
JUMLAH	395,983	522,351	

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan baru-baru ini telah mengumumkan penetapan gaji minimum sebanyak RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM 800 bagi Sabah dan Sarawak. Namun begitu, sejak awal lagi Kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dengan kerjasama pihak industri perladangan telah melakukan pelbagai usaha untuk memastikan gaji serta kadar upah bagi pekerja sektor perladangan sentiasa kompetatif untuk menarik minat tenaga kerja tempatan menceburi sektor perladangan. Selain itu, MPIC juga <sup>2</sup>menggalakkan syarikat-syarikat perladangan menyediakan kemudahan asas dan infrastruktur di perladangan mereka bagi menarik minat pekerja tempatan.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi memastikan sektor perladangan terus berdaya saing selepas dasar penetapan gaji minimum diperkenalkan, Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh terutamanya pekerja asing bagi meningkatkan daya saing sektor perladangan. Ini termasuk:

- i. Menggalakkan industri mempergiatkan langkah-langkah mekanisasi termasuk penggunaan penuai sawit bermotoryang dikenali sebagai Cantas. Hasil kajian yang dijalankan mendapati penggunaan Cantas dapat meningkatkan produktiviti penuai dari 1.4 tan tandan/hari kepada 2.7 tan tandan/hari (peningkatan melebihi 90%);
- ii. Penemuan jentera-jentera baru yang lain seperti *Roller Picker* (mengutip buah lerai), *Grabber* (pemungut tandan buah sawit automatik), dan *Super Crawler* dan Beluga yang merupakan pengangkutan buah sawit di ladang yang lebih efisien untuk kawasan yang sukar seperti tanah gambut;
- iii. Kementerian juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan industri berhubung dengan cara-cara bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Ini termasuk menganjurkan *Palm Industry Labour: Issues, Performance & Sustainability Seminar* (PILIPS) pada 14-15 Mei 2012 bagi mengenalpasti langkah-langkah bagi mempergiatkan aktiviti-aktiviti mekanisasi; dan
- iv. Menyediakan insentif pengecualian dari duti import dan cukai jualan

untuk mesin dan kelengkapan perladangan.

NO  
SOAL  
AN

7069

**DARIPADA :AN SATUAN CHONG CHIEN  
AN JEN (BANDAR KUCHING)  
DEW**

**DEW  
PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. TUAN CHONG CHIEN JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

JAWAPAN:

## Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan memberi pinjaman kepada Kerajaan - kerajaan negeri bagi membiayai projek-projek kemudahan awam seperti projek perumahan awam kos rendah (PAKR), bekalan air, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dan lain-lain projek. Projek-projek ini merupakan usaha berterusan Kerajaan bagi meningkatkan kemudahan asas dan keselesaan kepada rakyat.

Sehingga 31 Disember 2011, jumlah hutang Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan bagi projek PAKR adalah sebanyak RM548.58 juta. Manakala bagi projek bekalan air, adalah berjumlah RM971.33 juta. Bagi projek PKEN pula, jumlah hutang yang dicatatkan adalah sebanyak RM98.33 juta dan bagi projek pelbagai iaitu projek pengurusan air sisa, projek estet

perindustrian dan pembangunan ladang kelapa sawit adalah sebanyak RM572.37 juta.

Secara keseluruhannya, jumlah hutang Kerajaan negeri Sarawak kepada Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2011, adalah sebanyak RM2.19 bilion. Sarawak merupakan negeri yang mempunyai rekod bayaran balik yang terbaik. Jumlah bayaran balik yang telah dibuat dari tahun 2006 sehingga 2011 adalah sebanyak RM546.82 juta.

DARI PADA PUAN HAJAH ZU RAIDA BINTI KAMARUDDIN

(AMPANG)

## **PERTANYAAN : LISAN**

TARIKH 18.6.2012

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin ( Ampang ) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mendidik rakyat Malaysia agar bijak dalam menguruskan kewangan dan perbelanjaan keluarga/isi rumah supaya melahirkan masyarakat yang berhemah dan bijak mengurus kewangan keluarga.

## JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia sentiasa memberi tumpuan ke atas inisiatif-inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan pengguna dan menggalakkan kepenggunaan yang aktif dalam sektor kewangan. Bagi mencapai matlamat ini, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Program Pendidikan Pengguna (*Consumer Education Programme, CEP*) yang komprehensif sejak tahun 2003 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, keupayaan dan celik kewangan pengguna.



2. Penubuhan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) pada tahun 2006 memberi fokus khusus bagi membantu individu mengurus kewangan dan kredit melalui program pendidikan dan khidmat kaunseling disamping menyediakan bantuan dalam penjadualan semula pinjaman individu. Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang merupakan program pendidikan untuk golongan muda dan peminjam baru telah dilancarkan pada tahun 2011 dengan tujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan golongan ini.
3. Bagi golongan pelajar pula, Bank Negara Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia dan institusi kewangan telah melaksanakan program celik kewangan di sekolah melalui Program Sekolah Angkat sejak tahun 1996. Ia bertujuan untuk memupuk tabiat mengurus wang dengan bijak dan memberi pendedahan awal kepada pelajar mengenai hal-hal kewangan. Sehingga kini lebih 10,000 buah sekolah di seluruh negara telah diambil sebagai sekolah angkat di bawah program ini.
4. Bank Negara Malaysia, melalui Laman Informasi dan Khidmat (BNMLINK) turut memainkan peranan penting dalam mendidik pengguna berhubung perihal pengurusan kewangan. Berperanan sebagai sebuah pusat perhubungan bersepadu untuk memudahkan maklum balas yang cepat dan cekap kepada orang ramai, BNMLINK turut menyediakan pendidikan kewangan pengguna serta maklumat mengenai peranan Bank Negara Malaysia kepada orang ramai.

BNMLINK membantu memberi penjelasan dan menangani aduan

berkaitan perbankan, insurans, pembiayaan PKS, mata wang dan perkara-perkara lain di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Kini, BNMLINK turut menyediakan perkhidmatan LINK Bergerak atau "MobileLINK" dalam usaha memberikan akses dan peluang yang lebih meluas kepada orang ramai untuk berurusan dengan Bank Negara Malaysia. Perkhidmatan LINK Bergerak ini akan memberikan khidmat ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia.

5. Inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan lagi keyakinan dan keupayaan kewangan pengguna dalam membuat keputusan kewangan yang wajar dan bertanggungjawab pada masa hadapan telah digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020.

berkaitan perbankan, insurans, pembiayaan PKS, mata wang dan perkara-perkara lain di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia. Kini, BNMLINK turut menyediakan perkhidmatan LINK Bergerak atau "MobileLINK" dalam usaha memberikan akses dan peluang yang lebih meluas kepada orang ramai untuk berurusan dengan Bank Negara Malaysia. Perkhidmatan LINK Bergerak ini akan memberikan khidmat ke kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh Malaysia.

5. Inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan lagi keyakinan dan keupayaan kewangan pengguna dalam membuat keputusan kewangan yang wajar dan bertanggungjawab pada masa hadapan telah digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020.

NO. SOALAN:

**71 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

LISAN

DARI PADA : DATO' SERI MOHD RADZI BIN SHEIKH AHMAD [ KANGAR ]

TARIKH : 18JUN2012

**SOALAN**

Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah projek-projek yang telah berjaya dilaksanakan di Negeri Perlis semenjak NCER diwujudkan pada tahun 2007. Sila senaraikan projek-projek berkenaan berserta butiran kos dan tarikh projek-projek tersebut disiapkan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara (NCIA) di Negeri Perlis terbahagi kepada empat (4) segmen iaitu pembangunan infrastruktur, pelaburan, pembangunan modal insan dan kajian-kajian strategik.

Bagi pembangunan infrastruktur, NCIA telah menyiapkan dua buah struktur kawalan untuk menggantikan Tandop C dan Tandop B di Terusan Arau, Wilayah I, MADA pada 2010 dan pada 2011. Peruntukan bagi kedua-dua projek ini adalah sebanyak RM 6.3 juta. Selain daripada itu, NCIA kini sedang melaksanakan pembinaan Taman Industri Pauh. Pelaksanaan projek ini adalah di peringkat akhir dan dijangka siap pada tahun ini. Jumlah peruntukan bagi projek ini adalah RM 29 juta.

Dari segmen pelaburan pula, sehingga kini, NCIA telah berjaya menarik pelaburan di Negeri Perlis sebanyak RM 133 juta. Ianya melibatkan empat (4) buah syarikat iaitu Motonation Sdn Bhd, Saham Utama Sdn Bhd, Frutania Industry Sdn Bhd dan program Mini Estate Padi bersama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beseri.

\*

Peruntukan yang disediakan oleh pihak NCIA bagi ke empat-empat pelaburan tersebut adalah sebanyak RM 5 juta.

Bagi pembangunan modal insan, NCIA telah membangunkan makmal komputer yang lebih dikenali sebagai program cITaKU Lab di lima (5) buah sekolah yang melibatkan jumlah RM 1.6 juta. Kesemua makmal termasuk peralatan komputer telah siap pada tahun 2011 dan telah diserahkan kepada pihak sekolah sepenuhnya. Selain daripada itu, untuk memastikan pembangunan modal insan di peringkat awal serta memberi peluang pembelajaran selesa kepada pelajar-pelajar di luar bandar bersekolah rendah di bandar, NCIA telah mengadakan program Edu-Citi Tel, Perlis yang membabitkan kos sehingga kini sebanyak RM 4 juta. Di samping itu, NCIA juga telah menjalankan kerjasama dengan Universiti Malaysia Perlis untuk menjalankan program *Talent Pipeline Development in Wafer Fabrication and Solar* yang membabitkan peruntukan sebanyak RM 2.8 juta.

Bagi memastikan kemajuan di Negeri Perlis secara berterusan, NCIA sedang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis menjalankan Kajian Pelan Strategik Pembangunan Perlis 2012-2030. Kajian tersebut membabitkan kos sebanyak RM 2.8 juta. NCIA juga telah menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan Depoh Pelepasan Darat di Padang Besar, Perlis yang membabitkan kos sebanyak RM 829 ribu.

Secara ringkasnya, jumlah kos bagi pembangunan keempat- empat segmen tersebut di Negeri Perlis adalah sebanyak RM 52.3 juta dan pelaburan adalah sebanyak RM 133 juta.

Soalan No : 72

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN**

DARIPADA                    LISAN Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [  
                                  SIK ]  
TARIKH                      18 JUN 2012

**SOALAN:**

Y.B. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [ Sik ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan memandangkan arah kejatuhan moral masyarakat, jenayah sosial, murtad dan sebagainya yang menjalar dalam masyarakat kini, adakah Kerajaan bermatlamat untuk memasukan semula Sekolah Agama Rakyat dalam Arus Aliran Pendidikan Kebangsaan yang telah dipencarkan sejak 2003

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebenarnya amat menggalakkan semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) supaya semua murid di sekolah tersebut dapat menikmati suasana pendidikan seperti yang dinikmati oleh murid-murid yang lain di sekolah-sekolah KPM. Langkah ini juga memberi peluang untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti dan berkesan kepada sekolah berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendaftaran SAR sebagai SABK adalah usaha KPM memperkasakan sekolah agama agar setanding dengan sekolah-sekolah KPM yang lain dari segi fizikal, kurikulum dan sebagainya ke arah memenuhi Dasar Pendidikan Negara. Pada masa ini sebanyak 448 buah sekolah agama (94 SMAR dan 354 SRAR) telah berdaftar sebagai SABK.  
Rjm 42



**SOALAN NO: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH YB  
DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARI PADA DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]  
TARIKH 18 JUN 2012  
SOALAN

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) apakah punca yang dikenal pasti yang telah menjasakan usaha Kementerian menangani kes wabak denggi yang meningkat; dan
- (b) apakah tindakan Kementerian dalam merangka mekanisme baru yang lebih berkesan untuk menangani masalah ini.

Tuan Yang Dipertua

Sehingga 2 Jun 2012, sebanyak 10,352 kes denggi telah dilaporkan, meningkat sebanyak 19% berbanding 8,720 kes bagi tempoh yang sama tahun 2011. Manakala sehingga Mei 2012, terdapat sebanyak 785 lokaliti wabak dilaporkan, meningkat sebanyak 20% (131 lokaliti) berbanding dengan lokaliti wabak pada tempoh yang sama tahun 2011 (654 lokaliti).

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha keras dalam melaksanakan pelbagai aktiviti pencegahan dan kawalan bagi menangani masalah denggi di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang telah dikenalpasti menjelaskan usaha yang dijalankan iaitu:

1. Kurang penglibatan komuniti setempat untuk turut serta dalam aktiviti pencegahan dan kawalan yang dijalankan di tempat mereka. Aktiviti gotong-royong yang dianjurkan terutama di kawasan yang mengalami wabak tidak terkawal dan juga hot spot juga tidak mendapat sambutan. Sebagai contoh pada bulan Mei 2012, di lokaliti hot spot Vista Angkasa, Kuala Lumpur, hanya 5 orang dari 800 penghuni yang hadir menyertai aktiviti tersebut.
2. Sikap masyarakat yang kurang ambil peduli dalam soal menjaga kebersihan, malah membuang sampah merata-rata sehingga menjadi tempat pembiakan Aedes dan tidak peka terhadap amalan untuk menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sehingga Mei 2012, tempat pembiakan yang ditemui adalah sebanyak 1,267 di baldi, 1,185 di bekas plastik, 951 di tong-tong kosong, 627 di tong sampah, 463 di tin-tin kosong dan 390 di tayar terbuang.
3. Kurangnya penglibatan agensi lain dalam memastikan tiada tempat pembiakan di persekitaran jabatan masing-masing, contohnya sehingga Mei 2012, daripada 10,591 buah sekolah diperiksa, sebanyak 723 sekolah didapati mempunyai pembiakan Aedes. Begitu

juga dengan pejabat Kerajaan, daripada 2,693 yang diperiksa, sebanyak 57 didapati mempunyai pembiakan Aedes.

4. Masalah pengurusan sampah yang tidak diselenggara mengikut jadual sekurang-kurangnya tiga kali seminggu sehingga menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes, khususnya di negeri Selangor. Pada tahun 2012, daripada 14,270 tempat pembuangan sampah yang diperiksa, sebanyak 333 didapati mempunyai tempat pembiakan.

Sehubungan ini, pihak Kementerian Kesihatan telah melaksanakan inisiatif-insiatif baru bagi menangani masalah ini. Di antaranya adalah:

1. Bagi menarik minat masyarakat untuk menyertai aktiviti pencegahan dan kawalan denggi, pendekatan baru telah digunakan melalui lantikan Duta Sihat 1 Malaysia iaitu selebriti Aznil Haji Nawawi, G. Uthayakumar dan Phoebe Yap S.W yang sama-sama turut serta dalam aktiviti yang dijalankan di kawasan terpilih termasuk di lokaliti hot spot. Sehingga Mei 2012, sebanyak 15 lokaliti telah dilawati di sekitar Selangor dan WP Kuala Lumpur;
2. Bagi mengatasi masalah setempat seperti masalah pengurusan sampah, pihak KKM telah berbincang isu penyelesaian bersama dengan pihak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Jawatankuasa Wabak Denggi Daerah yang bermesyuarat setiap minggu dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Walau bagaimanapun, masalah ini perlu ditangani secara global oleh pihak

Kerajaan negeri bagi penyelesaian masalah pengurusan sampah untuk jangka masa panjang;

Melancarkan kempen media melalui media sosial baru seperti iklan *web banner* melalui blog mengenai denggi yang dilancarkan pada 27 Oktober 2011 dan telah merekodkan sebanyak 9,518,809 viewer pada akhir 2011. Juga mengadakan pameran interaktif bergerak di mana pada tahun 2011 sebanyak 68 lokasi di sekitar negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur dan Putrajaya telah dilawati;

Melaksanakan tindakan tegas penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dengan mengenakan kompaun minima RM500 setiap kesalahan terhadap premis yang mempunyai pembiakan Aedes dan mereka yang mengulangi kesalahan perlu dibawa ke mahkamah untuk hukuman yang lebih berat. Sehingga April 2012, sebanyak 1,317,757 premis telah diperiksa dan 21,759 daripadanya mempunyai pembiakan Aedes. Sejumlah 6,733 daripada premis ini telah dikenakan kompaun dengan nilai berjumlah RM3,083,600 dan 575 kes yang dirujuk ke mahkamah dengan jumlah denda bernilai RM95,550 telah dikenakan; dan

Menambah bilangan projek COMBI (*Communication for Behavioral Impact*) dan memberi latihan kepada semua sukarelawan COMBI dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi. Ini



bertujuan agar mereka menjadi penggerak kepada masyarakat setempat, untuk menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan denggi di komuniti masing-masing. Sehingga April 2011, sebanyak 2,033 projek COMBI telah ditubuhkan dan seramai 25,836 sukarelawan COMBI telah dilatih oleh pihak Kementerian Kesihatan.

No. Soalan : 74

PR-1252-

L50152

**PERTANYAAN PEMBERITAHUAN JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN  
BAGI JAWAB  
DARIRADA  
LISAN** YB TUAN GWO-BURNE LOH [  
**DEWAN RAKYAT** KELANA JAYA ]

TARIKH

18JUN 2012

SOALAN

: YB Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana  
Jaya ] minta MENTERI LUAR NEGERI  
menyatakan sama ada wakil Kerajaan  
mengadakan pertemuan dengan pihak  
kerajaan Singapura khusus  
membincangkan kes hukuman gantung  
Yong Vui Kong. Sekiranya ya, nyatakan  
nama dan masa pertemuan tersebut  
diadakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bachok di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sebagai mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, En. Yong Vui Kong telah ditangkap dan didapati bersalah atas tuduhan mengedar dadah di bawah Seksyen 5(1 A) Misuse of Drugs Act Singapura dan telah dijatuhkan hukuman mandatori gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi Singapura pada 14 November 2008.

3. En. Yong Vui Kong telah membuat permohonan kepada Kerajaan Malaysia untuk merayu kepada Kerajaan Republik Singapura bagi mengurangkan hukuman yang telah dikenakan ke atas beliau.

4. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah, antara lain, menyerahkan surat kepada Kerajaan Singapura memohon agar hukuman ke atas En. Yong Vui Kong dapat diringankan atas dasar kemanusiaan. Surat tersebut telah saya serahkan kepada TYT George Yeo, Menteri Luar Negeri Republik Singapura pada 20 Julai 2010, semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN di Hanoi, Vietnam.

5. Pada 30 Julai 2010, Menteri Luar Negeri Republik Singapura telah menjawab permohonan Kerajaan Malaysia dengan menyatakan

bahawa Kerajaan Singapura akan mengambil kira semua faktor serta dokumen-dokumen sokongan, sebelum membuat sebarang keputusan dibuat mengenai kes tersebut.

6. Selain daripada itu, mantan Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah juga telah menghantar surat bertarikh 1 September 2010 kepada mantan Presiden Republik Singapura, S. R. Nathan, membuat rayuan pengampunan bagi pihak Yong Vui Kong.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Kerajaan melalui Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura masih belum diberi maklum balas terkini mengenai keputusan TYT Presiden Singapura terhadap permohonan pengampunan (*Petition of Clemency*) ke atas Encik Yong Vui Kong. Suruhanjaya Tinggi kita sentiasa bertanyakan mengenai perkembangan terkini status permohonan pengampunan berkenaan daripada Kerajaan Singapura melalui Kementerian Luar Negerinya.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 75

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI
	[ TANAH MERAH ]
TARIKH	18 JUN 2012
SOALAN:	

Y.B. Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ] minta MENTERI PELAJARAN menyatakan:-

- (a) jumlah sekolah baru yang dibina di Negeri Kelantan sepanjang tahun 2008 hingga 2011, berapakah jumlah peruntukan yang dikeluarkan untuk pembinaan sekolah tersebut; dan
- (b) adakah dengan jumlah pembinaan sekolah tersebut dapat menampung pelajar yang ada sekarang.

JAWAPAN

- (a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Sepanjang tahun 2008 sehingga 2011, bagi negeri Kelantan sahaja, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah membina sebanyak 27 buah sekolah baru di mana 6 daripadanya terdiri daripada sekolah rendah dengan peruntukan sebanyak RM87.8juta dan RM381.7juta bagi pembinaan 21 buah sekolah menengah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan yang dilakukan oleh KPM termasuklah pembinaan sekolah-sekolah baru adalah bertujuan untuk menampung keperluan murid di sekitar kawasan berkaitan. Justeru, langkah KPM dengan membina sejumlah sekolah seperti yang dinyatakan berdasarkan kemampuan kewangan yang ada diyakini dapat mengatasi masalah yang dihadapi khususnya di kawasan-kawasan berkaitan.

Rjm 43  
DARI PADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG

**NO SOALAN Wic**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**(BATU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 18.06.2012**

**Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [ BATU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:

- (a) apakah punca kegagalan dan kesilapan keputusan Kerajaan dalam penggabungan MAS dan AirAsia melalui 'share swap'; dan
- (b) nyatakan secara jelas, apakah pelan kerjasama seterusnya supaya menjamin kepentingan MAS dan pekerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha mempersiapkan Malaysian Airline System Bhd (MAS) untuk menghadapi Dasar Langit Terbuka Asean menjelang 2015 dan mentransformasikan MAS menjadi syarikat penerbangan yang mapan, kerjasama antara MAS dan AirAsia Bhd (AirAsia) dilihat sebagai langkah terbaik untuk mencapai matlamat ini berdasarkan pelbagai faedah sinergi perniagaan yang dijangkakan.

Bagi menyelaras kepentingan Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) dan Tune Air (Tune Air) sebagai pemegang saham MAS dan AirAsia, perjanjian pertukaran

saham telah dimeterai pada 9 Ogos 2011. Perjanjian pertukaran saham ini merupakan platform kepada syarikat-syarikat berkenaan bekerjasama dalam pelbagai bidang.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan pertukaran saham berkenaan didapati tidak mendapat sokongan beberapa pihak dalaman MAS dan ini telah menjadi halangan utama serta menyukarkan pelaksanaan usaha perubahan drastik untuk memulihkan MAS. Selain itu, persepsi tentang pakatan harga (*price collusion*) dan amalan anti-persaingan telah mengakibatkan tanggapan negatif daripada pihak awam tentang pertukaran saham tersebut. Hal ini telah memberi tekanan dan mengganggu tumpuan ke atas usaha-usaha untuk memulihkan MAS.

Sebagai langkah untuk memberi peluang kepada pengurusan MAS menumpukan perhatian kepada usaha pemulihan syarikat selain meneruskan pelbagai inisiatif kolaborasi untuk mencapai faedah sinergi perniagaan yang telah dikenal pasti, Khazanah dan AirAsia telah bersetuju membatalkan pertukaran saham berkenaan pada 2 Mei 2012 tanpa merugikan mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua,

Setelah perjanjian pertukaran saham di antara Khazanah dan Tune Air dibatalkan, MAS, AirAsia dan AirAsiaX, telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Tambahan berserta dua Memorandum Persefahaman (MoU) bagi aktiviti perolehan serta perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan pesawat. Kerjasama ini memberi peluang kepada MAS untuk menyediakan perkhidmatan pada kos yang lebih rendah. Selain itu, MAS juga berpeluang untuk mendapatkan terma yang lebih baik dalam rundingan perolehan, penjimatan kos modal melalui perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta dapat berkongsi dan menjual rizab kapasiti kepada syarikat penerbangan lain.

Usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan oleh MAS merupakan langkah strategik untuk memulihkan MAS ke tahap yang lebih baik supaya kepentingan semua *stakeholders* termasuk kakitangannya sentiasa terpelihara. Oleh hal yang demikian, adalah amat penting bagi MAS mendapatkan sokongan penuh daripada semua kakitangan bagi menjayakan pelan pemulihran syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	BAGI JAWAB LISAN
DARIPADA	Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]
TARIKH	18 Jun 2011 ( Isnin )
SOALAN	77

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan mengapa Pengerusi Syarikat Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak diwajibkan meminta maaf kepada kaum Hindu kerana merobohkan Kuil Hindu Sri Muniswaran yang berusia 40 tahun di Prai pada 20 April 2012 dan bilakah ia akan dibina semula seperti mana yang dijanjikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat awal, dakwaan bahawa Kuil Hindu Sri Muniswaran yang berusia 40 tahun di Prai yang dirobohkan pada 20 April 2012 adalah tidak benar. Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) melaporkan bahawa struktur kuil tersebut didapati wujud di kawasan Pangkalan Kargo Prai pada 6 Mac 2012.

PPSB turut memaklumkan bahawa berlaku insiden pencerobohan di kawasan berkenaan pada 25 Januari 2012 di mana pagar berdekatan

paip-paip kargo cecair merbahaya didapati telah dipotong dan pagar berkenaan dibaiki oleh PPSB. Pada 6 Mac 2012, semasa rondaan dibuat, pagar di kawasan berkenaan sekali lagi telah didapati dipotong dan terdapat 3 struktur kuil yang telah dibina pada kedudukan 2 meter daripada saluran paip kargo merbahaya.

Usaha-usaha PPSB untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pembinaan struktur berkenaan daripada pekerja-pekerja kaum India gagal kerana tidak menerima sebarang maklumbalas. Dalam pada itu, PPSB telah juga meminta perkakas kuil tersebut dialihkan tetapi tidak juga mendapat sebarang tindakan susulan oleh pihak berkepentingan.

Kementerian Pengangkutan akan mendapatkan laporan terperinci mengenai perkara ini daripada PPSB dan tindakan-tindakan sewajarnya akan diambil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARI PADA**

**YB DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN**

**SALLEH (KALABAKAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH**

**18.06.2012**

**Y.B. DATUK SERI HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH (KALABAKAN)** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyak permohonan untuk BRIM yang diterima dari rakyat di Sabah dan berapa ramai yang layak diberi bantuan tersebut.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) dilaksanakan buat julung kalinya atas usaha Kerajaan yang bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isirumah berpendapatan RM3.000 dan ke bawah. Pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni Kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isirumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka.Dalam

masa yang sama, pemberian bantuan ini juga dapat merancakkan aktiviti ekonomi domestik.

2. Pengedaran borang serta pendaftaran BR1M telah bermula 10 Disember 2011 sehingga 31 Mac 2012. Pengedaran dan pendaftaran BR1M telah diadakan di lokasi terpilih bagi memudahkan rakyat mendapatkan borang dan membuat pendaftaran. Manakala pengagihan baucar BR1M telah bermula pada 15 Januari 2012 sehingga 15 Mei 2012. Walaubagaimanapun, tempoh sah laku baucar BR1M telah dilanjutkan sehingga 31 Julai 2012 memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penerima yang masih belum lagi menerima baucar.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2012, pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5.0 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta atau hampir 86.4% daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan dan juga kelulusan kategori khas yang merangkumi penerima bantuan E-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 682 ribu atau 13.6% daripada keseluruhan pemohonan. Program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.1 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isi rumah atau 66% daripada jumlah keseluruhan isi rumah negara.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, definisi isi rumah bagi BR1M adalah berbeza berbanding dengan definisi isi rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan lebih ramai keluarga yang dapat menerima bantuan BR1M. Bagi tujuan BR1M, definisi ketua isi rumah adalah seorang lelaki atau wanita yang menjadi ketua kepada ahli yang tinggal serumah atau ketua keluarga.

Ini merangkumi individu yang sudah berkahwin termasuk anak yang berkahwin dan tinggal bersama ibu bapa, ibu atau bapa tunggal yang mempunyai tanggungan.bujang yang mempunyai tanggungan dan warga emas sebatang kara.Oleh yang demikian, semasa merangka program BR1M, adalah dianggarkan sebanyak 5.2 juta isi rumah atau 79.5% keluarga layak memohon BR1M.

5. Bagi negeri Sabah, sebanyak 477,200 permohonan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, 408,927 atau 85.7% permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM204,463,500. Manakala, bagi negeri Sarawak, permohonan yang diterima adalah sebanyak 561,743 di mana 82.5% atau 463,237 permohonan telah diluluskan yang berjumlah RM231,618,500. Secara keseluruhan jumlah kelulusan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Jumlah Kelulusan	Peratus Lulus Keseluruhan
Selangor	530,977	12.71%
Johor	466,367	11.17%
Sarawak	463,237	11.09%
Perak	429,231	10.28%
Sabah	408,927	9.79%
Kedah	363,139	8.69%
Kelantan	303,579	7.27%
Pulau Pinang	244,846	5.86%
Pahang	229,660	5.50%
Terengganu	199,918	4.79%
N.Sembilan	168,700	4.04%
Kuala Lumpur	166,362	3.98%
Melaka	134,904	3.23%
Perlis	50,132	1.20%
Labuan	11,608	0.28%
Putrajaya	4,835	0.12%
Jumlah	4,176,422	100.00%

Untuk makluman, jumlah tersebut tidak termasuk jumlah kelulusan bagi kategori orang asli dan penerima bantuan JKM yang berjumlah sebanyak 159,810 penerima.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kejayaan program BR1M ini adalah hasil kekuahan ekonomi negara dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik dan cekap. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat dan pulangan kepada rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN  
OLEH Y.B DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN  
MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL  
[LABUAN]  
TARIKH 18 JUN 2012  
SOALAN

Datuk Haji Yusoff Bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:

- a) apakah terdapat perancangan oleh Kementerian untuk mewujudkan sebuah Kolej Kejururawatan di Wilayah Persekutuan Labuan; dan

## **SOALAN NO : 79**

- b) apakah usaha Kementerian di dalam menyelesaikan masalah kekurangan doktor pakar di Hospital Nucleus Labuan secara tuntas.

Tuan Yang DiPertua

Pada masa kini, Kerajaan tiada perancangan untuk menubuhkan Kolej Kejururawatan di Wilayah Persekutuan Labuan. Ini kerana kapasiti Institusi Latihan KKM sedia ada, khususnya, dalam program Kejururawatan adalah mencukupi untuk melatih Jururawat mengikut permintaan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua

Pada masa ini, negara masih mengalami masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar. Menyedari hakikat ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan Pegawai Perubatan Pakar dengan menambah bilangan tempat bagi Pegawai Perubatan KKM untuk mengikuti kursus kepakaran di dalam dan luar negara. Pada tahun 2011, sebanyak 800 tempat telah diperuntukkan bagi pegawai mengikuti kursus kepakaran berbanding 600 tempat pada tahun 2010. Melalui pendekatan ini, KKM akan memperoleh bekalan Pegawai Perubatan Pakar secara berterusan dan ini akan dapat membantu menangani masalah kekurangan Pegawai Perubatan Pakar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Nuklues Labuan merupakan Hospital Pakar Minor yang mempunyai 109 buah katil

dengan kadar penggunaan katil (BOR) sebanyak 43.5% bagi tahun 2011. Hospital ini menyediakan lima (5) bidang kepakaran iaitu Obstetrik & Ginekologi, Perubatan Umum, Pembedahan, Ortopedik dan Bius. Sehingga kini, terdapat seramai 18 orang Pegawai Perubatan termasuk lima (5) orang Pegawai Perubatan Pakar sedang berkhidmat di hospital tersebut.

Di samping itu, bagi memastikan perkhidmatan kepakaran dapat dipertingkatkan, KKM turut mengaturkan lawatan berkala Pegawai Perubatan Pakar ke hospital tersebut. Antara bidang kepakaran yang terlibat adalah otorinolaringologi (ORL), oftalmologi, psikiatri, pembedahan plastik dan rekonstruktif, neurosurgeri, kardiologi, respiratori, gastroenterologi, hematologi, hepatologi dan pediatrik. Dengan kapasiti Pegawai Perubatan yang ada, Kementerian optimis bahawa perkhidmatan kesihatan oleh Hospital Nukleus Labuan adalah berada pada tahap yang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan terus berusaha untuk menempatkan lebih ramai Pegawai Perubatan ke hospital-hospital ini dan pada masa yang sama berusaha untuk meningkatkan bilangan Pakar Perubatan. Antara langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan Pegawai Perubatan dan pakar warganegara asing secara kontrak;
- ii. Pelantikan semula Pegawai Perubatan dan pakar KKM yang

- telah bersara secara kontrak; dan
- iii. Pengambilan doktor pakar swasta berkhidmat secara *sessional*.

Selain dari itu, sejajar dengan pertambahan institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan, dianggarkan jumlah graduan akan terus bertambah dari tahun ke tahun. Sejak tahun 2001, graduan perubatan yang menjalankan latihan siswazah secara purata adalah 1,020 orang berbanding sekitar 700-800 orang pada tahun-tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2011, jumlah tersebut telah meningkat, di mana sebanyak 3,344 orang telah dilantik. Dengan pertambahan ini, maka, lebih ramai Pegawai Perubatan akan dapat ditempatkan ke seluruh negara termasuklah ke Hospital Labuan.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN WEE CHOO KEONG [ WANGSA MAJU J

TARIKH 18 JUN 2012

RUJUKAN 4822

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [ Wangsa Maju ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah kadar jenayah semasa di Malaysia dan Kawasan Wangsa Maju, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil atau akan diambil untuk mengurangkan kadar jenayah di Kawasan Wangsa Maju.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Bagi kawasan Wangsa Maju, kadar jenayah indeks dan jalanan juga menunjukkan penurunan sejak NKRA-Mengurangkan Jenayah dilaksanakan pada tahun pada tahun 2009. Sebagai contoh, bagi tempoh Januari-Disember 2009, sebanyak 2,115 kes Jenayah indeks dan 497 jenayah jalanan telah dilaporkan.

Pada tahun 2010, bagi tempoh yang sama, kadar jenayah indeks telah menurun kepada 1,795 kes - iaitu penurunan sebanyak 320 kes atau 15.1%. Bagi tahun 2011 pula, jumlah kes jenayah indeks telah menurun kepada 1,363 kes, penurunan sebanyak 432 kes atau 24.0%. Bagi kes jenayah jalanan, pada tahun 2009, sebanyak 497 kes telah dilaporkan.

Pada tahun 2010, jumlah ini telah berkurangan kepada 278 kes, iaitu penurunan sebanyak 219 kes atau 44.1%. Jumlah ini telah terus menurun pada tahun 2011 kepada 203 kes, pengurangan sebanyak 75 kes atau 27.0%.

Bagi memantapkan lagi program mengurangkan jenayah pada peringkat nasional termasuklah Kawasan Wangsa Maju, kerajaan telah memperkenalkan satu pendekatan baru iaitu '*Community*

*Policing*'. Di bawah konsep ini, kerajaan telah mengenalpasti 4 buah negeri yang mencatatkan jenayah tertinggi iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Negeri-negeri ini di kategorikan sebagai negeri '*hot spot*' berdasarkan statistik PDRM, 72% kejadian jenayah pada tahun 2008 berlaku di negeri-negeri ini.

Seterusnya 50 kawasan dari negeri-negeri tersebut (termasuk kawasan Wangsa Maju) dikategorikan sebagai kawasan '*hot spot*' kerana kes jenayah yang tinggi. Kawasan-kawasan ini dijadikan sebagai tumpuan untuk melaksanakan inisiatif mengurangkan jenayah oleh PDRM.

Bagi melaksanakan inisiatif mengurangkan jenayah di negeri-negeri ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa strategi seperti meningkatkan '*omnipresence*' yang melibatkan kehadiran petugas dan peralatan yang berkaitan dengan tugas penguatkuasaan bertujuan mewujudkan perasaan takut kepada bakal-bakal pelaku penjenayah. Langkah ini juga boleh mewujudkan rasa yakin masyarakat terhadap keselamatan.

Diantara langkah yang termasuk dalam '*omnipresence*' termasuklah meningkatkan rondaan berjalan kaki, bermotosikal dan kereta, menempatkan balai polis bergerak, '*high profile policing*' (penglibatan pegawai kanan polis dengan masyarakat dipertingkatkan), "Feet on

Street', dan penempatan semula (*redeployment*) pegawai dan anggota polis untuk menjalankan tugas hakiki kepolisian dan meningkatkan nisbah di antara polis dan penduduk.

**SOALAN NO: 81**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARI PADA</b>	<b>YB. TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOKINTAN ]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>ISNIN, 18 JUN 2012</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>12 [PR-1252-L49899]</b>
<b>SOALAN</b>	

**Tuan Manogaran a/l Marimuthu [ Telok Intan ] minta  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN  
BANDAR menyatakan**

- a) berikan jumlah terkini keseluruhan Kakitangan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) mengikut pecahan kaum yang berada di Malaysia; dan
- b) nyatakan peratusan kakitangan yang berstatus pegawai mengikut pecahan kaum serta kedudukan pangkat mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Telok Intan, jumlah keseluruhan kakitangan DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) sehingga 30 April 2012 adalah seramai 10,139 orang yang terdiri daripada pelbagai kaum. Dari segi pecahannya, seramai 8,948 kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terdiri daripada kaum Melayu iaitu 88.25% diikuti kaum India seramai 1,077 orang (10.62%), kaum Cina seramai 81 orang (0.80%) dan lain-lain kaum seperti bumiputera Sabah dan Sarawak seramai 33 orang (0.33%).

Manakala bilangan/peratusan pegawai bagi kakitangan DBKL yang terdiri daripada **Penaurusan Tertinaai dan Penaurusan dan Profesional** ialah daripada jawatan Penolong Pengarah, Timbalan Pengarah Kanan, Pengarah dan ke atas adalah **seramai 482 orang**. Bagi **Peaawai Penaurusan Tertinaai seramai 16 orang** terdiri daripada 14 orang (87.50%) kaum Melayu dan 2 orang (12.50%) kaum Cina manakala kumpulan **Penaurusan dan Profesional, seramai 446 orang** yang terdiri daripada kaum Melayu iaitu 448 orang (96.14%), 16 orang (3.43%) kaum Cina, 11 orang (2.36%) kaum India dan 7 orang kaum-lain.

**PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN NO: 82**

DARIPADA :DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)

TARIKH :18 JUN 2012 (ISNIN)

SOALAN :DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL minta MENTERI

PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:

- (a) Langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi meningkatkan kualiti dan hasil penanaman padi di Malaysia; dan
- (b) Usaha pihak Kerajaan mengkaji subsidi padi terkini untuk dinaikkan bagi memastikan nasib penanam padi terbela.

**JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**

Tuan Yang DiPertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam memastikan kualiti dan hasil penanaman padi negara terus meningkat, Kerajaan telah menyusun langkah-langkah strategik seperti berikut:

- (a) membangunkan kawasan tanah sawah terbiar melalui program di bawah NKEA (EPP 9) serta penanaman padi berskala besar melalui pengurusan secara berpusat di bawah EPP 10 & 11;
- (b) meningkatkan pengeluaran atau produktiviti bagi kawasan jelapang;
- (c) meningkatkan keupayaan pengairan daripada sekali setahun kepada 2 kali setahun dan daripada 2 kali setahun kepada 5 kali dalam dua tahun;

- (d) menjamin kualiti melalui kaedah pemutuan sebenar;
- (e) mengurangkan kerugian tuaian dan pasca tuaian melalui penggunaan teknologi terkini;
- (f) mewujudkan pengurusan berpusat di MADA, KADA dan semua IADA;
- (g) pengenalan varieti-varieti baru yang lebih rintang kepada penyakit dan juga penggunaan varieti hibrid serta benih padi sah.

Dari segi pemberian subsidi padi, Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan mana-mana subsidi dan insentif. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji untuk merasionalisasikan subsidi dan insentif sedia ada bagi memastikan golongan petani mendapat manfaat yang sewajarnya. Ini adalah kerana Kerajaan sentiasa prihatin terhadap keperluan rakyat.

**SOALAN NO:83**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT : SOALAN LISAN**

**PERTANYAAN** : DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]  
**DARIPADA** : 18 JUN 2012 (ISNIN)  
**TARIKH** : Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] Minta MENTERI  
**SOALAN** PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
menyatakan sama ada Kementerian mempunyai program  
latihan keusahawanan khususnya para belia Bumiputera yang  
sedang menganggur di kawasan luar bandar : Y.B. MENTERI  
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**JAWAPAN OLEH**

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) telah melaksanakan pelbagai program Latihan Kemahiran Pertanian. Tumpuan latihan adalah kepada bidang tanaman, ternakan, akuakultur, perikanan tangkapan, pemprosesan hasil pertanian dan pemasaran. Kurikulum latihan kemahiran adalah merangkumi kemahiran *softskill* dan *hardskill* dalam bidang keusahawanan yang membolehkan mereka menjawat jawatan dalam industri dan menjadi usahawan tani. Kementerian Pertanian juga telah menjalankan program Latihan Berpakej yang membantu membentuk budaya keusahawanan dan menghubungkan mereka dengan institusi kewangan seperti Agrobank dan TEKUN Nasional bagi memulakan perniagaan. Program latihan jangka pendek dalam bidang keusahawanan pertanian dan program pemindahan teknologi juga telah dilaksanakan oleh jabatan dan agensi di 39 Pusat Latihan Pertanian dibawah MOA di seluruh negara.

Program Kelab Sizwazah Tani merupakan satu pendekatan FAMA dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) dalam usaha membudayakan keusahawanan dalam sektor

pertanian kepada para siswazah. Program ini dilaksanakan bertujuan memberi peluang kepada para siswazah pengalaman sebagai usahawan tani dengan dasar, strategi dan program yang dilaksanakan oleh MOA dalam memperkasakan sektor pertanian terutamanya bagi mewujudkan siswazah tani dalam rantaian pemasaran yang menggunakan teknologi terkini dan moden dalam menjana ekonomi berdasarkan pertanian.

Sejak 2010, sebanyak 200 siswazah tani telah berjaya dibangunkan melalui Projek Perintis iaitu Projek Pembangunan Siswazah Tani dalam Industri Penanaman Nanas dan Projek Pembangunan Usahawan Kebab.

Bagi memperkasakan program ini pihak Kementerian telah memperkenalkan program MYAGROSIS yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada Disember 2012 di UiTM Merbuk, Kedah. Program MYAGROSIS ini bertujuan untuk mendedahkan dan memberi pengalaman kepada siswazah mengenai dunia keusahawanan tani semasa di dalam kampus. Sehingga Mei 2012 jumlah keahlian Kelab MYAGROSIS di 21 IPTA dan 13 buah institut Pertanian di seluruh Negara adalah seramai 4,000 orang.

No. Soalan: 84

PR-1252-

L50512

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTAMA MALAYSIA JAWAB LISAN**

DARIPADA YB DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF  
RAWA [PARIT BUNTAR]

TARIKH 18 JUN 2012

SOALAN Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [ Parit Buntar ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan sejauh mana Global Moderate

Movement (GMM) berjaya diperkenalkan di luar negara dan di dalam negara.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat **Parit Buntar** di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, konsep kesederhanaan dalam Gerakan Kesederhanaan Global atau *the Global Movement of Moderates* (GMM) yang diketengahkan oleh Y.A.B Perdana Menteri sejak September 2010 di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah diterima dan mendapat sambutan baik di dalam dan di luar negara.
3. Dari 17 hingga 19 Januari 2012, Persidangan Antarabangsa Gerakan Kesederhanaan Global telah dianjurkan oleh Persatuan Alumni Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Kuala Lumpur. Lebih kurang 500 orang peserta dan 50 orang penceramah dari dalam dan luar negara telah mengambil bahagian di dalam Persidangan tersebut. Sambutan baik yang diterima di Persidangan tersebut mencerminkan sokongan luas ke atas idea GMM di peringkat nasional dan antarabangsa, bukan sahaja dari pemimpin-pemimpin kerajaan tetapi juga dari badan-badan bukan kerajaan, organisasi-organisasi antarabangsa dan ahli-ahli akademik.

4. Di Persidangan ini, Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan Yayasan Gerakan Kesederhanaan Global; Kerusi Akademik Wasatiyyah di Universiti Malaya; dan Institut Wasatiyyah di bawah Pejabat Perdana Menteri. Melalui institusi-institusi ini, konsep kesederhanaan yang telah pun diterima baik dan dipraktikkan bagi membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan bersatu padu sejak kemerdekaan lagi, akan disebarluaskan secara lebih meluas dan mendalam di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Di peringkat antarabangsa, lebih kurang 25 negara dari serata dunia telah menyatakan sokongan secara terbuka terhadap konsep kesederhanaan melalui GMM yang diperkenalkan oleh Malaysia. Pengiktirafan dari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga telah diterima melalui Setiausaha Agung PBB pada bulan Mac 2012 dan Wakil Tertinggi Pakatan Ketamadunan PBB (*United Nations Alliance of Civilizations - UNAOC*) pada bulan Januari 2012.

6. Baru-baru ini, Yayasan GMM telah mengambil bahagian di dalam Persidangan Ikrar (*Pledging Conference*) UNAOC di Istanbul, Turki dari 31 Mei hingga 1 Jun 2012. Di Persidangan ini, Yayasan GMM telah memberi komitmen untuk menjalin kerjasama dengan

UNAOC sebagai Penaung (*Patron*) organisasi tersebut. Melalui kerjasama ini, konsep kesederhanaan akan dapat disebarluaskan dengan lebih meluas di platform antarabangsa.

7. Di rantau ini pula, pemimpin-pemimpin ASEAN di Sidang Kemuncak ASEAN di Cambodia pada 3 April 2012 dengan sebulat suara telah menerima konsep kesederhanaan yang diusulkan oleh Malaysia. ASEAN akan mengadakan aktiviti-aktiviti bagi mempromosi konsep kesederhanaan di peringkat serantau dan antarabangsa bagi mencapai keamanan sejagat.

8. Konsep GMM juga telah diterima dan tertera di dalam *Communiqué Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (the Commonwealth Heads of Government Meeting - CHOGM)* di Australia pada bulan Oktober 2011 dan di dalam *Final Document* Mesyuarat di peringkat Menteri bagi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (*Non-Aligned Movement - NAM*) di Mesir pada bulan Mei 2012.

9. Selain itu, inisiatif Malaysia untuk mengusulkan konsep kesederhanaan di dalam Resolusi di Perhimpunan Agung PBB berkenaan Promosi Dialog Antara Agama dan Budaya, Persefahaman dan Kerjasama ke arah Keamanan bertarikh 23 Disember 2011 juga telah diluluskan dengan sebulat suara.

10. Kejayaan-kejayaan ini melambangkan penerimaan masyarakat antarabangsa terhadap konsep kesederhanaan. Kementerian Luar Negeri akan meneruskan usaha dan kerjasama dengan Yayasan GMM bagi mempromosi konsep kesederhanaan melalui GMM di pelbagai platform.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 85**

**PEMBERITAHU  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT,  
MALAYSIA**

**PERTANYAAN            LISAN  
DARIPADA    YB. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI [ SABAK  
BERNAM ]**

**TARIKH            ISNIN, 18 JUN 2012**

**RUJUKAN      13            [PR-1252-L49794]**

**SOALAN**

**Datuk Abd. Rahman bin Bakri [ Sabak Bernam ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN** **BANDAR** menyatakan langkah bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta awam di Bandaraya Kuala Lumpur termasuk di Bangsar dan pengurusan letak kereta awam yang tidak cekap seperti tempat letak kereta awam di Hentian Putra.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam, bagi mengatasi masalah tempat letak kereta di Bangsar, DBKL telahpun menjadikan jalan-jalan di sekitar kawasan Jalan Telawi Bangsar dari 2 hala kepada sehala bagi menambah ruang tempat letak kereta awam tepi jalan. Untuk mengatasi masalah halangan, pemantauan dan penguatkuasaan berterusan sentiasa dijalankan termasuk menunda kenderaan yang menghalang jalanraya di kawasan tersebut.

Seterusnya bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta awam di Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil beberapa langkah dengan membina tempat letak kereta bertingkat di beberapa lokasi dalam Bandaraya Kuala Lumpur, menambahkan petak tempat letak kereta tepi jalan dan juga tempat letak kereta terkawal di tapak-tapak kosong. Sehingga tahun 2011, sejumlah 42,495 petak tempat letak kereta diselenggara dan diurus oleh DBKL. Di samping itu, terdapat juga tempat letak kereta yang dikawal selia oleh pihak swasta.

Manakala, tempat letak kereta Hentian Putra sebagaimana yang dinyatakan oleh YB tersebut ianya dikawal selia oleh DBKL dengan baik dan orang awam boleh menggunakan dengan mudah. Terdapat juga kesesakan di kawasan tersebut pada waktu-waktu puncak terutamanya pada hujung minggu di mana halangan daripada bas yang berbaris masuk ke terminal. Operator-operator bas Ekpress telah di

arah untuk membuat penjadualan ketibaan bas ke terminal tersebut untuk mengelakkan kesesakan di pintu masuk.

Walau bagaimanapun, usaha dibuat oleh DBKL untuk menambah bilangan tempat letak kereta, namun ia tidak akan mampu mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta kerana bilangan kereta yang berurusan di Kuala Lumpur terus bertambah. Untuk langkah jangka masa panjang, sistem pengangkutan awam sedang dipertingkatkan supaya lebih ramai pengguna menggunakan perkhidmatan awam.

Matlamat DBKL adalah supaya nisbah pisahragam (modal split) antara pengguna pengangkutan persendirian dan pengangkutan awam dari 82:18 pada masa ini dapat dinaikkan kepada 60:40 pada tahun 2020. Ini juga selaras dengan matlamat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan NKRA pengangkutan awam Bandar.

Antara langkah-langkah lain yang telah dan sedang diambil oleh

DBKL juga ialah:-

- i) membina rangkaian pejalan kaki berbumbung dan tidak berbumbung yang menghubungkan stesen transit ke kawasan aktiviti dan juga antara stesen-stesen transit.
- ii) Membina beberapa tempat letak kereta bertingkat berhampiran stesen transit di luar pusat bandar yang berfungsi sebagai *park and ride* bagi tujuan mengurangkan kemasukan kenderaan ke dalam pusat bandar.

- iii) Melaksanakan penyusunan semula hentian akhir bandar bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas.
- iv) Melantik operator yang benar-benar layak bagi menguruskan tempat-tempat letak kereta.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK NUR JAZLAN BIN  
MOHAMED**

**(PULAI)**

**TARIKH : 18.06.2012 (ISNIN)**

**SOALAN : 86**

**Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

menyatakan jumlah keluasan jalan-jalan kampung yang telah dinaik taraf dan berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada peruntukan diberikan untuk pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa atau Projek Jalan Kampung di kawasan Parlimen Pulai. Namun begitu sekiranya ada keperluan mendesak untuk menaik taraf Jalan Perhubungan Desa atau Jalan Kampung di kawasan Parlimen Pulai, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Kementerian untuk dipertimbangkan mengikut skop dan garis panduan yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA, PARLIMEN  
KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARI PADA : YB DATO' LILAH BIN YASIN**

**(JEMPOL)**

**TARIKH : 18.06.2012 (ISNIN)**

**SOALAN : 87**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**  
menyatakan sejauh manakah usaha yang telah dilakukan

## **Font : Verdana (16)**

bagi penyenaraian anak Syarikat FELCRA dan RISDA serta apakah faedah yang dijangka bakal diperolehi rakyat Malaysia.

### **Jawapan**

Cadangan untuk penyenaraian anak syarikat FELCRA dan RISDA perlu kajian yang menyeluruh sebelum boleh dilaksanakan. Kajian yang teliti dan mendalam perlu dilaksanakan khususnya mengenai kekuatan dan keupayaan yang dimiliki oleh syarikat-syarikat tersebut. Selain itu, peranan syarikat-syarikat tersebut yang terlibat secara langsung dalam memajukan masyarakat luar bandar perlu dikaji bagi memastikan manfaat yang dinikmati oleh mereka pada masa ini terus terjamin.

Sebagai langkah awal, FELCRA Berhad akan menubuhkan *Holdings Company* bagi memberi fokus kepada aktiviti komersial merangkumi perniagaan anak-anak syarikat FELCRA Berhad dan syarikat-syarikat usahasama manakala aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) akan kekal di bawah FELCRA Berhad bagi menjaga kepentingan peserta-peserta FELCRA.

RISDA telah membuat penstrukturran semula syarikat-syarikat milik RISDA melalui penubuhan RISDA Holding Sdn. Bhd. pada 10 November 2010. Penstrukturran ini dibuat agar syarikat-syarikat milik RISDA dikawal oleh satu syarikat induk untuk melaksanakan pentadbiran secara berpusat bagi meningkatkan kecekapan dan kawalan seperti kewangan, pengurusan sumber manusia, perancangan korporat dan pelaburan.

Oleh itu, cadangan penyenaraian ini akan dikaji dengan teliti oleh Kementerian bagi membolehkan aktiviti komersial terus meningkat dan berkembang manakala aktiviti CSR pula akan terus dinikmati oleh golongan sasar.

**SOALAN NO: 88**

**LISAN                  PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**YB. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**

**PERTANYAAN      ISNIN, 18 JUN 2012**

**DARIPADA      14                  [PR-1252-L50333]**

**TARIKH**

**RUJUKAN**

**SOALAN      Tuan Lim Lip Eng [ Segambut ] mninta **MENTERI  
WILAYAH                  PERSEKUTUAN                  DAN****

**KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan jumlah unit papan elektronik ITIS dan berapa yang masih berfungsi, sebab-sebab kerosakan dan kos yang diperuntukkan mengikut tahun sejak permulaan projek ITIS.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makian Ahli Yang Berhormat dari Segambut, di bawah projek ITIS, terdapat sebanyak 140 unit 'Variable Message Sign' (VMS) yang telah dipasang dan mula beroperasi pada tahun 2004. Setelah 8 tahun beroperasi bilangan yang berfungsi dengan baik adalah 46 unit sahaja.

Antara faktor-faktor yang menyebabkan kerosakan dan kegagalan VMS untuk berfungsi adalah seperti berikut:

- (a) **Kerja-kerja pengalihan VMS oleh pihak ketiga** untuk pelebaran atau pembinaan jalan. VMS tidak akan dapat berfungsi sehingga kerja-kerja yang melibatkan pihak ketiga ini disiapkan.
- (b) **Kejadian vandalisme yang tinggi** di mana kabel elektrik yang menghubungkan VMS dengan *Communication Cabinet* (CC) telah dicuri.
- (c) **Kerosakan pada komponen-komponen utama VMS** tersebut yang telah mencapai usia ekonomik dan tiada alat gantian dalam pasaran.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) diberi



peruntukan berjumlah RM1.5 juta setahun. Peruntukan ini adalah untuk kerja-kerja penyenggaraan termasuk penggantian kabel dan komponen VMS.

Memandangkan sistem ini telah berusia 8 tahun, didapati sistem sedia ada tidak dapat menampung kehendak pelapur masa kini. Selanjutnya, DBKL dalam proses meningkatkan sistem sediada serta penggantian peralatan luar ITIS seperti VMS, CCTV dan *communication cabinet*. Objektif peningkatan terhadap keseluruhan sistem maklumat trafik ini akan memberikan maklumat yang lebih bermakna kepada pengguna-pengguna jalanraya kelak.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**PERTANYAAN JAWAB LISAN**  
**DARIPADA TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH**  
**TARIKH 18 JUN 2012 (ISNIN)**  
**SOALAN NO. 89**

**Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [ Dungun ]** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan tindakan tegas yang diambil ke atas pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terlibat menyertai perhimpunan haram Bersih 3.0 sekali gus telah menghina perintah mahkamah.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi telah menerima senarai nama seramai 152 orang yang disyaki pelajar daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditangkap semasa perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April 2012. Senarai nama tersebut telah dipanjangkan kepada semua IPTA untuk pengesahan. Berdasarkan semangat autonomi yang diberikan, maka IPTA masing-masing boleh menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap pelajar yang didapati melanggar peraturan kelakuan dan tatatertib.



18 Jun 2012

TARIKH

**SOALAN**

Tuan Wong Ho'Leng [ Sibu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes jenayah yang telah didaftarkan di mahkamah-mahkamah di Sarawak pada tahun 2010, 2011 dan 2012 (sehingga 18/05/2012). Sila memperincikan kes dalam kategori pembunuhan, rogol, rompak, ragut dan pecah masuk rumah, dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan jenayah-jenayah tersebut.

**JAWAPAN :YB DATQ<sup>9</sup> SERI 5H8QHAMBD NAZRI ABDUL AZIZ**

**MENTERI D8 JABATAH PERDANA MEfMTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, dari tahun 2010 hingga 18 Mei 2012, jumlah kes bunuh yang telah didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah Sarawak adalah sebanyak 42 kes, kes rogol sebanyak 196 kes, kes rompak sebanyak 38 kes, kes ragut sebanyak 61 kes dan kes pecah masuk rumah adalah sebanyak 279 kes.

Pecahan jumlah kes mengikut kategori dan tahun secara terperinci adalah seperti di Lampiran A.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan mengambil maklum dan memandang serius akan sebarang bentuk jenayah yang berlaku di seluruh negara. Bagi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam adalah sentiasa terpelihara, KDN menerusi Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan jenayah di seluruh negara termasuklah di kawasan Yang Berhormat Sibu melalui pendekatan seperti berikut-

- i. Melaksanakan tindakan pencegahan jenayah secara bersepada dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM);
- ii. meningkatkan rondaan di kawasan yang kerap berlaku jenayah. Kehadiran polis (police omnipresence) juga dipertingkatkan dengan bantuan anggota tambahan dari RELA dan JPAM;
- iii. menambah bilangan anggota polis di kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi dan kerap berlaku jenayah;
- iv. mengadakan operasi secara berterusan sepanjang tahun bagi mengurangkan kadar jenayah;

seperti JKKK/Daerah, ADUN dan Ahli Parlimen dalam program pencegahan jenayah; dan

- vii. meningkatkan penglibatan masyarakat dan NGO dalam membantu pihak polis membanteras jenayah melalui kempen kesedaran dan penyaluran maklumat.

Sekian, terima kasih.

## LAM PI RAN A

JUMLAH KESELURUHAN DAN KLASIFIKASI KES-KES JENAYAH YANG TELAH DIDAFTARKAN DI  
MAHKAMAH TINGGI, SESYEN DAN MAJISTRET SELURUH SARAWAK  
UNTUK TAHUN 2010

MAHKAMAH	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFTARKAN	KES BUNUH	KESROGOL	KES RAGUT	KES ROMPAK	KES PECAH RUMAH
SARAWAK	5636	24	@2	37	12	117

JUMLAH KESELURUHAN DAN KLASIFIKASI KES-KES JENAYAH YANG TELAH DIDAFTARKAN DS  
MAHKAMAH TINGGI, SESYEN DAN MAJISTRET SELURUH SARAWAK  
UNTUK TAHUN 2011

MAHKAMAH	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFTARKAN	KESBUNUH	KES ROGOL	KES RAGUT	KES ROMPAK	KES PECAH RUMAH
SARAWAK	5091	8	72	10	14	124

JUMLAH KESELURUHAN DAN KLASIFIKASI KES-KES JENAYAH YANG TELAH DIDAFTARKAN DI MAHKAMAH TINGGI, SESYEN DAN MAJISTRET SELURUH SARAWAK UNTUK TAHUN 2012 (SETAKAT 18.05.2012)

MAHKAMAH	JUMLAH KES YANG TELAH DIDAFTARKAN	KES BUNUH	KESROGOL	KES RAGUT	KES ROMPAK	KES PECAH RUMAH
SARAWAK	2525	no	32	14	,2	3§

**'HOrfium-00  
NOrAUR—**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA DATUK TIONG THAI KING [ LANANG ]  
TARIKH 18 JUN 2012  
RUJUKAN 4823

**SOALAN:**

Datuk Tiong Thai King [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang membatalkan kewarganegaraan Malaysia pada tahun 2010 dan 2011.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Lanang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, jumlah rakyat Malaysia yang telah melepaskan taraf kewarganegaraan Malaysia

pada tahun 2010 adalah sebanyak **10,633** orang dan pada tahun 2011 sebanyak **10,249** orang.



NO. SOALAN : 9Z.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT  
KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]

TARIKH 18 JUN 2012 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Had! bin Awang [Marang] minta PERDANA MENTERI menyatakan pendirian rasmi Kerajaan Persekutuan berhubung tafsiran Islam dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Malaysia, adakah ia bermaksud agama upacara (*ceremonial religion*) atau sebagai sistem kehidupan yang sempurna (al-Din).

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan perlu dilihat dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan secara menyeluruh dan tidak hanya dilihat dalam ruang lingkup Perkara 3(1) semata-mata. Ini adalah kerana peruntukan tersebut diperkuatkan dengan kewujudan peruntukan-peruntukan lain yang menjamin kedudukan Islam, antara lain, seperti Perkara 11(4), Perkara 12(2), Perkara 121(1 A), Butiran 1,

Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan.

Selain daripada peruntukan-peruntukan undang-undang, terdapat juga kes-kes yang telah diputuskan di Mahkamah yang memberi tafsiran yang luas kepada perkataan agama Islam itu sendiri. Antaranya adalah kes **Sulaiman bin Takrib Iwn Kerajaan Negeri Terengganu & Kerajaan Malaysia [2009] 2 CLJ 54**, (kes di Mahkamah Persekutuan) di mana Y.A.A. Tun Abdul Hamid bin Mohamad memutuskan bahawa perkataan *precepts* dalam Senarai II Jadual Kesembilan diperluaskan tafsirannva vanq meranqkumi aiaran Islam secara svumul dan tidak terhad kepada rukun Islam vanq lima sahaia.

Di samping itu, dalam kes **Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Lain-Lain [2007] 4 MLJ 584**, mahkamah tertinggi negara telah menerima tafsiran yang dibuat oleh al- Maududi, iaitu Islam bukan sahaia merupakan himpunan dogma dan ritual tetapi ia iuqa merupakan cara hidup vanq lenkap vanq meranqkumi semua bidang kegiatan manusia: persendirian atau awam. perundangan. politik. ekonomi. sosial. budaya. moral atau iuqa kehakiman.

Berdasarkan fakta-fakta di atas, adalah jelas bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan lain sebagaimana yang disebutkan telah menyediakan ruang yang secukupnya untuk

membolehkan agama Islam itu dilaksanakan sebagai suatu sistem kehidupan yang sempurna di negara ini dan bukanlah merupakan suatu agama upacara (*ceremonial religion*) semata-mata.

Sekian, terima kasih.



TARIKH

18 JUN 2012 (**ISNIN**)

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Permatang Pauh ] minta PERDANA MENTERI snyatakan kes-kes yang dikemukakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang masih tertangguh di Jabatan Peguam Negara dan mengapa pendakwaan tidak dilakukan.

JAWAPAN:      DATO<sup>8</sup> SERB MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Soalan yang dibangkitkan adalah umum dan tidak merujuk kepada sesuatu kes tertentu. Sebagai makluman, apabila sesuatu kes dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk arahan lanjut, Timbalan Pendakwa Raya akan mengkaji dan meneliti kertas siasatan yang berkaitan. Dalam mengkaji dan meneliti kertas siasatan tersebut, arahan untuk membuat siasatan lanjut akan diberikan kepada SPRM atau pihak polis dari semasa ke semasa sekiranya didapati bukti atau keterangan masih belum mencukupi. Perlu ditekankan bahawa tidak

Pendakwaan sesuatu kes bergantung pada bukti dan keterangan yang diperoleh semasa siasatan serta peruntukan undang-undang yang ada.

2. Ingin ditegaskan bahawa sebelum sesuatu kes itu dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara, kes yang dikendalikan oleh SPR1VS akan dikaji dan diteliti oleh Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM dan dibuat keputusan sewajarnya. SPRM juga telah menubuhkan Panel Penilaian Operasi dan semua keputusan Bahagian Siasatan dan Pendakwaan SPRM dirujuk ke Panel ini untuk memastikan siasatan yang dikendalikan adalah telus dan bebas.

3. Ditegaskan juga bahawa Jabatan Peguam Negara tidak pernah bertolak-ansur terhadap mereka yang telah melakukan kesalahan termasuk individu-individu berprofil tinggi seperti ahli politik, pegawai tinggi kerajaan atau pegawai kanan sektor swasta. Namun demikian, pendakwaan sesuatu kes hanya dibuat tertakluk kepada wujudnya bukti dan keterangan kukuh yang diperoleh semasa siasatan serta berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada.



**SOALAN NO: 94**

**PEMBERITAHU  
AN  
PERTANYAAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN            TUAN HAJI AHMAD LAI BIN  
RAKYAT            BUJANG [ SIBUTI ]  
DARIPADA  
TARIKH            18 JUN 2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti ] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan mengapakah pihak Pos Malaysia tidak menaik taraf infrastruktur kemudahan pejabat pos di kawasan luar bandar seperti di Bekenu, Parlimen Sibuti supaya kelihatan lebih moden dengan menambah kemudahan mesin ATM dan mesin deposit. Ketiadaan perkhidmatan ini membataskan keselesaan rakyat di Sibuti.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Pos Malaysia secara berterusan menambahbaik perkhidmatan dan kemudahannya kepada masyarakat dari semasa ke semasa. Dari tahun 2010 hingga 2011, sebanyak 149 cawangan pejabat pos telah dinaik taraf.



**SOALAN NO: 94**

Dari segi penyediaan kemudahan mesin ATM dan Mesin deposit pula, pelaksanaannya bukan hanya bergantung kepada pihak Pos Malaysia sahaja tetapi turut bergantung dengan kerjasama daripada bank yang berkaitan. Walau bagaimanapun, pihak Pos Malaysia tidak mempunyai masalah untuk menyewakan tapak di cawangannya kepada mana-mana bank yang berhasrat untuk menempatkan mesin ATM dan deposit mereka.

[KUAMTAN]

TARIKH : 18JUW 201:

**SOALAN:**

PUAM HAJAH FUZSAH BSNTI SALLEH (KUAMTAM) minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapakah SPR membenarkan Agensi KEMAS memindahkan pemiiih dari satu kawasan ke satu kawasan pilihan raya yang lain tanpa izin pemiiih tersebut. Kes pemiiih Zawawi Abdul (KP 530720045281) yang dipindahkan pusat mengundi dari Parlimen Bukit Katil ke Parlimen Kota Melaka adalah dirujuk. Berapa banyakkah kes yang sama yang telah dilaporkan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

**SOALAN NO:86**

**fjEMTERI D§ JABATAM PERDAMA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Seksyen 8(1) Akta Pilihan Raya 1958 dan tertakluk kepada Fasa! (1) Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh melantik apa-apa bilangan Penolong Pendaftar Pemilih sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih. Sehubungan dengan itu, SPR telah melantik seramai 2,961 orang Penolong Pendaftar Pemilih (PPP) secara keseluruhannya dari kalangan Wakil-wakil Jabatan Kerajaan untuk membantu SPR dalam urusan pendaftaran pemilih (sehingga 30 April 2012). PPP-PPP Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) merupakan sebahagian daripada 2,961 orang PPP yang telah dilantik ini. Borang Pendaftaran (Borang A) yang telah diterima secara suci hati melalui Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan Kerajaan) yang dilantik, akan diproses permohonan pendaftarannya selagi pemohon tersebut tidak hilang kelayakan sebagaimana ditetapkan Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan dan permohonan yang dibuat mematuhi syarat

sebagaimana yang dinyatakan Peraturan 12(1) dan (2), Peraturan-



mengesahkan mana-mana permohonan pendaftaran, berdasarkan Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, SPR akan mempamerkan senarai nama pemohon yang baru mendaftar dan yang membuat permohonan pertukaran alamat pusat mengundi untuk semakan. Apa-apa tuntutan atau bantafian ke atas permohonan yang dipamerkan bolehlah dibuat semasa tempoh pameran berlangsung. Proses pameran ini merupakan satu mekanisme '*check and balance*' bagi setiap proses pendaftaran pemilih yang dilaksanakan oleh SPR.

Bagi kes pemilih yang dinyatakan iaitu Encik Zawawi bin Abdul, nombor kad pengenalan 530720045281, hasil semakan mendapati bahawa terdapat permohonan pertukaran alamat pusat mengundi diterima daripada beliau pada 8 Disember 2010, menggunakan alamat di No 1, Jalan 5, Taman Desa Duyung, 75460 Melaka, melalui PPP (Wakil Jabatan Kerajaan - KEMAS). Permohonan tersebut telah

3

NO. SOALAN:96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :

LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]

TARIKH : 18 JUN 2012

SOALAN

Tuan Nga Kor Ming [ Taiping ] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara

terperinci kedudukan terkini dan kos yang terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (Western coastal Highway) sepanjang 316km dari Banting ke Taiping yang dilaporkan akan mengadakan kutipan TOL selama 60 tahun.

#### JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih dalam peringkat rundingan dengan syarikat konsesi mengenai projek ini. Oleh yang demikian, adalah *pre-mature* bagi Kerajaan untuk menjawab sebarang persoalan berhubung projek ini.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEDUA BELAS, TAHUN 2012  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN  
RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA YB. DATUK HAJAH NORAH**  
**BINTI ABD RAHMAN**  
**(TANJONG MANIS)**

**TARIKH 18.06.2012 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta  **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan memandangkan paip-paip air telah dibina di Pulau Br uit, bilakah air akan mengalir untuk kampung-kampung di Pulau Br uit.

**JAWAPAN :**

Untuk makluman Yang Berhormat, di Pulau Br uit terdapat 2 projek bekalan air yang masih dalam pelaksanaan. Bagi projek penyambungan paip retikulasi ke Kg. Saaie, Kg. Semup, Kg. Penibong, Kg. Betanak, Kg. Penuai, Kg. Salah Kecil, Kg. Sebakau, Kg. Petanak Ulu dan Rh Juing, projek telah mengalami kelewatan kerana terdapat kawasan yang tidak mempunyai jalan masuk yang sempurna bagi membolehkan jentera digunakan untuk pembinaan menyebabkan kesukaran membawa masuk bahan binaan ke tapak serta pelaksanaan projek. Walau bagaimanapun, Kementerian dengan kerjasama JKR Sarawak sedang berusaha agar projek berkenaan dapat disiapkan selewat-lewatnya pada akhir bulan Jun 2012.

Manakala bagi projek pemasangan paip ke Kg. Br uit dan Kg. Tekajong dijangka siap pada Ogos 2012. Projek-projek tersebut dijangka dapat memberi manfaat kepada lebih 12,000 orang penduduk di Pulau Br uit.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PADA                  TUAN CHOW KON YEOW**

**SOALAN NO <sup>1</sup>**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**[ TANJONG]**

**TARIKH                    18 JUN 2012**

**SOALAN**

**Tuan Chow Kon Yeow [ Tanjong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah prestasi yang ditunjukkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan apakah rancangan dan peruntukan yang akan disalurkan kepada negeri Pulau Pinang bagi menambahbaik pengangkutan awam darat di negeri tersebut.**

**JAWAPAN: YBDATUKHAJIAHMAD BINHAJIMASLAN**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA**  
**MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah membangunkan Undang-undang Subsidiari contohnya dari segi Pengawalseliaan Pelesenan, dimana SPAD telah mentransformasikan pemberian lesen yang mengikut kenderaan kepada pemberian lesen mengikut pengendali. Ini adalah bertujuan untuk mempertingkatkan proses penguatkuasaan dan pengawalseliaan kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pengendali. Di bawah pengawalseliaan pelesenan ini juga pihak SPAD telah menambahbaik garis panduan dan piawaian yang harus dipatuhi oleh pihak pengendali.

Selain daripada itu SPAD juga telah menyediakan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF)) yang bertujuan untuk membantu pengendali bas berhenti-henti bagi memastikan mereka dapat meneruskan



#### SOALAN NO:110

kesinambungan perkhidmatan walaupun di laluan yang tidak menguntungkan. Ini adalah bagi memastikan tiada rakyat yang terpinggir daripada mendapatkan perkhidmatan bas berhenti-henti.

SPAD telah menyiapkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Greater Kuala Lumpur / Klang Valley iaitu rancangan induk peringkat wilayah yang pertama di Malaysia, dimana rancangan ini bertujuan untuk mentransformasikan sistem pengangkutan awam darat di Malaysia kepada yang lebih baik dimana salah satu isu utama yang akan difokuskan adalah masalah kesesakan lalu lintas di Kuala Lumpur / Lembah Klang. SPAD juga dalam peringkat akhir penyediaan Rancangan Induk Peringkat Nasional yang merupakan sebuah dokumen yang mengandungi dasar-dasar makro dan juga perancangan ke arah mentransformasikan pengangkutan awam darat menjadi mod pilihan rakyat.

Berkenaan dengan pembangunan pengangkutan awam darat di Pulau Pinang, dasar-dasar dan juga prinsip makro akan digunakan bagi memastikan perancangan yang bersepadu dan menyeluruh dilaksanakan. Pada masa ini, Pejabat Negeri sedang dalam proses menyediakan Rancangan Induk Pengangkutan yang akan mengandungi pertimbangan untuk isu-isu pengangkutan awam darat. SPAD akan memantau pembangunan pengangkutan

awam di peringkat negeri Pulau Pinang bagi memastikan kesinambungan yang lancar dapat dicapai serta prinsip pengangkutan dan perancangan yang dijalankan adalah seiring dengan apa yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Peringkat Nasional.

**SOALAN NO.110**

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN                    BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA                    Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]

TARIKH                    18 Jun 2011 ( Isnin )

SOALAN                    99

Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN

menyatakan apakah tindakan yang diambil ke atas kerosakan Terminal Feri Pulau Pinang dan kerosakan *wave breaker* di Dermaga Marina, sila nyatakan kos pembaikan semula syarikat terbabit sama ada tender terbuka dijalankan dan bilakah ia akan siap.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kerja-kerja membaiki kerosakan di salah satu dermaga di Pangkalan Raja Tun Uda telah dimulakan pada 28 Mei 2012 dan dijangka siap pada 6 Januari 2013. Kos pembaikan adalah RM3.06 juta.

Bagi kerosakan struktur-struktur *wave breaker* di Tanjung City Marina pula, pengendali pelabuhan Pulau Pinang telah melantik juruperunding untuk menjalankan kajian bagi mengenalpasti tahap kerosakan dan kos sebenar pembaikan dan didapati bahawa kos pembaikan bagi membaiki kerosakan dan menyelenggara struktur tersebut adalah sangat tinggi.

Dalam hubungan ini, pihak pengendali pelabuhan masih menimbangkan syor-syor juruperunding berhubung tindakan-tindakan susulan dalam membaiki kerosakan-kerosakan yang berlaku di Tanjung City Marina tersebut.

NO. SOALAN: 100

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK BILLY ABIT JOO [HULU RAJANG]

TARIKH : 18 JUN 2012

Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta PERDANA MENTERI menyatakan seperti kenyataan beliau dalam akhbar The Star pada Jun 1 2012 yakni Bakun merupakan tunggak kejayaan SCORE (Sarawak Corridor Of Renewable Energy) oleh itu apakah langkah-langkah yang diambil oleh agensi-agensi kerajaan untuk memastikan penduduk setempat bersedia untuk berkhidmat terutamanya kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang dijangka akan melabur dalam industri-industri dalam SCORE. Contohnya dalam bidang akuakultur (sangkar ikan) yang dijangka berkembang pesat di tasik Bakun tidak lama lagi, apakah rancangan Jabatan Pertanian Sarawak (Bahagian Perikanan Darat) untuk memastikan para penduduk setempat bersedia menjadi tenaga kerja terlatih untuk syarikat-syarikat yang akan melabur dalam bidang ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, kejayaan SCORE sememangnya didorong oleh sumber tenaga hidro dan potensi tenaga lain yang telah dikenalpasti berjumlah 28,000MW. Empangan Hidroelektrik Bakun telah siap dan memulakan penjanaan turbin pertama sejak Ogos 2011 dan mempunyai kapasiti 2,400MW. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Unit Pembangunan Tenaga Kerja dibawah Jabatan Ketua Menteri khususnya bagi merangka polisi-polisi dan pelaksanaan keberkesanan program-program berkaitan. Langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan penduduk setempat bersedia untuk berkhidmat kepada syarikat-syarikat antarabangsa yang akan melabur dalam SCORE adalah:-

- a. Melibatkan para industri dalam *career fair, roadshow, seminar* dan persidangan;
- b. Malaysianisation, iaitu memberitahu para industri agar mengambil para pekerja tempatan dalam pengisian jawatan-jawatan yang diwujudkan disemua peringkat pekerjaan.

Jabatan Pertanian Sarawak selaku pengeluar lesen perikanan darat telah diluluskan peruntukan dalam RMK-10 melalui NKEA bagi tujuan ternakan ikan dalam sangkar di empangan Bakun untuk para penduduk setempat. Walau bagaimanapun, moratorium yang melarang aktiviti ini selama 3 tahun akan tamat dalam tahun 2013 bergantung pada kualiti air dalam empangan Bakun sama ada bertambah baik atau masih diperingkat tidak sihat.

**DEWAN RAKYAT**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT**  
**KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEDUA BELAS**  
**(2012)**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA                    YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF  
                                  [RANTAU PANJANG]

TARIKH                    18 JUN 2012 [ISNIN]

**SOALAN :**

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memartabatkan Islam sebagai agama Persekutuan dari semua sudut termasuk menaikkan taraf perundangan Islam dan institusi kehakiman.

**JAWAPAN:** (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha ke arah memperkasa dan memartabatkan Islam dari semua sudut sentiasa diberi keutamaan oleh Kerajaan menerusi gerak kerja yang berterusan dan komprehensif. Ini adalah selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan dan peruntukan-peruntukan lain

yang menjamin kedudukan istimewa agama Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan khususnya Sumpah Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 37 dan Jadual Keempat Perlembagaan Persekutuan untuk memelihara agama Islam pada setiap masa. Oleh itu, berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan tersebut, semua dasar dan undang-undang yang digubal oleh pemerintah hendaklah selaras dengan kedudukan Islam sebagai agama negara.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, komitmen terhadap kedudukan istimewa agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan telah diterjemahkan sama ada oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri menerusi penubuhan pelbagai jabatan/agensi/institusi keagamaan seperti Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Jabatan Wakaf dan Zakat dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang berperanan dalam pengurusan hal ehwal pentadbiran agama Islam di Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan juga telah menujuhkan beberapa buah sekretariat dan jawatankuasa yang bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam isu-isu berkaitan agama Islam. Antaranya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Majlis Perundingan Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Persidangan Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia, Panel

Kajian Aqidah, Panel Kajian Syariah dan Majlis Penasihat Syariah. Setiap Jawatankuasa yang dibentuk ini mempunyai fungsi mereka masing-masing dalam menyelesaikan isu agama terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan agama. Sesuatu isu agama yang ditimbulkan akan dibuat kajian terlebih dahulu sebelum dibincangkan dan diputuskan oleh Jawatankuasa yang berkaitan.

Berhubung dengan usaha menaik taraf sistem perundangan Islam dan institusi kehakiman, Kerajaan sentiasa memastikan bahawa penggubalan sesuatu undang-undang di negara ini adalah selaras dengan prinsip Hukum Syarak dan maqasid Syariah. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan pada tahun 1988 yang diurus setiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Antara fungsi Jawatankuasa ini ialah untuk mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara. Usaha ini dijalankan secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri.

Selain itu, usaha menaik taraf sistem perundangan Islam di negara ini turut mengambil kira cadangan untuk meningkatkan had bidang kuasa mahkamah Syariah di Negeri-Negeri. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan sedang dalam perhatian yang serius untuk meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh mahkamah Syariah melalui pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Menerusi pindaan tersebut, had bidang kuasa mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman yang pada ketika ini ditetapkan pada hukuman

penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan sebatan tidak melebihi enam kali, boleh diperluaskan sesuai dengan keperluan semasa.

Dalam hal ini, usaha tersebut dijalankan selaras dengan komitmen Kerajaan untuk menaik taraf sistem kehakiman Syariah di negara ini. Susulan daripada pembentangan Kertas Cadangan Menaik Taraf Kedudukan Mahkamah Syariah Dan Hakim-Hakim Mahkamah Syariah Di Malaysia dalam Mesyuarat Kebangsaan Bagi Hal-Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 22 Ogos 2011 yang lalu, pada masa sekarang, Kerajaan sedang mengadakan kunjungan hormat ke Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan maklum balas dan pertimbangan berhubung cadangan menaik taraf Mahkamah Syariah tersebut.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA YB TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN  
[PADANG SERAI]  
TARIKH 18 JUN 2012  
SOALAN

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan sama ada wujud penyelarasan (*standardization*) ke atas kadar bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta kepada pesakit. Bagaimana pihak Kementerian membuat pemantauan dan memastikan kadar bayaran yang dikenakan kepada pesakit tidak berlebihan dan mengapakah kos bayaran berlebihan sehingga 30% dikenakan oleh pihak hospital swasta bagi pesakit yang menggunakan perkhidmatan insurans atau

**SOALAN NO : 102**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

*"insurance medical card".*

Tuan Yang di-Pertua

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali bersama-sama dengan satu soalan yang lain yang menyentuh isu berkaitan iaitu pertanyaan daripada Y.B Setiawangsa bertarikh 25 Jun 2012 kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah berkaitan di antara satu sama lain.



## **Tuan Yang di-Pertua**

Sejak tahun 2006, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memantau kos atau fi profesional untuk perundingan dan prosedur perubatan dan pergigian berpandukan Jadual Ketiga Belas Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, yang memperuntukkan fi profesional dalam kadar maksimum (kadar siling) atau julat fi yang selaras, yang boleh dikenakan oleh pengamal perubatan atau pergigian yang mengamal di mana-mana hospital swasta.

Fi selain daripada fi profesional, tidak dikawalselia oleh KKM seperti fi penginapan, fi tatacara kejururawatan, fi peralatan, fi ujian makmal dan fi ubat-ubatan. Kadar fi tersebut boleh berbeza-beza di antara satu hospital swasta dengan hospital swasta yang lain disebabkan beberapa faktor seperti kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan, lokasi hospital swasta, kos pemasaran, pengendalian dan penyenggaraan hospital serta perubahan harga pasaran bagi ubat-ubatan.

KKM amat prihatin dengan perkara yang dibangkitkan berhubung caj perkhidmatan perubatan yang tinggi. Secara umumnya, Kementerian boleh membantu orang awam yang mendapatkan rawatan di kemudahan jagaan kesihatan swasta dari segi berikut:

1. Membuat pemantauan ke atas caj yang dikenakan oleh pengamal perubatan yang menjalankan amalan di kemudahan jagaan kesihatan swasta supaya mematuhi Jadual Ketiga Belas, Peraturan-Peraturan

Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006;

2. Menyiasat mana-mana kos rawatan yang disifatkan terlalu mahal dan boleh dipertikaikan tidak seperti anggaran kos keseluruhan yang terlebih dahulu telah dimaklumkan kepada pesakit sebelum memulakan rawatan oleh mana-mana orang yang dipertanggungjawabkan oleh pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta;
3. Dalam membantu orang awam menangani senario di mana hospital swasta mengenakan caj yang begitu tinggi untuk kos perubatan, seseorang pesakit boleh mengemukakan ketidakpuasan hati kepada pihak hospital swasta mengenai caj yang dikenakan seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 40, Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Pihak hospital dikehendaki untuk menyiasat ketidakpuasan hati tersebut dan mengemukakan jawapan dalam tempoh 10 hari bekerja. Sekiranya pihak pengadu masih tidak berpuas hati dengan jawapan yang diberikan, ketidakpuasan hati tersebut boleh dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan untuk siasatan serta tindakan selanjutnya;
4. Dengan itu, Kementerian berharap supaya pesakit memainkan peranan penting untuk memantau sendiri kos perubatan yang dikenakan dengan membandingkan caj keseluruhan yang dibilkan kepada pesakit dengan anggaran kos yang telah diberikan kepada pesakit

seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 27(1 )(a), Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.

Di bawah peruntukan tersebut, pihak hospital swasta perlu memastikan bahawa seseorang pesakit, sebagai haknya, diberikan maklumat termasuk kos yang mungkin dikenakan bagi rawatan, penyiasatan atau prosedur yang hendak dijalankan. Selain itu, di bawah perenggan 26(1 )(a), Peraturan-Peraturan yang sama, pesakit, di atas permintaan, juga mempunyai hak untuk diberitahu caj yang dianggarkan bagi perkhidmatan bersesuaian dengan diagnosis awal yang dibuat sebelum memulakan jagaan atau rawatan;

Berdasarkan keputusan siasatan ke atas pertanyaan atau aduan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah menyarankan atau memberi peringatan kepada pihak hospital swasta supaya mematuhi fi yang tertera dalam Jadual Ketiga Belas dan mengenakan fi yang munasabah ke atas pesakit. Mengambil tindakan ke atas mana-mana kemudahan jagaan kesihatan swasta atau pengamal perubatan atau kedua-duanya sekali mengikut mana-mana peruntukan berkaitan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] sekiranya didapati mengenakan caj yang tidak munasabah termasuk merujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia.



KKM berpendapat dengan kerjasama semua pihak termasuk pesakit sendiri, langkah-langkah dan mekanisme untuk memantau dan mengawal kos rawatan yang dikeluarkan hospital swasta dapat dilaksanakan supaya kos rawatan tidak terus meningkat dengan sewenang-wenangnya.

Dalam isu '*insurance medical card*', KKM amat prihatin dengan perkara yang dibangkitkan iaitu berhubung caj berlebihan yang dikenakan oleh hospital swasta apabila pesakit membayar bil dengan menggunakan '*insurance medical card*'. Isu caj berlebihan sepatutnya tidak berlaku apabila kadar yang dikenakan telah dimaklumkan dan dipersetujui terlebih dahulu oleh semua pihak hospital swasta, pesakit dan insurans. Sehubungan dengan itu, bagi mengatasi perkara ini, Kementerian Kesihatan akan mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi termasuk syarikat insurans, hospital swasta dan Organisasi Jagaan Yang Diuruskan (MCO) bagi menyelesaikan isu aduan pemegang kad insurans yang mendakwa mereka dikenakan caj berlebihan ketika mendapatkan rawatan di hospital swasta dalam masa terdekat.

**SOALAN NO: 103**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**LISAN**

**YB. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [ PASIR PUTEH ]**

**PERTANYAAN**

**ISNIN, 18 JUN 2012**

**DARIPADA**

**15 [PR-1252-L50466]**

**TARIKH**

**RUJUKAN**

**SOALAN Tuan Muhammad bin Husain [ Pasir Puteh ]**

**minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN**

**KESEJAHTERAAN BANDAR**

menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang mengisytiharkan jenis perniagaan yang mengganggu ketenteraman seperti menjual burger di hadapan rumah Datuk S. Ambiga baru-baru ini sebagai satu kesalahan dari segi undang- undang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menggunakan Undang-udang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai (WPKL) 1989 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap akitiviti perniagaan sama ada berlesen atau tidak berlesen.

Di samping itu, DBKL cuma mengeluarkan lesen perniagaan untuk kawasan-kawasan yang sesuai dan tidak akan menganggu ketenteraman awam. Berkaitan dengan penjaja-penjaja yang menjual burger di hadapan rumah Datuk S. Ambiga, setelah mendapat maklumat tentang kejadian tersebut, maka DBKL telah membuat rondaan dan pemantauan sehingga 24 Mei 2012 termasuk mengambil tindakan memadamkan lot petak niaga yang telah dibuat tanpa kebenaran DBKL di hadapan rumah Datuk S. Ambiga.



**NO. SOALAN : 104**

DARI PEMERINTAH MELAKA  
DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD [ KOTA RAJA ]  
**DEWAN RAKYAT**

18 JUN 2012

TARIKH

4

RERUJUAN/MAAN

7

LISAN

9

**SOALAN:**

**Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status masalah pengsterisme dalam negara kita dan sebab musabab masalah ini masih berleluasa. Nyatakan juga peratusan penglibatan mengikut kaum dan apakah usaha dan strategi Kerajaan untuk menangani masalah ini di kalangan remaja.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Raja yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, adalah tidak dinafikan wujudnya beberapa kumpulan haram di seluruh negara. Walaubagaimanapun melalui pemantauan yang menyeluruh PDRM beberapa kumpulan haram telah berjaya dibendung. Namun begitu masih lagi terdapat beberapa kumpulan yang masih aktif tetapi pihak PDRM sentiasa mengadakan operasi dan pemeriksaan yang bersifat '*Harassment*' dari masa ke semasa ke atas ahli-ahli kumpulan haram ini yang bertujuan supaya kumpulan haram ini dapat dibanteras sehingga akar umbi. Antara langkah yang diambil oleh pihak PDRM adalah seperti rondaan pencegahan dan '*harassment*' serta aktiviti risikan yang kerap di lokasi-lokasi pergerakan kumpulan kongsi gelap / samseng serta membuat dokumentasi. Bagi kes-kes jenayah kekerasan seperti pembunuhan, pergaduhan dan lain-lain jenayah yang melibatkan kumpulan Kongsi Gelap ataupun mana-mana individu, dengan adanya bukti yang kukuh maka pihak polis akan menangkap dan mendakwa mereka di bawah undang-undang Kanun Keseksaan seperti di bawah Sek.302 KK, 147-148 KK, 323-326 KK dan lain-lain serta di bawah Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada operasi dan pemantauan yang dilakukan, pihak PDRM juga turut mengadakan aktiviti kesedaran masyarakat untuk membendung kecenderungan masyarakat terutamanya golongan remaja dari merapatkan diri mereka kepada kumpulan kongsi gelap ini. PDRM juga telah menempatkan pegawai polis sebagai Pegawai Perhubungan Sekolah untuk berkerjasama dengan pihak sekolah bagi membendung gangsterisme di sekolah. Melalui cara ini juga, pihak polis boleh mendapatkan maklumat berkaitan perkara ini dengan mudah dan tepat. Pihak PDRM juga sering mengadakan ceramah dan pameran berkaitan kegiatan buli dan gangsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Melalui pendekatan ini, ia akan menyedarkan pelajar-pelajar tentang bahayanya penglibatan mereka di dalam kegiatan jenayah buli dan gangsterisme. Pelajar-pelajar juga dapat didedahkan tentang undang-undang berkaitan yang boleh diambil tindakan oleh pihak berkuasa.